

Volume I
No. 35



Monday
14th December, 1964

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**FIRST SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 4437]

SITTINGS OF HOUSE—EXTENSION OF TIME (Motion)
[Col. 4439]

**SUSPENSION OF STANDING ORDERS—EXTENSION
OF TIME IN COMMITTEE OF SUPPLY (Motion)**
[Col. 4439]

THE SUPPLY BILL, 1965:

Schedule—

Heads S. 18, S. 19 and S. 20 [Col. 4440]

ADJOURNMENT (Motion) [Col. 4553]

ADJOURNMENT SPEECH:

Issue of Taxi Licences [Col. 4553]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

First Session of the Second Dewan Ra'ayat

Monday, 14th December, 1964

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of National Rural Development and Assistant Minister of Justice, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).

- The Honourable the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports,
 ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K.,
 (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education,
 ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K., (Sepang).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu
 Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K.
 (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI
 (Pasir Mas Hulu).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
 RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N.,
 S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
 (Johore Bahru Timor).
- “ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
 (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P.
 (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
 (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).

- The Honourable ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- ” ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- ” DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johore Tenggara).
- ” PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- ” ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- ” ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- ” ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- ” ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- ” DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- ” ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- ” DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- ” ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- ” ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- ” WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- ” TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- ” ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- ” TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- ” DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- ” DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- ” ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- ” ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- ” ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).
- ” TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- ” ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- ” ABANG OTHMAN BIN HAJI MOASILI, P.B.S. (Sarawak).
- ” ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- ” TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johore Bahru Barat).
- ” ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- ” TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- ” RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- ” ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- ” ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- ” ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- ” ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

- The Honourable ENCHE' SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim Bandar Bharu).
- „ ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

- The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).
- „ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ ENCHE' E. W. BARKER (Singapore).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ DR GOH KENG SWEE (Singapore).

The Honourable WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).

- „ ENCHE' STANLEY HO NYUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' JEK YEUN THONG (Singapore).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ DATU KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).
- „ ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ DATO' LIM KIM SAN, D.U.T., J.M.K., D.J.M.K. (Singapore).
- „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAI (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).
- „ ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ DR TOH CHIN CHYE (Singapore).
- „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

PEMBERIAN WANG KAPADA PENUNTUT² SEKOLAH² UGAMA DI-SARAWAK

Abang Othman bin Haji Moasili bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah Kerajaan boleh memberi kemudahan² sa-chara pemberian wang kerana pelajaran kepada penuntut² Sekolah Ugama di-Sarawak, untuk mereka

melanjutkan pelajaran-nya di-Kolej Islam, Klang.

The Acting Minister of Education (Enche' Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum lagi ada rancangan untuk memberi derma pelajaran kepada penuntut² Sekolah Ugama di-Sarawak bagi melanjutkan pelajaran mereka di-Kolej Islam. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, di-negeri² di-Tanah Melayu dan juga di-Singapura, derma pelajaran untuk melanjutkan pelajaran di-Kolej

Islam ada-lah di-keluarkan oleh Kerajaan Negeri masing².

Persekutuan bagi tahun 1965 dalam Jawatan-kuasa Perbekalan di-tambah hingga 17 hari.

SITTINGS OF THE HOUSE— EXTENSION OF TIME

(Motion)

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan—

Bahawa Majlis ini memerentahkan ia-itu meshuarat² Dewan Ra'ayat sa-belah petang bagi tempoh meshuarat sekarang ini hendaklah di-teruskan sampai pukul 8 malam dan bukan-lah sampai pukul 6.30 petang, dan pada apa² hari di-chadangkan usul menurut Peratoran Meshuarat 17 hendaklah di-teruskan meshuarat sampai 8.30 malam dan bukan sampai pukul 7 malam.

The Minister of Welfare Services (Tuan Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Question put, and agreed to.

Resolved,

Bahawa Majlis ini memerentahkan ia-itu meshuarat² Dewan Ra'ayat sa-belah petang bagi tempoh meshuarat sekarang ini hendaklah di-teruskan sampai pukul 8 malam dan bukan-lah sampai pukul 6.30 petang, dan pada apa² hari di-chadangkan usul menurut Peratoran Meshuarat 17 hendaklah di-teruskan meshuarat sampai 8.30 malam dan bukan sampai pukul 7 malam.

SUSPENSION OF STANDING ORDERS—EXTENSION OF TIME IN COMMITTEE OF SUPPLY

(Motion)

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan—

Bahawa sungguh pun telah ada syarat-nya dalam Peratoran Meshuarat 66 (4) Majlis ini memerentahkan ia-itu masa yang di-tetapkan bagi menimbangkan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan bagi tahun 1965 dalam Jawatan-kuasa Perbekalan di-tambah hingga 17 hari.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Question put, and agreed to.

Resolved,

Bahawa sungguh pun telah ada syarat-nya dalam Peratoran Meshuarat 66 (4), Majlis ini memerentahkan ia-itu masa yang di-tetapkan bagi menimbangkan Anggaran Perbelanjaan

BILL

THE SUPPLY BILL, 1965

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Ninth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE

The Minister of Education (Enche' Mohamed Khir Johari): Tuan Pengerusi, dengan kebenaran Tuan, saya mohon menchadangkan supaya Kepala Peruntokan yang tersebut di-bawah ini bagi Kementerian Pelajaran untuk tahun 1965 menjadi sa-bahagian daripada Jadual:

- (i) Kepala 18, yang mengadakan wang sa-banyak \$48,628,746 untuk Gaji², Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun, dan Lain² Perbelanjaan Khas bagi negeri² di-Tanah Melayu;
- (ii) Kepala 19, yang mengadakan wang sa-banyak \$239,358,359 untuk Bantuan Pelajaran dan Pemberian Bantuan bagi negeri² di-Tanah Melayu;
- (iii) Kepala 20, yang mengadakan wang sa-banyak \$14,669,488 untuk perbelanjaan pelajaran di-negeri Sabah, dan wang sa-banyak \$17,656,758 untuk perbelanjaan pelajaran di-negeri Sarawak.

Dengan kebenaran Tuan, saya suka menerangkan berkenaan Kepala 18 dan 19 berhubung dengan negeri² di-Tanah Melayu, sa-lepas itu saya akan berpindah pula kepada Kepala 20 untuk negeri Sabah dan Sarawak.

Dalam masa yang telah lalu, Anggaran Perbelanjaan Pelajaran untuk negeri² di-Tanah Melayu, telah ditunjukkan di-bawah satu Kepala dan ini-lah kali pertama-nya kami membuat perubahan dengan mengadakan dua Kepala yang berasingan. Oleh kerana jumlah wang di-kawal oleh Kementerian sangat besar maka dari segi

pentadbiran ada-lah baik di-tunjokkan wang untuk "Bantuan Pelajaran" dan "Pemberian Bantuan" di-bawah Kepala yang berasingan.

Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat maseh ingat, jumlah yang mula² di-luluskan untuk tahun 1964 kerana Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun bagi pelajaran bagi negeri² Tanah Melayu lebeh sedikit daripada \$256,000,000 dan jumlah ini kemudian-nya terpaksa ditambah dengan \$10 juta lagi, menjadikan jumlah peruntukan bagi Kementerian lebeh sedikit daripada \$266 juta.

Jumlah ini juga di-minta bagi tahun 1965, sa-bagaimana yang di-sebutkan di-bawah Kepala 18 dan 19 sa-banyak \$287,987,105. Dan ini ada-lah menunjukkan kelebihan lebeh kurang \$21 juta ia-itu 7.9 peratus lebeh daripada peruntukan bagi tahun 1964. Ini, Tuan Pengerusi, ada-lah sa-benar-nya tambahan yang sangat sederhana di-bandingkan dengan bilangan murid² yang akan bertambah ramai pada tahun 1965 apabila sistem pelajaran aneka jurusan di-mulakan di-negeri ini untuk kali yang pertama. Saya akan menerangkan berkenaan dengan sistem pelajaran lebeh lanjut lagi kemudian. Memadai-lah jika saya katakan pada masa ini bahawa pada tahun 1965 bilangan murid² sekolah di-jangka bertambah sa-banyak 12.3 peratus lebeh daripada angka yang di-daftarkan bagi tahun 1964 di-bandingkan dengan kadar kenaikan belanja yang biasa ia-itu sa-banyak 4.3 peratus. Bilangan murid² untuk tahun 1965 ada-lah di-jangka bertambah sa-banyak 166,792 orang dan dari bilangan ini 110,000 murid akan masuk Tingkatan Satu Kelas Peralehan di-dalam Sekolah² Menengah Rendah.

Kementerian saya memang sedar tentang mustahak-nya di-elakkan dari memboroskan wang, lebeh² lagi jika negeri ini sedang menghadapi kesukaran. Saya suka menegaskan bahawa Kementerian ini bersungguh² mengakui sukatan² ekonomi yang di-chadangkan oleh rakan saya, Yang Berhormat Menteri Kewangan, dan yang telah di-terima oleh Dewan ini. Jika Ahli² Yang Berhormat melihat sa-kali lalu Anggaran Perbelanjaan untuk Kementerian ini mereka akan dapat ia-itu untuk Kepala

18 sahaja tidak kurang daripada 20 Pechahan Kepala telah di-potong peruntukan-nya. Walau bagaimana pun jimat chermat ada juga batasan-nya. Oleh kerana keperluan pelajaran, khusus-nya di-negeri yang sedang maju, seperti negeri kita ini, sentiasa bertambah² dan keperluan ini mesti-lah di-penuhi walau pun terpaksa berkorban dari segi lain oleh kerana kita mesti-lah ingat bahawa pelajaran pada hari ini bukan-lah di-i'tirafkan sa-mata² sa-bagai perkhidmatan masyarakat sahaja, tetapi pada 'am di-aku² bahawa pelajaran ada-lah menjamin kemajuan dan kema'moran sa-buah negeri. Sa-benar-nya kemajuan sa-sabuah negeri itu biasa-nya ada-lah di-pandang dari segi beberapa banyak kemudahan² pelajaran yang dapat di-beri kepada ra'ayat dan sa-balek-nya itu sistem pelajaran yang kokoh ada-lah mustahak di-maju dan di-jayakan.

Patut saya sebutkan juga bahawa peruntukan di-bawah Kepala 18 dan 19 ada-lah sa-kecil²-nya yang di-kehendaki oleh Kementerian Pelajaran untuk memenuhi segala tanggungjawab-nya bagi tahun 1965. Dan saya bersungguh² berharap Ahli² Yang Berhormat sakalian tidak akan terperanjat jika saya terpaksa datang lagi ka-Dewan ini seperti dua tahun lalu untuk meminta peruntukan tambahan bagi membolehkan Kementerian ini menjalankan segala rancangan dan kegiatan-nya. Dengan penerangan permulaan yang ringkas ini, sekarang saya akan menyentuh serba ringkas dan dengan chara 'am beberapa butir perbelanjaan dalam Anggaran Perbelanjaan ini di-bawah Kepala 18 dan 19 ini.

- (a) *Gaji*. Jumlah yang di-perlukan oleh Kementerian ini untuk gaji sa-bagaimana yang di-tunjokkan di-bawah Kepala 18 ia-itu \$15,484,151 lebeh sedikit satu juta ringgit daripada perbelanjaan yang di-luluskan untuk tahun 1964. Lebeh ini ia-lah untuk bayaran kenaikan gaji dan untuk 107 jawatan baharu bagi menghadapi tanggungjawab yang bertambah² yang terpaksa di-sem-purnakan oleh Kementerian ini.

(b) *Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun.* Ada-lah sedikit sahaja tambahan di-bawah Pechahan Kepala ini dan tambahan² itu kebanyakan-nya ia-lah untuk latehan guru. Mithal-nya, jumlah yang di-kehendaki di-bawah Pechahan Kepala 28—Elaun Guru² Pelateh telah bertambah dari 4.6 juta ringgit pada tahun 1964 hingga 14 juta ringgit pada tahun 1965. Sa-banyak 1.2 juta ringgit lagi telah di-minta di-bawah Pechahan Kepala 18 untuk kursus² hujung minggu dan chuti, sunggoh pun peruntukan kerana ini tidak di-adakan pada tahun 1964. Tambahan ini khusus-nya ia-lah untuk latehan guru berikutan dengan permulaan ranchangan ini dan lebih kurang 4,500 orang guru mesti-lah di-lateh pada tahun 1965. Ini terpaksa di-adakan dasar belajar dan mengajar, mengadakan kursus² pada hujung minggu dan di-dalam chuti² sekolah.

(c) *Lain² Perbelanjaan Khas.* Sa-lain daripada tambahan biasa dalam beberapa perkara, tidak ada tambahan besar di-bawah Pechahan Kepala ini.

(d) *Bantuan Pelajaran.* Jumlah bantuan yang di-minta untuk tahun 1965 bagi sekolah² rendah di-bawah butiran (1) hingga (11) Kepala 19 ia-lah \$220,483,390 berbanding dengan \$204,199,577 yang di-luluskan bagi tahun 1964. Tambahan pertama-nya untuk bantuan sekolah² rendah dan menengah yang di-sebabkan oleh bilangan murid² yang bertambah di-sekolah rendah dan tambahan bilangan murid yang di-jangka serta-merta naik dengan permulaan Ranchangan Pelajaran Aneka Jurusan itu.

(e) *Pemberian Bantuan.* Jumlah yang di-minta untuk tahun 1965 bagi pemberian² bantuan ada-lah menunjukkan tambahan kurang daripada .3 juta ringgit daripada jumlah seluroh-nya yang di-luluskan bagi tahun 1964. Tambahan itu terutama-nya di-bawah Pechahan

Kepala 30, Kepala 19 berbubungan dengan Universiti Malaya. Tambahan ini ia-lah untuk memenuhi sumbangan yang akan dilakukan oleh Universiti Malaya.

Tuan Pengerusi, saya tidak akan menggunakan banyak lagi masa Ahli² Yang Berhormat dengan memberikan butiran² anggaran perbelanjaan itu. Jika ada Ahli² Yang Berhormat di-Dewan ini yang berkehendakkan penerangan lagi berkenaan dengan satu² butir yang belum saya sebutkan, maka saya chuba dengan sa-berapa daya untuk menerangkan. Dengan itu saya akan menerangkan pula kegiatan² besar yang telah di-jalankan oleh Kementerian ini pada tahun 1964. Sambil itu suka juga saya menerangkan dengan 'am-nya beberapa matalamat yang Kementerian ini berharap menchapai-nya pada tahun hadapan.

*Sistem Pelajaran Aneka Jurusan—*Terlebeh dahulu daripada ini, Dewan ini telah pun meluluskan Undang² Pelajaran Pindaan bagi tahun 1964 yang akan mengorak langkah untuk permulaan sistem Pelajaran Aneka Jurusan mulai daripada 1 haribulan Januari, tahun 1965. Memandangkan kapada perbahathan yang tidak begitu hangat itu ada-lah membuktikan bahawa ra'ayat negeri ini sa-memangnya menyambut baik akan susunan sa-mula pelajaran menengah kita. Keputusan menyemak sa-mula atau penyusunan sa-mula pelajaran menengah kita—keputusan menyemak sa-mula bentok pelajaran yang ada itu dan mengubah-nya dengan chara sistem Pelajaran Aneka Jurusan sa-sunggoh²nya ada-lah terbit daripada Penyata Jawatan-kuasa Ikhtilas yang mengandongi pegawai² tinggi dari Kementerian ini yang telah di-lantek pada bulan April tahun 1963 dahulu, khas-nya untuk menyiasat sistem sekolah pelajaran lanjutan serta pepereksaan masuk ka-sekolah menengah yang terbukti tidak beberapa di-sukai ramai. Dengan ringkas-nya pepereksaan yang telah di-buat oleh Jawatan-kuasa Ikhtilas itu, di-antara lain² ia-lah yang pertama bahawa pepereksaan masuk sekolah menengah Persekutuan itu di-hapuskan dan pepereksaan yang pertama bagi

murid² sekolah ada-lah Sijil Rendah Pelajaran. Dan yang kedua, bahawa Sekolah Menengah Rendah yang ada itu di-beri chorak yang sesuai supaya murid² yang tamat pelajaran rendah dalam enam tahun itu boleh masuk ka-Sekolah Menengah dengan tidak payah masuk sa-barang peperiksaan. Dengan ringkas-nya, sistem pelajaran aneka jurusan itu akan memberi kanak² pelajaran dengan tidak berputus² sa-kurang²-nya sa-lama sembilan tahun ia itu enam tahun pelajaran rendah dan tiga tahun lagi pelajaran di-Sekolah Menengah Rendah. Tiap² murid, apabila telah tamat pelajaran rendah sa-lama enam tahun itu, akan terus belajar sa-lama tiga tahun lagi di-Sekolah² Menengah Rendah.

Untuk memulakan ranchangan ini dari tahun hadapan, maka Peperiksaan Masok ka-Sekolah Menengah Persekutuan itu ada-lah di-berhentikan dari tahun ini. Pemilihan untuk kursus sekolah dan latehan, sesuai dengan bakat dan kebolehan murid² itu, akan di-lakukan pada akhir tahun ka-semblan berdasarkan kapada peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Murid² di-Sekolah² Menengah Rendah terpaksa mengikuti pelajaran Aneka Jurusan—pelajaran ‘am dan persediaan pekerjaan—dengan tujuan menolong diri mereka mengetahui apa-kah bakat dan kechenderongan, dan jenis pelajaran, aliran akademi atau lain² yang baik sa-kali untuk kebolehan masing².

Pelajaran ‘am itu termasuk-lah mata pelajaran wajib dan mata pelajaran asas saperti Bahasa Kebangsaan, bahasa murid² itu sendiri, bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains ‘Am. Pelajaran Persediaan Pekerjaan itu termasuk-lah mata pelajaran Sains Pertanian, Sains Rumah-tangga, Ilmu Perusahaan, Ilmu Perniagaan ‘Am, dan lain² lagi. Pada akhir tahun ka-semblan, murid² itu akan mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan dengan berdasarkan kapada keputusan peperiksaan itu mereka akan di-pilih untuk masok pelajaran Menengah Atas Aneka Jurusan dalam aliran akademi, teknik, pertanian, perdagangan atau pertukangan dan sekolah² pekerjaan, yang sesuai.

Apabila mereka tamat pelajaran menengah atas itu, kebanyakan murid² itu tentu-lah telah menerima latehan chukup untuk menchari kehidupan mereka dan tentu berumur 17 atau 18 tahun ia-itu umur yang sesuai untuk menchari pekerjaan dalam perdagangan, perusahaan atau pertanian, atau bekerja sendiri, mengikut kesukaan masing², sementara mereka yang berbakat untuk pelajaran dalam aliran akademi pula akan meneruskan pelajaran mereka ka-maktab² dan lain² yayasan. Dengan ringkas-nya, penyusunan sa-mula pelajaran kita ini ada-lah bertujuan :

- (a) memberi pelajaran asas dan ‘am sa-lama 9 tahun kapada tiap² orang murid hingga ia berumur 15 tahun lebeh;
- (b) mengadakan peluang belajar yang sama bagi tiap² orang murid supaya ia boleh menerima pelajaran dan latehan yang sesuai dengan bakat dan kebolehan-nya; dan
- (c) menjamin chukup tenaga orang ramai pada semua peringkat kechekapan teknik untuk pembangunan dan kemajuan negeri ini.

Tuan Pengerusi, kesukaran² dari segi kewangan dan lain² lagi yang terbit dari pelaksanaan Sistem Pelajaran Aneka Jurusan itu telah di-kaji dengan teliti dan di-nilai oleh Kementerian saya, dan beberapa buah Jawatan-kuasa Kerja dan Jawatan-kuasa Kechil berkenaan tempat, peruntukan guru dan latehan guru, sukatan pelajaran dan peperiksaan dan panduan serta nasihat telah di-tubuhkan untuk menguruskan segala aspek ranchangan itu satu persatu.

Tuan Pengerusi, pegawai² Kementerian saya, sa-lama beberapa bulan yang lalu, telah bekerja dengan giat-nya supaya ranchangan ini, sunggoh pun sangat tinggi matlamat-nya, tidak akan terhalang. Tugas melaksanakan Sistem Pelajaran Aneka Jurusan itu boleh di-lancharkan dengan besar-nya jika dapat di-adakan 4,000 buah bilek darjah pada tahun 1965 sahaja, bagi 110,000 orang murid² dalam Tingkatan I dan Kelas² Peralehan, dan melateh 4,500

guru² lagi. Mutu pelajaran terpaksa di-pelihara dengan teliti dan pelajaran yang sempurna mesti-lah di-beri. Tugas ini ada-lah tugas yang tidak boleh di-sempurnakan dengan sa-kelip mata sahaja dan oleh kerana itu saya merayu kapada Ahli² Yang Berhormat supaya bersabar sedikit dengan Kementerian saya, jika sa-kira-nya ada di-antara sekolah² itu yang tidak dapat di-siapkan pada tahun 1965. Tetapi saya sedia memberi akuan bahawa semua urusan akan di-buat untuk mengadakan chukup tempat bagi sementara di-sekolah² yang sedia ada itu bagi murid² yang akan masok ka-Tingkatan Satu dan Kelas Peralehan pada tahun 1965. Ini mungkin akan mengganggu murid² dan juga ibu bapa, dan saya berharap mereka yang terganggu itu boleh bersabar sementara.

Latehan Guru—Hasil daripada penyemakan Ranchangan Latehan Guru pada tahun 1962 dan 1963, kedua² Latehan Guru Sekolah Menengah dan Rendah telah di-susun sa-mula mulai daripada tahun 1964. Sukatan pelajaran baharu untuk Maktab² Latehan Rendah dan Menengah yang mengandongi dasar² baharu dalam lapangan pelajaran guru² telah di-mulakan.

Akibat dari penyusunan sa-mula itu, tiap² buah Maktab Perguruan Menengah akan mengadakan latehan ilmu khas di-dalam beberapa chawangan bidang pelajaran sekolah. Maktab² ini mengadakan kursus² asas untuk guru² pelateh dan kursus² tambahan untuk guru² terlateh. Dengan memberi latehan khas dalam beberapa mata pelajaran di-Maktab² Perguruan Menengah itu maka Kementerian saya boleh-lah menerbitkan guru² ilmu khas untuk menghadapi kekurangan guru siswazah di-sekolah² menengah pada masa ini. Beberapa peratoran khas telah juga di-ambil untuk meluaskan latehan guru dalam bahasa Melayu sa-bagai bahasa penghantar untuk mengadakan guru² bagi Sekolah² Menengah Kebangsaan di-negeri ini.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang saya telah sebutkan tadi, Kementerian saya sedang menghadapi tugas yang sukar untuk melateh 4,500 orang lagi guru² bagi tahun 1965 sahaja, akibat dari permulaan Sistem Pelajaran Aneka

Jurusan itu. Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, patut saya sebutkan bahawa ranchangan telah pun di-buat untuk melateh guru² di-Pusat² Latehan Daerah yang akan di-tubuhkan di-semua bandar² besar di-seluruh negeri ini dan menyatu-padukan ranchangan latehan guru di-Pusat² Latehan Perguruan, supaya darjah latehan guru yang sama dapat terpelihara. Ada-lah di-jangka sa-kurang²-nya 28 buah Pusat² Latehan Daerah akan di-tubuhkan pada tahun 1965 ia-itu sa-bagai latehan tambahan yang di-beri di-enam buah Maktab Perguruan Menengah di-seluruh negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya suka menerangkan di-sini bahawa kita tidak akan susah mendapatkan chalun² yang ber-kelayakan yang sesuai untuk di-pileh menjadi guru² pelateh. Sa-ramai 21,400 orang chalun telah membuat permohonan untuk 5,400 tempat di-Maktab² Perguruan Menengah dan Pusat² Latehan Daerah dan 2,100 tempat di-Maktab²/Pusat² Perguruan Rendah pada tahun 1965. Memilih chalun² yang terbaik bagi latehan guru tugas itu ada-lah di-jalankan di-Pusat² yang di-tubuhkan oleh Kementerian saya.

Memang di-akuhi bahawa darjah pelajaran di-sa-sabua negeri itu bergantung besar kapada guru² yang ada dan, yang demikian, Kementerian saya berpendapat bahawa latehan sa-belum ber-khidmat itu tidak-lah menchukupi, tetapi latehan itu mesti-lah juga di-sokong dengan Latehan Dalam Perkhidmatan, jika mutu pengajaran itu hendak di-pelihara. Saya suka memberitahu Dewan ini bahawa Kementerian Pelajaran telah mengadakan Latehan Dalam Perkhidmatan tiap² tahun bagi lebeh kurang 1,000 orang guru² sa-lama tiga tahun yang lalu.

Pada tahun lalu Yang Berhormat bekas Menteri Pelajaran telah menyatakan di-Dewan ini bahawa Maktab Perguruan Malaysia di-Brinsford Lodge itu akan di-tutup pada akhir tahun 1964 dan di-ganti pula dengan sa-buah Maktab Perguruan Bahasa di-Johor Bahru. Ini bermakna bahawa latehan bagi guru² kita akan di-adakan seluruhnya di-negeri ini. Dan dengan yang demikian boleh-lah di-adakan sistem

latehan guru yang di-persatukan berchorak kebangsaan yang boleh memenohi keperluan sekolah² di-negeri ini dengan segala kerjasama dan bantuan yang telah di-berikan kepada kita untuk melateh guru² kita semenjak tahun 1955. Saya suka mengambil peluang ini untuk menguchapkan sa-tinggi² penghargaan kita pada Kerajaan United Kingdom dan Yayasan Pendidikan University Birmingham, khusus-nya.

Dengan penutupan Maktab Perguruan di-Brinsford Lodge itu, bukan-lah berma'ana bahawa tali perhubungan kita dengan Latehan Perguruan di-seberang laut akan putus sama sa-kali. Oleh kerana latehan perguruan saperti itu akan di-teruskan juga melalui Ranchangan Pertukaran Pelajaran Commonwealth dengan negeri² Commonwealth dan pertukaran pelajaran Fullbright dengan Amerika Sharikat. Mengikut ranchangan ini, Malaysia akan menghantar guru² terlateh untuk latehan ilmu khas yang tidak boleh di-dapati di-negeri ini daripada menghantar guru² yang belum pernah mendapat latehan.

Sekolah Kebangsaan—Pada tahun lalu Yang Berhormat bekas Menteri Pelajaran telah menyebut tentang menubuhkan Kelas Tingkatan VI Rendah bagi murid² Melayu di-Sekolah Alam Shah. Murid² ini, 35 orang semua-nya, akan masuk peperiksaan khas untuk masuk ka-University Malaya pada tahun hadapan. Dengan ini ada-lah berma'ana bahawa Sekolah² Kebangsaan telah maju sa-langkah lagi. Oleh kerana itu ini-lah pertama kali murid² dari sekolah yang bahasa penghantar-nya ia-lah bahasa kebangsaan meneruskan pelajaran mereka ka-University Malaya. Ada-lah di-jangka beberapa orang murid² yang sedang belajar di-dalam Kelas Tingkatan VI Atas di-Sekolah Alam Shah itu akan dapat masuk ka-University Malaya pada bulan Mei tahun 1965 dan dengan kemasokan mereka itu ka-University maka permulaan akan di-buat untuk menjadikan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa penghantar dan sa-terus-nya menjadikan University Kebangsaan itu sa-buah University dua bahasa penghantar saperti mana yang kita chita²kan itu.

Pelajaran di-Sekolah² Kebangsaan, baik di-perengkat rendah mahu pun di-perengkat menengah, telah berjalan dengan memuaskan pada tahun² yang lalu. Dengan permulaan 3 buah Sekolah Menengah Kebangsaan sahaja pada tahun 1962, saya suka juga memberi-tahu pada masa ini ada 27 buah sekolah saperti itu di-seluruh negeri kita. Sekolah² ini beserta dengan kelas² yang memakai bahasa penghantar bahasa kebangsaan yang di-tumpangkan di-sekolah² lain pada masa ini ada sa-banyak 28,429 murid². Segala usaha sedang di-buat oleh Kementerian ini untuk meninggikan darjah² di-sekolah² ini dan darjah ini ada-lah di-pelihara dengan teliti bukan sahaja di-lawati oleh Jema'ah Nazir bahkan juga dengan mengadakan chukup guru yang terlateh dan chukup buku² pelajaran serta alat kelengkapan bagi sekolah² itu.

Tuan Pengerusi, sa-sunggoh-nya kita sukachita melihat bahawa sa-lama beberapa tahun ini bilangan murid² Melayu yang mengikuti pelajaran tinggi telah bertambah, di-Tingkatan VI, di-Maktab dan di-University. Kementerian ini bertujuan terus-menerus memberi segala peluang yang boleh kepada murid² itu yang hendak masuk ka-pelajaran tinggi, oleh kerana saya yakin bahawa Ahli² Yang Berhormat tentu bersetuju dengan saya bahawa ini ada-lah langkah yang mustahak untuk membetulkan keadaan yang tidak sama rata di-dalam kemasharakatan dan ekonomi ia-itu mustahak bagi memelihara keamanan dan kemajuan negeri yang kita chintai ini.

Sekolah² Jenis Kebangsaan Yang di-Bantu Penoh—Berhubung dengan Sekolah² Menengah China, dahulu-nya telah berubah menjadi Sekolah² Menengah Jenis Kebangsaan, Kementerian ini telah terus-menerus memberi perhatian istimewa dalam masaalah mereka, saperti peruntokan lebeh ramai lagi guru² yang terlateh, bukan sahaja untuk bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris, tetapi juga untuk lain² mata pelajaran.

Pengajaran bahasa China dan juga bahasa Tamil di-Sekolah² Menengah dan Rendah yang tidak di-jalankan dalam bahasa ini terus-menurus di-perluaskan. Semenjak awal tahun ini

satu perubahan telah di-buat bagi melaksanakan ranchangan ini ia-itu Guru² Besar Sekolah ada-lah bertanggung-jawab mendapatkan kemahuan ibu bapa tentang pengajaran bahasa. Yang demikian jumlah peruntukan untuk ranchangan ini bagi tahun 1964 ia-lah dalam lengkongan \$800,000 dan sa-banyak itu juga di-pinta bagi tahun 1965 bagi melaksanakan ranchangan itu. Di-sini patut saya sebutkan bahawa di-perengkat University juga, Kerajaan terus-menerus memperuntukkan wang kerana memperluaskan pengajaran China dan Tamil dan dengan yang demikian mengikut dasar memelihara bahasa dan kebudayaan kaum² yang menjadi sabahagian besar daripada penduduk dalam negara kita ini.

Sekolah² Khas—Ranchangan Kementerian untuk mengajar kanak² buta dan pekak di-sekolah² biasa telah maju sa-langkah lagi tahun ini dan satu penyiasatan telah di-jalankan baharu² ini berkenaan dengan kanak² buta dan pekak yang berumor sesuai untuk masuk sekolah dengan tujuan menjadi satu asas bagi ranchangan di-masa hadapan, mendidik kanak² saperti itu, di-mana yang boleh, di-sekolah yang ada sekarang ini. Saya mesti tegaskan di-sini bahawa pelajaran khas memang banyak belanja-nya dan pada ketika ini tidak-lah dapat di-luaskan pendidekan di-dalam lapangan ini. Kemudahan² yang ada itu akan di-perbanyakkan lagi dari sa-masa ka-samasa supaya terchapai chita² Kerajaan hendak mengadakan peluang belajar yang sama bagi semua kanak².

Ranchangan Pelajaran Lanjutan—Ranchangan Pelajaran Lanjutan sangat di-sukai dan di-sokong oleh orang ramai. Pada masa ini ada sa-banyak 1,135 kelas malam, di-semua perengkat, hingga Sijil Tinggi Persekolahan untuk murid² yang berumur belasan tahun juga orang dewasa yang ingin menyambong pelajaran masing². Sa-lain daripada itu kelas² teknik dan perdagangan juga di-adakan di-masa kemudahan mengajar, maka pelajaran itu boleh di-adakan. Kelas² bahasa kebangsaan dengan perchuma juga di-adakan untuk kakitangan Kerajaan yang bukan Melayu dan satu kursus khas bahasa

kebangsaan untuk mereka telah dimulakan beberapa masa yang lalu. Kursus itu ada-lah di-kelolakan pada tiga perengkat dan sijil di-beri kepada penuntut² yang lulus peperiksaan pada akhir tiap² perengkat itu.

Ranchangan Alat Pengajaran Pandang-Dengar—Berhubung dengan Perkhidmatan Alat Pengajaran Pandang-Dengar di-sekolah², ranchangan utama Kementerian ini ia-lah menubuhkan perkhidmatan siaran radio di-sekolah² sa-bagai satu perkhidmatan berasingan bagi Tanah Melayu mulai dari tahun hadapan. Ini akan di-tubuhkan bersama² dengan Kementerian Penerangan dan Penyiaran.

Sekarang saya suka menyentuh berkenaan dengan perkara pengajaran agama Islam. Pengajaran agama Islam ada-lah di-beri di-sekolah² rendah dan Sekolah² Menengah yang di-bantu. Untuk Sekolah² Rendah yang di-bantu, Kementerian ini mengadakan bantuan wang pada Kerajaan² Negeri sa-banyak sa-tengah daripada jumlah perbelanjaan pengajaran agama di-sekolah² itu menurut fasal 2 dalam Undang² Pelajaran (Pindaan) 1963. Perbelanjaan pengajaran itu di-sekolah² menengah ada-lah di-tanggung semua-nya oleh Kementerian Pelajaran.

Kementerian Pelajaran ada-lah sedar bahawa pengajaran agama memang boleh di-baiki di-semua sekolah dan sungguh pun kekurangan kakitangan, Kementerian ini sedang menjalankan satu ranchangan untuk membaiki-nya. Ahli² Yang Berhormat tentu suka mengetahui bahawa Kementerian Pelajaran akan mendapat dua orang lagi Penolong Pegawai Pelajaran Sekolah² Agama Islam pada tahun 1965 dan dengan tambahan ini Kementerian Pelajaran boleh mencheipatkan lagi urusan membaiki pengajaran agama di-sekolah². Kementerian Pelajaran pada permulaan tahun ini telah mengadakan satu meshuarat yang terdiri dari wakil² semua Kerajaan Negeri dalam Tanah Melayu dengan tujuan hendak membaiki pengajaran agama di-sekolah² rendah dan menengah dan satu ranchangan berkenaan dengan ini telah pun di-jalankan. Mulai daripada

tahun ini Kementerian ini akan mulakan kursus Latehan Dalam Perkhidmatan untuk semua guru² ugama di-sekolah² menengah dan akan membuat pertimbangan untuk menyusun satu tangga gaji yang sesuai bagi guru² tersebut.

Sekolah² Ugama Islam—Tuan Pengerusi, sekarang saya suka berpindah pula kepada Sekolah² Ugama Islam. Pada tahun 1964 bantuan yang telah di-berikan tidak kurang daripada 429 sekolah dan jumlah yang di-bayar ia-lah \$330,000. Untuk tahun 1965 pula wang sa-banyak \$600,000 ada-lah di-kehendaki di-bawah Kepala 19, Pechahan Kepala 12, untuk membayar sumbangan² pada Sekolah² Ugama Islam yang di-luluskan dan pada sekolah² yang baharu sahaja atau yang akan membuat permohonan untuk bantuan wang daripada Kerajaan. Pada tahun 1964, kursus² latehan pendek telah di-susun oleh Kementerian Pelajaran untuk guru² sekolah² ini di-Melaka, Pulau Pinang, Trengganu, Kedah dan Perlis dan Kementerian ini akan terus berusaha untuk meninggikan mutu pengajaran di-sekolah² ini dengan chara mengadakan kursus latehan yang sama pada tahun hadapan dan dengan menyediakan sukatan pelajaran yang sesuai untuk di-gunakan bersama oleh sekolah² ini.

Pelajaran Teknik—Sekarang saya menyentuh berkenaan dengan pelajaran teknik. Kerajaan sedar tentang betapa mustahak-nya perimbangan pelajaran 'am yang chondong ka-araf pelajaran teknik di-semua peringkat, dari Sekolah² Menengah Rendah hingga-lah ka-Sekolah Pertukangan dan Sekolah Teknik membawa ka-universiti. Pada masa ini Kementerian sedang membena dua buah Sekolah Menengah Teknik dan sa-buah Sekolah Pertukangan yang akan memakan belanja lebih daripada \$4 juta. Sekolah² ini telah menjadi kesukaan ramai hingga pada bulan Januari, 1964, hanya sa-tengah daripada murid² yang membuat permohonan masuk boleh mendapati tempat di-dua buah Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Pertukangan itu.

Sukatan pelajaran di-Sekolah² Menengah Pertukangan baharu² ini telah di-semak sa-mula untuk menjamin

supaya murid² itu dapat lebih lagi kepandaian di-lapangan ilmu pertukangan mereka, dan juga boleh menyesuaikan apa yang mereka belajar di-sekolah dengan apa yang di-kehendaki di-dalam perusahaan. Untuk memelihara mutu yang tinggi serta sama rata, maka peperiksaan akhir tahun ada-lah di-pusatkan.

Tiga buah Sekolah² Lanjutan Kampong telah di-buka pada bulan Januari, 1964 dan tujuh buah lagi akan di-buka pada bulan Januari, 1965, sa-bagai Sekolah² Menengah Rendah oleh kerana dengan permulaan Sistem Pelajaran Aneka Jurusan, maka semua Sekolah² Pelajaran Lanjutan dan Sekolah² Menengah Lanjutan akan di-kaji sa-mula untuk di-satukan ka-dalam susunan Sekolah Menengah Rendah bagi sementara waktu. Pada masa hadapan Sekolah Lanjutan Kampong akan di-naikkan taraf-nya menjadi sekolah² menengah atas pekerjaan-nya mengadakan latehan ilmu pertukangan.

Biasiswa dan Latehan—Untuk tahun 1964 sa-jumlah \$1.6 juta telah di-ke-terpikan untuk Rancangan Biasiswa dan Latehan yang di-tadbirkan oleh Kementerian Pelajaran. Dari jumlah ini lebih sedikit daripada \$1 juta telah di-gunakan untuk menghadihkan biasiswa dan dermasiswa kepada penuntut² yang sesuai untuk melanjutkan pelajaran mereka ka-universiti di-negeri ini dan ka-yayasan² di-seberang laut, dengan tujuan mengambil mereka mengajar di-sekolah apabila mereka lulus kelak. Baki wang yang ada itu telah di-gunakan untuk menghantar beberapa orang guru yang sedang berkhidmat dan pentadbir pelajaran untuk melanjutkan kursus latehan mereka dengan tujuan mengatasi kekurangan sekarang bagi pegawai² yang berkelayakan. Jumlah penuntut² yang menerima hadiah bantuan Kementerian pada masa ini ia-lah 342, dari jumlah ini, 239 sedang belajar di-Universiti Malaya dan di-Universiti Singapura. Walau pun Kementerian ini suka hendak menambah hadiah bantuan pada tahun 1965, terpaksa-lah juga Kementerian menurut peratoran jimat chermat yang di-kenakan kepada semua Kementerian dan Jabatan, dan oleh

kerana ini, Ahli² Yang Berhormat akan dapati bahawa tidak ada di-chadangkan tambahan wang di-buat untuk tahun 1965.

Tuan Pengerusi, oleh kerana saya sedang membincangkan berkenaan biasiswa elok-lah juga saya berchakap sa-patah dua berkenaan dengan sumbangan Kementerian ini, bagi pehak Kerajaan, kapada Ranchangan Biasiswa Commonwealth—ia-itu ranchangan yang telah di-tubuhkan hasil daripada kerjasama Commonwealth di-lapangan pelajaran mengikut susunan bersama di-antara negeri² yang menjadi ahli. Sumbangan Kerajaan Malaysia untuk tahun 1965 ia-lah \$100,250 berbanding dengan \$74,230 pada tahun 1964. Tambahan sa-banyak \$26,020 itu ia-lah khas untuk di-gunakan bagi biasiswa di-peringkat siswazah dan mahasiswa, untuk di-hadiahkan kapada negeri² Commonwealth di-Afrika. Pada masa ini ada 5 orang pelajar Commonwealth yang belajar di-Universiti Malaya di-bawah ranchangan ini, berbanding dengan 30 orang pelajar² kita sendiri yang belajar di-luar negeri. Jika tambahan itu di-luluskan, Malaysia boleh-lah memainkan peranan-nya dengan lebeh lagi sa-bagai penyumbang kerjasama untuk Commonwealth melalui pelajaran.

Sekarang saya suka menyentuh sadikit berkenaan dengan Lembaga Peperiksaan. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Lembaga Peperiksaan pula, Lembaga ini terus-menerus menguruskan peperiksaan dalam dan luar negeri dengan bilangan chalan yang bertambah². Satu daripada perubahan yang saya rasa Ahli² Yang Berhormat suka mengetahui ia-lah berkenaan dengan urusan² mu'tamad yang sedang di-jalankan oleh pehak² yang berkenaan dengan Kementerian saya berhubung dengan Peperiksaan Sijil Persekolahan Tinggi Cambridge dalam bahasa kebangsaan. Ada-lah di-jangka peperiksaan ini akan dapat di-mulakan pada tahun 1966.

Buku² Teks—Tuan Pengerusi, pada masa dahulu bantuan buku² teks telah di-beri oleh Kementerian saya kapada murid² di-Sekolah² Rendah Kebangsaan, tetapi dari tahun 1965 Kementerian saya akan mula memberi buku²

teks kapada murid² yang tidak mampu membeli-nya di-sekolah² menengah. Satu ranchangan yang lama kelamaan akan berupa ranchangan menyewa atau meminjam buku² teks itu sedang di-susun oleh pegawai² Kementerian saya. Wang sa-banyak \$30,000 ada-lah mula² di-kehendaki di-bawah Kepala 18, Pechahan Kepala 104, untuk melaksanakan ranchangan itu buat permulaan.

Tuan Pengerusi, Ahli² Yang Berhormat pada masa dahulu telah biasa menarek perhatian Kerajaan kapada aduan² daripada ibu bapa berkenaan pertukaran buku² teks yang sering kali di-lakukan dan harga mahal buku² teks yang di-gunakan di-sekolah². Saya suka memberitahu Ahli² Yang Berhormat bahawa tindakan yang sesuai telah pun di-ambil oleh Kementerian ini untuk menguruskan perkara itu dan arahan² telah pun di-keluarkan dengan tujuan mengadakan kawalan² yang tertentu berkenaan buku² teks di-gunakan di-sekolah². Jika perjalanan ini tidak memberi kesan sa-penoh-nya maka lain² chara akan di-buat pula.

Sekarang saya suka pula berchakap sadikit berhubung dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Tugas Dewan Bahasa ada-lah sa-chara 'am di-ketahu² oleh Ahli² Yang Berhormat. Oleh sebab yang demikian maka saya bertujuan untuk memberi butir² beberapa usaha² penting yang di-jalankan oleh Dewan itu. Di-lapangan pengeluaran buku² pelajaran maka Dewan Bahasa telah berjaya, dalam masa 5 tahun yang lalu, menerbitkan buku² pelajaran bagi semua mata pelajaran di-Sekolah Kebangsaan. Dengan kejayaan demikian maka telah di-atasi satu daripada halangan² yang terbesar yang di-hadapi oleh sekolah berbahasa penghantar bahasa kebangsaan dari semenjak Sekolah Melayu yang pertama di-dirikan di-negara kita ini. Ahli² Yang Berhormat akan sendiri dapat membanding dan memerhatikan bahawa buku² yang di-keluarkan oleh Dewan Bahasa bukan sahaja sesuai pada isi kandungan, tetapi penerbitannya juga ada-lah baik sa-hinggakan Dewan Bahasa dan Pustaka telah dapat pujian² daripada penerbit² dan juga pujian dari Persidangan Antara Bangsa berhubung dengan buku² pelajaran.

Kerja menulis dan menterjemahkan buku² bagi Sekolah Menengah Kebangsaan pun ada-lah terus di-uruskan. Di-harapkan dalam masa sa-tahun dua lagi semua buku² asas dan mustahak bagi Sekolah Menengah Kebangsaan akan dapat di-sediakan. Satu daripada perkembangan di-lapangan penerbitan buku² pelajaran itu yang saya suka menyampaikan kepada Ahli² Yang Berhormat ia-lah usaha Dewan Bahasa di-lapangan penerbitan buku² pada peringkat tinggi sa-lepas daripada bersekolah menengah. Pada tahun lalu bersesuaian dengan kemajuan sekolah² berbahasa penghantar bahasa kebangsaan ka-peringkat pre-universiti dan juga sa-bagai persediaan bagi membimbing kumpulan pertama penuntut² berbahasa penghantar Melayu masuk ka-universiti pada bulan Mei 1965, maka Dewan Bahasa dengan kerjasama pihak Mahaguru Universiti Malaya telah melancarkan satu rancangan bagi menterjemahkan buku² asas dan mustahak peringkat universiti dalam beberapa mata pelajaran sains, ilmu alam, ilmu kimia, fisika dan ilmu hayat ia-itu lapangan pelajaran kemanusiaan dan sains.

Satu daripada syarat utama usaha² menterjemah buku² ini ia-lah mengadakan istilah yang sesuai dalam Bahasa Kebangsaan. Berhubung dengan tugas penting Dewan ini saya harus menjelaskan bahawa mengadakan satu² istilah itu tidak-lah hanya menterjemah, tetapi berkehendakkan di-chari perkataan persamaan-nya dalam bahasa Melayu. Kalau tidak di-buat demikian akan sumbang kepada pendengaran, misalnya, perkataan Inggeris "manhole" diterjemahkan ka-bahasa Melayu sa-bagai "lubang orang" atau perkataan "to drink a toast" sa-bagai "roti bakar" dan tidak "minum ucapan selamat". Jawatan²-kuasa istilah Dewan Bahasa dalam masa beberapa tahun ini telah pun bekerja keras bagi mengadakan banyak istilah² baharu dan dengan chara demikian bahasa kebangsaan telah berkembang sa-hingga Pegawai² Kerajaan Melayu sendiri telah dengan sendiri meminta di-adakan kursus dalam bahasa kebangsaan bagi mereka. Kursus demikian sedang di-uruskan

dan kursus ini ada-lah sa-bagai tambahan kepada Kursus Tiga Peringkat bagi Pegawai² Kerajaan bukan Melayu yang sekarang di-uruskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi pihak Kementerian ini.

Kerja² bagi menerbitkan Atlas Kebangsaan dan Kamus yang lengkap ada-lah di-teruskan dalam tahun ini. Atlas itu di-jangka akan dapat dimulakan penerbitan-nya pada tahun hadapan dengan kerjasama Jabatan Ukur.

Penerbitan kamus bahasa kebangsaan akan mengambil masa lagi oleh sebab tujuan-nya ia-lah supaya dapat satu kamus yang lengkap dari segi teknik dan chara perkamusan yang baik. Bagi maksud ini Kementerian ini telah mendapat bantuan sa-orang pakar di-bawah Rancangan UNESCO baharu² ini dan juga sa-orang ahli dalam perkamusan telah pun di-lantek sa-bagai pegawai berjawatan penoh di-dalam Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dan sekarang saya suka beralah kepada peruntukan sa-banyak \$2.5 juta untuk Dewan Bahasa dan Pustaka bagi tahun 1965. Peruntukan itu memang-nya merupakan hanya tambahan sa-banyak \$200,000 daripada peruntukan tahun 1964. Bagaimana pun bagi meluaskan usaha² Dewan Bahasa maka mungkin akan di-minta peruntukan tambahan jika mustahak dalam masa lebeh daripada tahun 1965 nanti. Sa-bagai tambahan wang tersebut di-untukkan juga sa-banyak \$88,700 bagi maksud membiayai rancangan² berhubung dengan kumpulan bahasa kebangsaan. Saya suka memberitahu Ahli² Yang Berhormat bahawa sumbangan orang ramai kepada Bulan Bahasa Kebangsaan yang lalu ada-lah menggirangkan daripada masa yang sudah². Di-sebabkan tahun matalamat tahun 1967 hanya dua tahun sahaja ka-hadapan maka Bulan Bahasa Kebangsaan dan usaha² gerakan bahasa kebangsaan dan sa-bagai-nya bagi tahun² yang akan datang akan memperhebatkan lagi. Satu penyelidekan gerakan bahasa kebangsaan di-bawah jagaan Kementerian ini telah di-adakan di-Dewan Bahasa dengan tujuan hendak mengetahui dan mengamalkan

penggunaan bahasa kebangsaan dalam jabatan² Kerajaan dan oleh orang ramai dalam urusan mereka hari². Dengan chara yang demikian maka ada-lah di-harapkan dapat di-ator dengan lebih baik lagi langkah² pelaksanaan bahasa kebangsaan itu. Dengan pelaksanaan usaha² tersebut saya yakin bahawa Dewan Bahasa akan dapat memperhebatkan peranannya bagi memperluaskan dan mengembangkan bahasa kebangsaan kita.

Sekarang saya sentoh sedikit berkenaan dengan panduan dan nasehat pelajaran. Sa-bagai salah satu usaha bagi pelaksanaan pembaharuan tahunan susunan pelajaran menengah yang akan di-jalankan mulai tahun hadapan, Kementerian ini telah memulakan perkhidmatan memandu dan menasehat murid ini akan di-jalankan dalam kedua² buah sekolah menengah dan rendah. Latehan dalam perkhidmatan bagi guru²—untuk maksud ini sudah dan sedang di-jalankan dengan matalamat supaya tiap² sa-buah sekolah rendah atau menengah akan mempunyai sa-kurang²-nya sa-orang dua guru yang terlatih demikian.

Sekarang saya pergi kepada Universiti Malaya. Untuk tahun 1965 wang sa-banyak \$11,000,000 ada-lah di-kehendaki untuk perbelanjaan berulang tiap² tahun Universiti Malaya berbanding dengan sa-banyak \$7.8 juta yang di-adakan untuk tahun 1964. Tambahan yang di-kehendaki untuk tahun 1965 ada-lah perlu untuk menghadapi perkembangan Universiti Malaya. Pada tahun ini bilangan mahasiswa untuk semua fakulti ia-lah 2,225 orang tetapi pada tahun 1965 angka ini akan naik menjadi 2,965 atau tambahan lebih daripada 30 peratus. Angka² ini ada-lah menjadi bukti menunjukkan bahawa Universiti Malaya sedang meningkat maju. Untuk menghadapi bilangan mahasiswa² yang bertambah² itu maka bukan sahaja perlu diperluaskan lagi jabatan² yang ada itu bahkan rancangan² telah di-sediakan untuk memulakan kursus² baharu dalam segala fakulti. Pada tahun 1965 kursus² dalam sains, kemasyarakatan akan di-mulakan buat pertama kali-nya. Sa-lain daripada ini dua mata pelajaran

baharu ia-itu *Biochemistry* dan *Physiology* akan di-mulakan dalam fakulti sains dan lain² kursus baharu ada-lah juga di-jangkakan. Ahli² Yang Berhormat tentu-lah mengetahui bahawa kursus serjana pelajaran untuk siswazah akan di-adakan di-sekolah pelajaran sa-lain daripada kursus diploma. Kursus serjana pelajaran itu akan di-mulakan pada bulan Januari, 1965 sa-bagai kursus sambutan bagi membolehkan guru² yang berkhidmat di-Kuala Lumpur atau di-sekelilingnya mengambil kursus ini dengan tidak payah meninggalkan sekolah masing². Kursus ini sudah sa-mesti-nya akan memberi peluang keemasan kepada guru² yang ingin memajukan jawatan mereka dan khusus-nya dengan adanya kursus ini maka boleh-lah di-adakan pakar² ilmu khas dalam lapangan pelajaran dan dengan yang demikian akan meninggikan lagi darjah pelajaran.

Sekarang saya pergi ka-Sarawak. Perbelanjaan biasa yang di-anggarkan bagi Sarawak pada tahun 1965 ia-lah \$17,656,758 ia-itu bertambah sa-banyak 11.8 peratus daripada peruntukan tahun 1964 yang sa-banyak \$15,785,383 itu. Tambahan itu ada-lah sedikit sa-bayank di-sebabkan oleh perubahan gaji dan terutama sa-kali di-sebabkan oleh peluasan perkhidmatan. Sistem pelajaran di-negeri Sarawak ada-lah sa-makin luas. Pelajaran untuk anak² kaum bumiputera ia-itu orang² Melayu, orang Dayak dan lain² kaum bumiputera yang menjadikan lebih dua pertiga jumlah penduduk² negeri itu sedang meningkat maju. Dan lebih kurang 10 tahun sahaja pelajaran yang dahulu dapat di-adakan untuk sa-bahagian kecil sahaja telah dapat diberikan kepada tiap² orang kanak². Pada tahun 1957 bilangan kanak² kaum bumiputera yang belajar di-sekolah² rendah ia-lah 26,000 orang. Tetapi pada tahun 1963 bilangan ini hampir² dua kali ganda hingga menjadi 52,500 orang, keadaan ini samalah juga untuk pelajaran menengah. Sambil bilangan murid² di-sekolah bertambah besar, maka wang ada-lah di-kehendaki untuk membayar gaji semua guru² baharu melengkapkan bilek² darjah dan memberi bantuan

untuk tempat² kediaman dan pengangkutan bagi ramai anak² kaum yang tinggal merata pelusok dan rantau negeri itu yang mungkin tidak dapat datang ka-sekolah jika tidak beri bantuan. Ranchangan latehan guru terpaksa-lah di-perbesarkan lagi.

Saperti mana yang di-sebutkan tadi anggaran perbelanjaan untuk tahun 1965 ada-lah jelas lebih 11.8 peratus sahaja daripada tahun yang lalu. Tetapi sa-bahagian besar daripada tambahan perbelanjaan ini ada-lah di-sebabkan oleh perkara² yang tidak termasuk di-dalam anggaran perbelanjaan Kementerian Pelajaran dahulu saperti bantuan pelajaran di-bawah Pechahan Kepala 31 yang di-adakan peruntukan sa-banyak \$425,000 termasuk perkara² tambahan saperti itu maka tambahannya ada-lah sa-banyak 9 peratus sahaja ia-itu angka yang sederhana sahaja berbanding dengan perkembangan pelajaran di-negeri Sarawak. Di-Sarawak Kerajaan tidak-lah menyelenggarakan sa-barang sekolah rendah walau pun Kerajaan bertanggungjawab untuk mengadakan semua sekolah menengah baharu yang dikehendaki. Seluruh sistem pelajaran rendah itu ada-lah menerima bantuan untuk pengurusan-nya termasuk-lah sistem yang sedang giat di-perbesarkan di-bawah urusan Majlis² Daerah serta juga sekolah² di-bawah urusan Jawatankuasa bersendirian. Mengikut susunan ini Kerajaan membayar segala perbelanjaan berulang tiap² tahun. Majlis Daerah ada-lah memberi sumbangan yang berguna dan serta dengan lain² badan pengurusan maka beban Kerajaan untuk menanggung perbelanjaan pertadbiran dan perbelanjaan sekolah² rendah banyak dapat di-rengankan.

Sa-lain daripada itu ada beberapa buah sekolah menengah yang di-bantu tetapi semua sekolah² menengah baharu yang akan di-buka pada masa hadapan akan di-selenggarakan terus oleh Kerajaan.

Dua per tiga daripada anggaran Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun ada-lah untuk Bantuan Kepada Sekolah² dan peruntukan untuk tahun 1965 ia-lah \$11,250,000.

Saya suka memberi ulasan ringkas berkenaan tiga Pechahan Kepala

husus-nya. Yang pertama ia-lah Pechahan Kepala I, Gaji², yang menunjukkan tambahan sa-banyak \$409,666 lebih daripada tahun 1964 yang kebanyakan-nya ada-lah digunakan untuk kenaikan gaji² tahunan bagi kaki²-tangan.

Satu lagi butir yang peting di-bawah Pechahan Kepala 5 ia-lah bantuan untuk tempat tinggal murid² sa-banyak \$350,000 di-dalam anggaran perbelanjaan itu. Ini ada hubungan dengan ranchangan Kerajaan untuk membantu Majlis² Daerah menokok perbelanjaan yang dapat di-adakan oleh ibu bapa bagi kanak² sekolah rendah yang terpaksa tinggal di-tempat² khas kerana rumah masing² jauh terpenchil di-kawasan² luar bandar negeri itu.

Pechahan Kepala 15—Basiswa Tempatan: Kebanyakan anak² bumiputera terpaksa belajar di-sekolah yang jauh dari rumah mereka, dan oleh yang demikian mereka di-kenakan bayaran tempat tinggal serta bayaran sekolah. Meski pun sekolah² menengah Kerajaan bertambah banyak, maseh ramai lagi anak² bumiputera yang terpaksa belajar di-sekolah² menengah yang di-bantu dan biasiswa ada-lah di-beri kapada mereka untuk membolehkan mereka membayar perbelanjaan bersekolah dan jika tiada bantuan saperti ini, neschaya mereka tidak boleh melanjutkan pelajaran mereka. Peruntukan sa-banyak \$320,000 ada dimasukkan dalam anggaran perbelanjaan untuk perkara ini.

Sabah—Perbelanjaan biasa yang di-anggarkan bagi Sabah pada tahun 1965 ia-lah \$14,669,488 ia-itu bertambah sa-banyak 15.5% daripada peruntukan tahun 1964 yang sa-banyak \$12,701,570. Tambahan itu ia-lah untuk mengadakan guru² bagi sekolah² yang di-bena di-bawah Ranchangan Pembangunan Sabah tahun 1959-1964 dan untuk membayar lain² perbelanjaan biasa yang terbit daripada Ranchangan Pembangunan ini.

Negeri Sabah sedang menchapai kemajuan yang memuaskan dalam usaha-nya mengadakan kemudahan² pelajaran. Dalam tahun 1964, ada peruntukan bagi 73% daripada kanak² yang di-dalam lengkongan umur

sekolah rendah, berbanding dengan 70% dalam tahun 1963, dan bilangan murid² yang belajar di-Sekolah² Menengah Kerajaan dan di-Sekolah² yang di-bantu telah bertambah sa-banyak 25%. Pada masa sekarang maseh dikehendaki lagi tempat² di-sekolah menengah oleh kerana bilangan murid² sa-banyak 8,280 orang itu mengandongi 20% yang di-dalam lengkongan umur sesuai untuk sekolah menengah.

Kemudahan² untuk latehan guru telah di-ranchangkan supaya berse-suaian dengan kemajuan ini. Pada akhir tahun 1964, kumpulan pertama guru² yang keluar dari Maktab Perguruan Gaya akan tamat latehan mereka, dan kesemua-nya sa-banyak 200 orang guru ada-lah di-jangka lulus dari tiga buah Maktab Perguruan pada tahun ini. Tambahan peruntokan telah di-minta untuk membayar gaji guru² ini.

Bilangan sekolah² yang bertambah banyak itu telah menerbitkan banyak tugas yang mesti di-sempurnakan oleh penyelia² yang terlately di-Jabatan itu. Oleh yang demikian permintaan telah di-buat untuk menambah lagi 5 orang penyelia yang pada masa ini dalam latehan di-sabatang laut untuk mengisi kekosongan ini.

Bilangan penuntut² yang berlately dalam lapangan teknik di-Sekolah Pertukangan Kerajaan, Jesselton, dan di-kelas² malam ada-lah bertambah ramai, dan 67 orang penuntut akan tamat kursus sa-lama dua tahun itu pada akhir tahun 1964.

Sa-banyak 250 buah sekolah rendah yang menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa penghantar ada di-Sabah. Dua buah dari Maktab² Perguruan itu menggunakan bahasa Melayu untuk kebanyakan mata pelajaran yang di-ajar dan semua penuntut² yang lain itu belajar bahasa kebangsaan. Mula² dari tahun 1966 penuntut² tidak akan di-beri Sijil Terlately melainkan jika mereka lulus pepereksaan bahasa kebangsaan. Usaha bersunggo² sedang di-lakukan untuk memulakan pengajaran bahasa kebangsaan di-tiap² buah sekolah dalam Negeri Sabah mula² daripada tahun 1965. Tetapi ada kesukaran² mendapatkan kaki-tangan yang sesuai dan untuk melately guru²

bahasa kebangsaan, pensharah² yang berpengalaman mengajar bahasa kebangsaan telah di-pinjamkan dari Tanah Melayu.

Penjelasan saya berkenaan Negeri Sabah dan Sarawak tidak akan chukup jika saya tidak menjelaskan masa hadapan bagi negeri itu. Ketika ini masaalah-nya ada-lah berkenaan permintaan supaya di-adakan pelajaran rendah perchuma² di-kedua² buah negeri itu yang Ahli² Yang Berhormat telah berkali² kemukakan di-Dewan ini. Tetapi mengikut susunan sekarang berkenaan pelajaran yang di-adakan di-bawah cheraian 17 (a) Penyata Jawatankuasa Antara Kerajaan, tahun 1962, saya tidak dapat berbuat banyak untuk menimbangkan perkara itu oleh kerana perbinchangan di-antara negeri² itu dan Kerajaan Pusat terpaksa mengikut jalan yang telah di-tetapkan. Saya sedar bahawa ra'ayat di-negeri itu mempunyai harapan besar dari pelajaran yang boleh menutup jurang² di-antara Negeri² Malaysia ini. Mereka suka hendak melihat ranchangan pelajaran yang ada di-Tanah Melayu ini ada juga di-negeri² mereka. Tetapi mengikut susunan² yang ada ini sunggo² pun pelajaran ada-lah perkara Persekutuan, tetapi Sabah dan Sarawak akan meneruskan dasar dan sistem pentadbiran pelajaran saperti yang ada pada Hari Malaysia dahulu dan tidak banyak yang boleh di-lakukan untuk menchecepatkan ranchangan mereka. Oleh yang demikian ada-lah mustahak bagi kita semua menghapuskan segala halangan yang merentangi di-jalan kita dan ini sudah mesti termasuk penyediaan susunan sementara yang ada sekarang itu. Lagi chepat kita menyatukan sistem pelajaran kita, lagi baiklah bagi masa hadapan kita sa-bagai satu bangsa. Di-sabalek itu lagi banyak langkah kita menyatukan pelajaran kita maka lagi besar-lah masaalah untuk menyatukan negara kita. Pelajaran, Tuan Pengerusi, tidak ragu² lagi ia-lah suatu alat besar untuk perubahan dan pembangunan. Dengan niat hendak menyediakan masa hadapan negara ini, maka saya sekarang mengeshorkan kepada Dewan ini supaya meluluskan Anggaran Perbelanjaan Berulang bagi Kementerian saya untuk tahun 1965.

Saya mohon meniadakan. Terima kaseh (*Tepok*).

Enche' Hanafi bin Mohamed Yunus (Kulim Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun mengucapkan tahniah dan mengalu²kan dengan sa-penoh-nya Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Pelajaran ini. Di-dalam dasar pelajaran kita pada hari ini, maka tidak-lah dapat di-napikan saperti mana ucapan² yang di-ucapkan oleh Yang Berhormat Menteri sa-bentar tadi. Apa yang saya hendak chakapkan di-sini ia-lah satu dua perkara; yang pertama ia-lah di-dalam Butiran (35) sampai (37) ia-itu Latehan Guru dalam muka 211.

Tuan Pengerusi, Menteri yang berkenaan telah menyatakan kepada kita dalam Dewan ini ia-itu sa-makin banyak guru² yang berpengalaman telah mendapat kelulusan di-dalam Maktab² Perguruan yang dapat mengajar di-dalam sekolah² rendah, dan sekolah² menengah yang ada di-dalam negara kita ini. Tuan Pengerusi, di-dalam latehan² ini maka tidak-lah saya napikan ia-itu guru² yang dapat kelulusan² ini ia-itu sa-makin tinggi darjah-nya dan juga chara² pelajarannya sangat-lah baik tetapi, Tuan Pengerusi, hendak-lah juga Kementerian ini mengawasi atau pun menjaga kerana, walau bagaimana pun, ada juga sedikit sa-banyak guru² kelulusan tinggi² terutama guru² mengajar di-sekolah bahasa Inggeris berperasaan tinggi, perasaan keinggerisan ia-itu lebih dari bangsa Inggeris sendiri. Apa yang saya kata bagitu, Tuan Pengerusi, kerana saya dapat ada guru² yang telah menganak-tirikan, yang mengasing²kan murid²-nya ya'ani menjalankan perkauman kepada murid²-nya daripada dalam sekolah lagi, ada yang menghina²kan murid² ia-itu daripada bangsa Melayu dan mengeluarkan perkataan² yang tidak dapat-lah saya hendak sebutkan dalam Dewan ini ia-itu saya, Tuan Pengerusi, tidak pernah berchakap walau pun sedikit sa-chara hendak membangkitkan perkauman dalam Dewan ini, tetapi oleh kerana banyak rayuan² yang saya dapati daripada ibu bapa kanak² yang sedang belajar dalam sekolah yang meminta supaya saya memberitahu kepada pe-

ringkat yang tertinggi mudah²an dapat di-betulkan segala perjalanan dan keadaan guru yang ada sekarang ini. Ini, Tuan Pengerusi sa-olah² ia-lah hendak melemahkan pelajaran penuntut² bangsa Melayu dan juga hendak melemahkan bahasa kebangsaan yang kita telah tetapkan akan dirasmikan sa-bagai satu bahasa yang tunggal dalam tahun 1967 ini, bukan sahaja menghinakan penuntut bahasa Melayu ini, bahkan memberi tekanan dan denda² yang tidak berpadan kepada murid² sekolah ini. Dengan sebab itu banyak murid² yang belajar di-sekolah ini telah bertukar dan berpindah kepada sekolah² yang lain yang berhampiran dengan sana. Dengan tidak sengaja, Tuan Pengerusi, yang saya dapat tahu segala buku² text,—buku pelajaran bahasa Melayu—maka di-lambatkan sampai, dan di-kurangkan dan berbagai² chara lagi ia-itu chara tekanan yang tidak rasmi yang di-jalankan ka-atas bahasa dan murid² yang berbangsa Melayu dalam sekolah ini. Maka walau pun perasaan saya sa-bagaimana yang saya terangkan kepada Tuan Pengerusi tadi maka berasa berat yang saya hendak berchakap di-dalam Dewan ini, maka terpaksa-lah kerana beberapa chara yang saya telah jalankan supaya perkara ini tidak menjadi heboh dan tidak menjadi bising, maka tidak juga dapat di-jalankan dengan sempurna. Pada hari ini segala tekanan batin, Tuan Pengerusi, tidak dapat saya tahankan lagi, terpaksa-lah saya menchurahkan dalam Dewan ini, mudah²an ini menjadi satu pandangan yang berat kepada pehak Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, lagi satu saya berchakap ia-lah di-dalam perkara S. 18 juga ia-itu Butiran (9) muka 209 berkenaan Pegawai Peranchang Bahasa Kebangsaan. Tuan Pengerusi, pada fikiran saya jawatan Pegawai Peranchang Bahasa Kebangsaan ini ia-lah satu jawatan yang sangat² penting dalam masa sedang kita hendak membuatkan pilihan ia-itu akan di-rasmikan bahasa kebangsaan dalam sedikit tahun lagi. Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap-lah kepada Pegawai Peranchang Bahasa Kebangsaan ini dapat menyusun pelajaran² bahasa kebangsaan dengan lebih sempurna lagi

di-tiap² sekolah, sama ada di-sekolah rendah atau sekolah menengah, dan juga buku² pelajaran yang tinggi mutunya bagaimana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi maka saya berasa berpuas hati yang Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengeluarkan buku² yang chukup, dan saya harap buku² ini dapat juga di-berikan kepada tiap² Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, sama ada sekolah berbahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa China, supaya murid² daripada bangsa² yang bukan Melayu ini dapat mempelajari dan dapat faham dengan baik-nya segala bahasa² yang halus dan bahasa² yang dapat di-tutorkan pada tiap² hari.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, supaya pehak Pegawai Peranchang ini sa-lain daripada menyusun bahasa kebangsaan ini, maka patut-lah juga mengambil tahu menchegeh segala musoh² bahasa kebangsaan ini, atau pun anti² bahasa kebangsaan ini. Maka sa-bagaimana kita dapat tahu sa-makin hampir pada tahun 1967 ini maka sa-makin banyak protes² musoh² perhimpunan yang di-buat untuk menahan atau pun menjadi anti² bahasa kebangsaan yang kita akan rasmikan sedikit masa lagi. Kerana baharu² ini, Tuan Pengerusi, bukan sahaja daripada orang² yang tidak berpengalaman dan orang² yang tidak kenamaan, maka ada juga yang saya dapati dalam negeri ini sa-orang Ahli Dewan ini telah mengetahui rombongan ini membuat tindakan supaya menuntut berbagai² bahasa di-dalam negara kita ini. Maka ini patut-lah pehak Kementerian ini memandang berat dan memberi nasehat kepada Yang Berhormat ini supaya jangan lagi di-buat perkara sa-macam ini. Ini ia-lah menjadi pechah belah dan saya perchaya ini menyakitkan hati pehak orang² yang menggunakan bahasa kebangsaan di-dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, dalam dua perkara ini-lah saya berchakap dan saya harapplah pehak Kementerian ini sa-bagaimana yang saya telah terangkan tadi ia-itu guru² yang mengajar itu bukanlah mereka ini hanya kita hendak chari yang berkelulusan tinggi sahaja bahkan hendak-lah mereka itu ada keinsafan

dan fikiran yang menganggap segala murid² yang di-ajar dalam tiap² buah sekolah itu ia-lah anak²-nya belaka; hendak-lah mereka itu mengeluarkan perkataan² yang memberi nasihat dan jangan-lah merendahkan satu² bangsa di-dalam sekolah itu, bahkan lebeh² lagi pada masa ini pada perasaan saya, seluroh Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bersetuju dengan saya ia-itu kita hendak-lah melupakan segala suku² bangsa yang kechil yang ada dalam negara kita, kita akan jadikan Malaysian yang besar dan berdiri tegoh mempertahankan negara, bangsa dan bahasa negara kita ini. Terima kaseh.

Enche' Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah (Pasir Mas Hilir): Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap mengenai Kementerian Pelajaran ini, dan kita sama perchaya dengan pelajaran ini-lah satu usaha yang nombor satu untuk menyatukan ra'ayat² yang berbilang bangsa dalam negeri ini. Boleh di-katakan dasar pelajaran ini telah di-terima oleh sa-bilangan besar ra'ayat dalam negeri ini dan kita mempunyai penoh keyakinan bahawa kita akan berjaya dengan chita² kita itu dalam masa yang tertentu. Bagi saya dalam pelaksanaan Kementerian ini untuk menuju satu bangsa yang berpadu itu ada-lah sangat di-khuatirkan melihat pada perkembangan² akhir yang berlaku dalam negeri kita ini. Kita tahu dalam tahun 1967 bahasa kebangsaan akan di-jadikan bahasa rasmi yang tunggal dalam tanah ayer kita ini, tetapi di-dalam sekolah², sekolah Melayu ada-lah di-anggap oleh sa-tengah orang ia-itu sekolah yang nombor tiga dudok-nya di-antara sekolah² Inggeris, China dan Tamil. Keadaan yang berlaku bagini tidak-lah kita tahu di-mana salah-nya yang sa-benar, tetapi kita boleh lihat pada hari ini yang sekolah Melayu, atau Sekolah Kebangsaan, jarang dimasoki oleh murid² lain bangsa. Kita penoh yakin kepada pegawai² Kementerian Pelajaran akan dapat melaksanakan dasar ini; tetapi, Tuan Pengerusi, ada di-antara pegawai dalam Kementerian Pelajaran yang chuba mempengaruhi fikiran orang ramai tentang tidak baik-nya Sekolah Kebangsaan ini, dan ada-lah menjadi satu perkara yang tidak adil, terutama

sa-kali dalam Sekolah Aneka Jurusan dengan tidak di-sertai bahasa yang telah di-beri peluang bagi Sekolah Rendah ia-itu Kerajaan telah memberi peluang Sekolah Jenis Kebangsaan dengan bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa China. Jadi, kita boleh dengar dari Persatuan² China hendak mengadakan satu bahasa China dalam Sekolah Aneka Jurusan yang akan datang ini.

Baharu² ini dalam kursus perasmian pensharah sambilan di-Maktab Perguruan Bahasa yang pensharah² ini akan memberi kuliah kepada bakal guru² yang menjadi pengajar dalam Sekolah Aneka Jurusan itu; dalam seminar itu sa-orang daripada pencheramah-nya memberi gambaran bahawa sekarang ini sekolah Inggeris, sekolah China, sekolah Melayu dan sekolah Tamil maseh ada di-hadapan kita, dan di-antara itu di-katakan Sekolah Kebangsaan-lah sekolah yang nombor tiga ia-itu ka-bawah daripada sekolah China, tetapi Kerajaan memberi lorongan hanya dua sahaja dalam Sekolah Aneka Jurusan itu, ia-itu bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Jadi, dengan sa-chara tidak langsung dapat-lah di-mengertikan yang pensharah itu tidak menyetujui bangsa² lain mengikut aliran bahasa kebangsaan itu. Pada-hal kita penoh yakin bahawa dalam tahun 1967 ini, mengikut Yang Teramat Mulia Perdana Menteri mengatakan kita akan jalankan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi yang tunggal, tetapi apa hal dengan kejadian yang berlaku hari ini di-sekolah? Pegawai² sendiri cham-por tangan dengan menghinakan Sekolah Kebangsaan itu yang mengatakan sekolah² ini kurang guru², guru² bukan berkelayakan dan sa-bagai-nya, dan ini akan dapat satu kesimpulan bahawa yang pencheramah itu menyetujui murid² masok ka-jurusan Inggeris, dan kita percaya perasaan tidak adil yang di-keluarkan-nya itu juga tidak ada memasukkan bahasa China menjadi bahasa pengantar dalam Sekolah Aneka Jurusan itu, sedangkan bahasa China di-sekolah ada-lah nombor dua kedudukan-nya dalam tanah ayer kita ini. Jadi, Tuan Pengerusi, kalau-lah perkara ini berlaku dan tidak ada sekatan di-jalankan,

maka keyakinan kita untuk menchapai tahun 1967 bahasa kebangsaan akan menjadi bahasa rasmi yang tunggal itu amat nipis sa-kali.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Latehan Guru Sekolah Menengah di-muka surat 216. Kita tahu guru² Sekolah Menengah hari ini dalam tanah ayer kita ada 4 buah, tetapi satu sahaja, Tuan Pengerusi, yang guru² itu di-ajar dengan bahasa kebangsaan, ia-itu di-L.I.; yang 3 buah lagi itu di-ajar dengan bahasa pengantar-nya bahasa Inggeris. Jadi, di-sini dalam Sekolah Menengah ini kita boleh lihat 3 lawan 1. Ada-kah kita yakin bahawa guru² dari satu kolej itu akan dapat melawan 3 kolej yang lain itu?

Tuan Pengerusi, bila kita membincangkan soal hendak menjadikan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal, maka ada-lah orang yang mengatakan persediaan di-Sekolah² Kebangsaan maseh tidak chukup itu dan ini dan pengajar² dalam bahasa kebangsaan di-sekolah² itu rendah mutu pengajian asas-nya.

Tuan Pengerusi, kita tahu Maktab Perguruan Bahasa di-buka dalam tahun 1958 di-pileh daripada guru² yang pandai sa-kali dalam bahasa Melayu diseluruh tanah ayer kita ini dengan jalan pepereksaan dan di-masokkan di-dalam Maktab tersebut. Tetapi bila tamat belajar di-situ guru² tadi tidak di-hantar balek ka-tempat asal yang mereka itu datang, ia-itu di-suroh mengajar di-Sekolah² Jenis Kebangsaan—Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris, China dan sa-bagai-nya. Ini salah siapa? Ada-kah salah sekolah kebangsaan itu sendiri, atau dengan chara menganak-tirikan sekolah kebangsaan itu, dan apa-kah dosa-nya, Tuan Pengerusi, di-pileh daripada guru² yang pandai itu mengajar di-sekolah² lain? Kemudian penghinaan akan datang ka-Sekolah² Kebangsaan mengatakan bahawa guru²-nya tidak layak, sedangkan guru² yang terlately di-England, Tuan Pengerusi, ia-itu di-Brinsford Lodge dan Kirkby di-hantar ka-Sekolah² Jenis Kebangsaan. Dengan ini kita tidak tahu-lah, Tuan Pengerusi—barangkali chara ini berubah dalam sa-hari dua ini akan di-ajar

orang² yang lulus daripada Language Institute itu terus mengajar di-Sekolah² Menengah Melayu. Tetapi kita maseh yakin lagi bahawa sanya kekurangan di-dalam Sekolah² Rendah Melayu itu tidak dapat di-isi lagi dengan penoh kejayaan sa-bagaimana Sekolah Jenis Kebangsaan.

Di-dalam Maktab Perguruan, Tuan Pengerusi, ada guru² Melayu yang di-ambil, pada mula-nya di-anggap kelulusan di-situ ada-lah menjadi satu kelulusan yang boleh menentukan, meninggikan, atau menentukan tangga gaji kepada mereka, ia-itu di-beri tangga gaji yang baik jika di-bandingkan dengan kedudukan di-Sekolah Kebangsaan. Jadi, pada hari ini, Tuan Pengerusi, guru² Melayu yang masok belajar di-Maktab Perguruan itu tidak di-kira sa-bagai satu kelulusan—hanya di-kira sa-bagai *in-service course* sahaja—yang sa-harus-nya di-beri tidak-lah kerana menentukan tambahan gaji mereka bila pergi belajar di-situ. Jadi, dengan ini ternyata-lah bahawa sanya tidak ada satu tempat yang tertinggi bagi guru² Melayu yang di-aku² sa-chara betul², kerana hanya di-anggap sa-bagai kursus dalam perjawatan sahaja. Dalam pada itu ada juga guru² Melayu tadi yang lulus F.M.C. atau S.C. sama gaji-nya, baik pun dia pergi ka-Maktab Perguruan Bahasa atau tidak pergi ka-Maktab Perguruan Bahasa. Jadi dengan itu bahawa sanya nilai guru² Melayu yang pergi ka-Maktab Perguruan Bahasa itu dengan sa-chara tidak langsung tidak di-aku² pada masa ini. Pada hal suatu masa dahulu, Tuan Pengerusi, di-Universiti Malaya ada sa-orang daripada guru yang telah lulus Universiti Malaya dan lulus di-Maktab Perguruan Bahasa, dia tidak payah lagi mengambil Diploma in Education untuk melayakkan diri-nya menjadi Education Officer. Jadi, bererti kelulusan di-L.I., itu di-aku² oleh Kerajaan sama juga dengan Diploma in Education. Tetapi tidak tahu-lah nasib mereka yang di-L.I. itu, yang begitu sahaja dengan tidak langsung, yang kita tidak tahu di-mana ada sa-buah college lain yang betul² dapat meninggikan taraf bahasa kebangsaan dalam college tersebut.

Saya beraleh pula kapada muka surat 219, Pechahan III berkenaan guru² yang

tidak terlatah. Di-Kelantan, Tuan Pengerusi, ramai guru² yang di-sebutkan *untrained* yang gaji²-nya amat ka-bawah sa-kali di-antara jenis guru. Kalau sa-pintas lalu kita melihat guru *untrained*, ia-itu guru² yang tidak terlatah dan boleh jadi kita memikirkan guru ini kepala-nya tidak dapat di-ajar lagi untok lulus latehan perguruan. Tetapi ada satu masaalah, guru² yang di-pileh waktu umur-nya 18 tahun, di-Kelantan di-gelar Guru Latehan Pengetahuan—1, 2, 3—ia-itu terpaksa meng-ambil kursus tiga tahun, bila lulus, dapat masok kursus latehan guru dengan jalan pos pula tiga tahun, baharu-lah di-kira guru itu guru latehan normal, atau kelulusan lain² latehan. Tetapi, Tuan Pengerusi, bila dia di-benarkan mengambil kursus sa-waktu umur-nya 18 tahun masok dalam Kursus Darjah Pengetahuan Satu selama tiga tahun, bila dia lulus dalam masa tiga tahun, tentu-lah sa-kali umur-nya sudah menjadi 21 tahun. Kemudian, untok memasoki kursus pos, barangkali sekarang telah di-hapuskan, tidak di-benarkan masok kerana sekatan umur ada di-situ hanya di-benarkan orang masok kursus pos ia-itu orang itu umur-nya 20 tahun. Jadi, dengan kerana nasib tidak baik umur-nya itu-lah, walau pun dia lulus, di-sekat, tidak di-benarkan mengambil latehan guru. Setelah itu di-beri-lah peluang kapada mereka, kalau hendak masok latehan guru—boleh, dengan sharat lulus L.C.E. Maka di-antara guru² tadi bersungguh² belajar sa-hingga-lah lulus L.C.E. tersebut. Tetapi bila hendak masok kursus yang lebeh jauh lagi, ia-itu di-dalam college², ada lagi satu sekatan college itu ia-itu mesti lulus bahasa Inggeris pula. Pada hal dalam college tersebut pengajaran-nya di-jalankan dalam bahasa kebangsaan, apa-kah pula bahasa Inggeris di-tengah jalan itu? Kita tidak faham-lah apa erti-nya bahasa Inggeris yang boleh menghalang sa-saorang yang berchita² besar dalam bahasa kebangsaan itu telah di-aku² pada sa'at yang akhir dua tahun untok mendaulkan bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal?

Bagitu juga nasib yang kena kapada sekolah² ra'ayat yang dengan semangat wajar-nya telah menubuhkan sekolah

di-kampung-nya sa-hingga Kerajaan dapat menerima usaha² mereka menjadi sekolah yang di-terima oleh Kerajaan dan mereka tadi di-beri peluang untuk masuk belajar dalam latehan guru dengan pos, tidak di-kira umur sa-bagaimana guru² *untrained* tadi. Dia dapat-lah satu kemudahan barangkali, kerana jasa dia dalam membuka sekolah ra'ayat itu barangkali Kerajaan ada ihsan memberi-lah mereka masuk belajar dengan pos tidak kira umur-nya, 22 atau 23 tahun, tetapi dia juga kena nasib bila lulus L.C.E. hendak masuk ka-college di-tahan, kena bahasa Inggeris di-tengah jalan, kalau tidak lulus, tidak dapat dia masuk.

Kita tahu, Tuan Pengerusi, kalau-lah ramai guru² yang sa-macham ini mengajar di-sekolah rendah yang dia tidak ada kelulusan dan ini menjadi berthabit bahawa sanya guru² yang sa-macham ini maseh ada di-dalam sekolah kebangsaan, sebab itu-lah bahasa kebangsaan, atau sekolah bahasa kebangsaan tidak di-anggap tinggi di-dalam kedudukan sekolah² di-tanah ayer kita ini, pada hal Kerajaan sengaja, boleh di-katakan sengaja membiarkan orang yang tidak lulus itu ada di-dalam sekolah yang dia sa-harus-nya boleh dan ada sa-tengah-nya lulus F.M.C.—bukan kata L.C.E. sahaja, tetapi maseh tidak dapat lagi, kerana umur-nya lebeh, atau tidak lulus bahasa Inggeris. Jadi, ini-lah satu duri dalam daging bagi sekolah kebangsaan pada hari ini.

Tuan Pengerusi, mengenai pepereksaan F.M.C. dan H.S.C. ia-itu muka surat 225, Bahagian VI—Heboh, terutama sa-kali bagi kalangan anak² Melayu yang merasa mereka tidak mendapat kelulusan yang tinggi, kerana nama mereka ada terchatit di-dalam Kertas Pepereksaan itu, boleh jadi pemereksaan oleh orang yang tidak atau bukan Melayu dapat memainkan peranan-nya yang kita fikir tidak baik di-situ, menyebabkan dia itu rendah dapat markah-nya. Kita tidak soal adakah perkara ini betul, atau tidak, tetapi dengong² yang telah kedengaran di-dalam tanah ayer kita ini mengatakan itu-lah satu sebab-nya yang kita jatuh—orang² Melayu jatuh—di-dalam pelajaran tadi, walau pun ada pehak

Kementerian mengatakan tiap² orang pemereksa itu telah mengangkat sumpah bahawa sanya dia berlaku adil; tetapi kita tahu, Tuan Pengerusi, ada juga mana² yang mengangkat sumpah itu mengatakan dia berchakap adil, tetapi dia telah berbohong. Ada yang mengatakan kita mahu menjaga Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, ada orang itu juga yang chuba hendak mengkhianati kedudukan Perlembagaan negeri ini. Jadi, bukan-lah boleh kita dengar bahawa sanya dengan sumpahan mereka itu, perkara itu tidak terjadi. Jadi, kita mahu biar-lah angka bilangan sahaja d-tulis di-dalam Kertas Jawapan Pepereksaan F.M.C., S.C. dan H.S.C. itu supaya pemereksa itu tidak tahu siapa-kah yang empunya kertas jawapan itu. Kalau-lah perkara itu jatuh juga, maka kita perchaya soalan tidak puas hati itu akan tidak berlaku lagi pada pemikiran orang ramai. Jadi, dengan sendiri-nya sa-belum daripada pepereksaan, bila hendak menulis nama, terutama sa-kali orang² Melayu budak² Melayu sudah rendah hati, dia mengatakan entah siapa-kah yang memereksa kertas aku ini, minta-lah kapada Tuhan supaya orang Melayu yang memereksa-nya. Jadi, tentu-lah sa-kali kita tahu di-dalam pepereksaan sudah-lah satu bahaya pepereksaan itu yang menjadi kalam-kabut, pengambil pepereksaan itu sendiri ada satu perasaan yang tidak puas di-dalam kepala-nya itu tentang soalan-nya nanti. Jadi, bukan-lah saya hendak menudoh, Tuan Pengerusi, bahawa ada perkara yang churang berlaku di-dalam perkara ini, tetapi khabar² angin itu tidak dapat dihapuskan oleh sa-siapa sahaja sa-hingga ka-hari ini.

Tuan Pengerusi, baharu sa-kejap tadi, kita telah mendengar Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengatakan bahawa Form VI akan di-adakan dalam tahun 1966 di-dalam bahasa kebangsaan. Tuan Pengerusi, Menteri Pelajaran dahulu yang telah meletakkan jawatan-nya telah mengatakan bahawa sanya tahun 1965 kita akan adakan Higher School Certificate dalam bahasa kebangsaan. Kita takut bahawa sanya pada tahun hadapan ia-itu tahun 1965, maka berseru-lah sa-kali lagi ketika itu bahawa sanya

orang Melayu jangan takut tahun 1967 pula ada Higher School Certificate dalam bahasa kebangsaan yang penoh, pada hal, Tuan Pengerusi, tahun 1963 telah di-adakan Higher School Certificate dalam bahasa kebangsaan, ia-itu dalam satu dua perkara sahaja yang tidak penoh, tetapi sa-tengah orang memikirkan bahawa sanya tahun 1964 atau 1965 mesti-lah ada sudah dapat di-tawarkan sa-tahun—kita tidak tahu-lah mengapa tawaran itu di-buat, ada-kah kerana tidak mampu bahasa kebangsaan untuk melangkah taraf lebeh tinggi lagi.

Tuan Pengerusi, satu masalah lagi di-Kelantan, hanya ada sa-buah sahaja Form VI ia-itu Upper VI dan Lower VI ia-itu di-dalam jurusan *arts*. Yang Berhormat Menteri Pelajaran sekarang ini sa-waktu menjadi Menteri Pelajaran yang pertama dahulu pernah mengatakan bahawa sanya, kalau ta' silap saya tahun 1962 atau 1961 ketika itu, akan di-adakan Form VI di-Sekolah Sultan Ismail, kemudian sa-lepas daripada itu di-katakan ta' jadi pula. Sebab Yang Berhormat Menteri telah memberi alasan, kalau tidak silap saya, di-Sultan Abdul Hamid College, Alor Star, pada masa itu, mengatakan guru² tidak hendak pergi ka-pantai timor—ta' ada guru² yang hendak pergi ka-pantai timor, sebab itu-lah tidak ada di-buat Form VI di-sana, tetapi sekarang mujor-lah telah ada di-sana, ia-itu satu sahaja, tetapi kita perchaya dengan sa-buah ini tidak-lah men-chukupi bagi kehendak² penuntut² dalam negeri Kelantan. Dengan tidak ada-nya darjah yang sa-umpama ini, Tuan Pengerusi, penuntut² dari Kelantan yang tidak mampu hendak belajar keluar negeri dari Kelantan, ia tidak-lah ada mempunyai penoh minat untuk belajar mengambil pelajaran tinggi, bahkan kalau dia sa-orang yang betul² cherdek pun, dia memikirkan apa kerja yang akan harus kerja kelak, kerana tidak mampu hendak belajar pergi keluar negeri. Jadi, dengan tidak ada-nya kelas ini, dengan sendiri-nya murid² kita tidak akan mendapat untuk keperluan bagi darjah tersebut. Jadi, dengan sa-buah darjah itu belum lagi kelulusan itu, kelulusan yang di-Kelantan itu dapat membawa dia pergi

ka-universiti, tetapi, Tuan Pengerusi, satu masalah yang boleh di-katakan ganjil juga, ia-itu penuntut² Melayu dalam universiti, saperti mana yang disebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat, hanya 20% daripada-nya penuntut² Melayu—di-antara penuntut² Melayu pula, 15% daripada penuntut² Melayu itu ada-lah datang-nya daripada Kelantan yang tidak ada Form VI, bagitu sa-kali hebat semangat-nya, walau pun tidak ada Form VI di-dalam negeri itu, dia merayau² ka-negeri² lain—di-Pulau Pinang dan di-Kuala Lumpur untuk belajar lebeh tinggi lagi, tetapi nyata-lah pengorbanan itu bagi orang² yang miskin tidak terdaya-lah. Jadi, sa-harus-nya di-tambah lagi satu jurusan sains di-Kelantan itu, kerana, Tuan Pengerusi, boleh di-katakan kalau-lah ada Kementerian ini hendak menolong penuntut² Melayu, maka tempat-nya yang baik ia-lah di-Kelantan, ia-itu kerana ramai penduduk² Melayu dalam negeri Kelantan chuma mendudoki satu per empat daripada kawasan negeri Kelantan itu semua-nya orang Melayu yang lebeh ramai dan dekat² pula di-situ, dan boleh-lah kita perchaya kalau ada sa-buah sekolah, sa-buah kelas darjah di-Kota Bharu dan sa-bagai-nya, boleh-lah seluroh negeri Kelantan itu pergi di-sana dengan belanja yang kechil.

Saya perchaya, kalau ada sa-buah sekolah, sa-buah kelas darjah di-Kota Bharu dan sa-bagai-nya, boleh-lah seluroh penduduk dari Kelantan pergi ka-sana dengan belanja yang kechil. Saya sudah menjangka, Tuan Pengerusi, jawapan-nya sa-rupa juga pada masa² yang telah lalu, ia-itu tidak ada guru² yang mahu pergi ka-Kelantan. Tetapi, kalau-lah itu jawapan yang saya terima, Tuan Pengerusi, nyata-lah Kementerian Pelajaran ada-lah satu Kementerian yang paling lemah sa-kali untuk mengawal kaki-tangan-nya.

Tuan Pengerusi, saya perchaya-lah bahawa sa-bagaimana hendak Kementerian Pelajaran menghendaki supaya orang² Melayu tidak usah-lah masok di-jurusan *arts*, chuba-lah masok ka-jurusan sains. Apa yang hendak di-masokkan ka-jurusan sains, kelas sains tidak ada orang dari bangsa Melayu. Jadi, sa-belum daripada kita

membangkitkan semangat ra'ayat supaya ramai orang² Melayu masok ka-dalam jurusan sains, darjah Form Six dan sa-bagai-nya, atau pun keperluan sains dalam sekolah dan sa-bagai-nya, mesti-lah di-lengkapkan terlebih dahulu, dengan semangat untuk menuju dalam bahagian sains itu dengan sendiri-nya, Tuan Pengerusi, akan mengalir dalam jiwa anak² muda Melayu pada masa akan datang. Sekian-lah.

Mr Chairman: Persidangan ini ditangguhkan.

Sitting suspended at 11.50 a.m.

Sitting resumed at 12.15 p.m.

Debate resumed.

Enche' Ali bin Haji Ahmad (Pontian Selatan): Tuan Pengerusi, mula² sa-kali saya hendak mengucapkan terima kasih kepada bekas Menteri Pelajaran yang telah menyediakan Budget yang memuaskan hati dalam hal pelajaran di-negara Malaysia kita ini. Walau pun keadaan negara kita di-ancham oleh konfrantasi Indonesia dan oleh berbagai² anchaman lain daripada luar dan dalam, namun soal pelajaran kita maseh dapat perhatian yang besar daripada pehak Kementerian khas-nya dan pehak Kerajaan 'am-nya.

Sekarang saya pergi kepada muka surat 210 Butiran (15)—Pegawai Peranchang dan Penyelidek Pelajaran. Sekarang ini atau pun pada tahun 1965 akan berjalan-lah pelajaran aneka jurusan, dan pehak Kementerian telah memberi peluang dengan sa-chara besaran². Saya mengucapkan tahniah di-atas langkah² ini tetapi perlu juga saya menarek perhatian ia-itu kepada satu perkara yang telah berlaku pada tahun² yang lalu mengenai Sekolah Lanjutan. Sekolah Lanjutan telah di-jalankan sa-bagitu rupa dan mengikut pendapat saya, tidak chukup peranchang dan penyelidekan di-buat sahingga akhir-nya Sekolah Lanjutan itu tidak membuahkan apa² hasil yang berfaedah kepada negara kita terutama sa-kali kepada anak² yang masok Sekolah Lanjutan itu sendiri. Mithalnya, anak² itu di-salorkan ka-Sekolah Lanjutan tanpa apa² pepereksaan sa-telah tamat tiga tahun. Jadi masa tiga

tahun itu tidak dapat melengkapkan anak² ini kapada sa-suatu kelulusan atau ijazah atau surat akuan.

Sa-lain daripada itu masaalah melateh guru² juga, guru² daripada saloran academic di-pileh dan di-hantar ka-England sa-tahun, balek di-harapkan dapat menjadi guru vocational yang baik. Dari segi pengalaman, saya tidak perchaya bahawa guru academic dapat menjadi guru vocational yang baik dalam masa sa-tahun. Jadi kesalahan ini sa-benar-nya ada-lah kesalahan pehak meranchang dan menyelidek perkara ini, dan saya harap dalam hal Sekolah Aneka Jurusan ini saya nampak juga beberapa masaalah, walau pun saya bukan sa-orang educationist yang professional ia-itu diperengkat sekolah menengah rendah atau menengah bawah, anak² ini akan di-perhatikan kechenderongan atau kebolehan masing² di-dalam sa-suatu lapangan. Tetapi bagaimana-kah chara guru² itu hendak memerhatikan, adakah soal ini sudah di-berikan perhatian oleh pehak Peranchang dan Penyelidek dari sekarang? Kalau tidak, saya takut soal yang kita telah tempoh ya'ani kegagalan Sekolah Lanjutan yang telah lalu itu akan berulang kembali dalam Sekolah Aneka Jurusan ini.

Saya harap-lah perkara ini di-beri perhatian yang sa-sunggoh²-nya ya'ani Peranchang dan Penyelidek Pelajaran hendak-lah di-jalankan dengan sa-baik²-nya. Penerangan kepada ra'ayat itu satu soal tetapi di-dalam Peranchang dan Penyelidek Pelajaran ini hendak-lah di-jalankan dengan sa-baik²-nya—di-jalankan sa-dalam², sa-baik²-nya sejak dari mula, jangan-lah sambil jalankan ranchangan itu baharu kita hendak menengok² akhir-nya kita memakai chara trial and error. Kalau dalam sa-tengah² perkara soal trial and error ada juga guna-nya tetapi di-dalam soal pelajaran perkara trial and error ini akan mengurbankan beribu² anak² kita. Ini-lah yang tidak saya hendak lihat berlaku-nya lagi bagaimana berlaku-nya di-dalam sistem Sekolah Lanjutan kita yang telah lalu. Tetapi di-dalam Sekolah Lanjutan yang telah lalu apa hendak buat walau pun saya menyedari akan kepinchangan itu,

tetapi saya sa-bagai sa-orang pegawai Kerajaan, saya tidak dapat berkata apa². Tetapi di-dalam hal Sekolah Aneka Jurusan ini saya harap perkara ini akan di-berikan perhatian yang sa-sungguh²-nya.

Sekarang saya pergi pula pada muka surat 211, Butiran (28) dan (29)—Ketua Pegawai Perhubungan, Sekolah Ugama Islam. Masaalah Sekolah Ugama dalam negeri kita ini merupakan satu masaalah yang besar. Kalau dahulu masaalah sekolah ini merupakan satu masaalah yang besar yang di-hadapi oleh orang² Melayu, terutama sa-kali dalam zaman penjajahan, tetapi pada prinsip-nya, atau pada dasar-nya masaalah Sekolah Melayu ini telah nampak jalan yang terang, tetapi sa-hingga hari ini masaalah Sekolah Ugama Islam, terutama sa-kali Sekolah Ugama yang menggunakan bahasa Arab sa-bagai bahasa pengantar yang di-dokong oleh ra'ayat sendiri, maseh lagi merupakan masaalah yang besar, yang sa-tiap tahun beribu² anak kita masok melalui-nya tanpa jalan keluar yang terang.

Jadi, saya berharap-lah masaalah Sekolah Ugama Islam di-negeri ini di-tinjau dan di-betulkan dengan menimbangkan keseluruhan implication yang ada pada sekolah² ugama itu. Tidak memada²-lah kalau kita hanya melawat² sahaja di-sekolah itu, tengok² sadiKit lebih kurang oleh pegawai² yang berkenaan dan kemudian balek, juga tidak memada² kalau kita beri bantuan \$1,000 atau \$2,000 kepada sa-buah sekolah itu, tetapi soal-nya sekarang ka-mana-kah kanak² ini akan pergi, akan hidup sa-telah tamat daripada sekolah² ugama ini. Kalau ini di-pertimbangkan, maka timbul-lah soal sistem chorak ilmu pengetahuan yang di-beri dalam sekolah ugama itu. Ini perlu di-beri perhatian oleh pihak Kerajaan, walau pun kuasa ugama dalam negeri² ini di-tangan Sultan², tetapi pihak Kerajaan mempunyai tanggung-jawab, kerana anak² yang pergi ka-sekolah ugama ini ia-lah anak² negeri kita sendiri yang harus kita perhatikan nasib mereka pada masa akan datang, begitu juga tentang isi pelajaran di-sekolah ugama. Kebanyakan daripada isi pelajaran di-sekolah

ugama pada hari ini ia-lah mata pelajaran yang agak out of date.

Saya memperkatakan ini bukan-lah saya memandang rendah kepada sekolah ugama, tetapi oleh kerana memandangkan bahawa anak² kita di-sekolah² ugama ini juga anak² bangsa kita, maka kita perlu memberi perhatian yang berat. Jadi, bila saya mengatakan isi pelajaran di-sekolah ugama kita pada hari ini agak kurang memuaskan, maka erti-nya ini maseh merupakan satu tempat kita mengorbankan anak² kita pada hari ini dan pada masa akan datang, sebab itu perlu-lah di-perhatikan dan di-perbaiki isi pelajaran di-sekolah² ugama dan saya shorkan kepada pihak Kementerian, ia-itu serahkan sahaja-lah tugas menerbit dan menyusun buku² pelajaran sekolah² ugama ini kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, sebab pun saya berkata begitu kerana Dewan Bahasa dan Pustaka ia-lah sa-buah badan yang mempunyai pengalaman di-dalam menerbitkan buku² sekolah.

Walau apa sa-kali pun yang hendak di-perkatakan oleh pihak yang tertentu, sa-umpama pihak Pembangkang yang tidak ingin melihat perkembangan bahasa kebangsaan, namun Dewan Bahasa dan Pustaka telah memainkan peranan yang penting di-dalam memberikan sumbangan kepada buku² pelajaran di-sekolah² kita dan di-dalam hal ini buku² pelajaran di-sekolah² ugama jangan-lah di-biar saperti keadaan yang ada hari ini, sudah bertahun² saya tidak nampak berapa buah buku bagi sekolah² ugama yang sudah di-terbitkan oleh Kementerian Pelajaran, atau melalui mana² pihak, kechuali penerbit² itu mengusahakan atas dasar-nya masing² tanpa satu co-ordination yang tertentu. Jadi, keadaan yang saperti ini maseh tidak memuaskan, dan saya mengeshorkan supaya sa-berapa segera tugas ini di-serahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka supaya Dewan Bahasa dan Pustaka dapat mengator, menyusun dan melantek pegawai² yang tertentu untuk menjalankan kerja² ini. Kalau ini di-serahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dan dengan bantuan² yang sa-chukop-nya daripada pihak Kerajaan, bantuan kewangan, atau sa-bagai-nya, maka saya rasa saya mempunyai

harapan di-dalam masa sa-tahun dua buku² text dan lain² di-sekolah² ugama ini dapat kita bereskan.

Jadi, saya shorkan-lah, serahkan-lah kapada pehak Dewan Bahasa dan Pustaka supaya menguruskan perkara buku² di-sekolah² ugama ini. Jangan-lah lagi kita berselindong di-sabalek soal—ah! ini kuasa Sultan, atau sa-bagai-nya. Kita mempunyai tanggung-jawab, walau pun kuasa itu di-tangan Sultan, tetapi kita mempunyai tanggung-jawab supaya anak² kita ini jangan menjadi korban sistem yang telah berlarut² dari sejak zaman penjajahan dahulu.

Sekarang saya pergi pada muka 215—Maktab² Latehan Guru. Pertama sa-kali dalam soal Maktab Latehan Guru ini, saya dapati di-Sabah dan di-Sarawak soal pelajaran ini maseh kuat lagi dalam kongkongan pegawai² expatriat yang outlook-nya, pandangan-nya 100% sama sa-bagaimana pegawai² expatriat di-zaman kita di-jajah dahulu. Jadi, begitu juga tentang soal latehan guru², tentang soal bahasa dan lain². Jadi, saya harap salah satu chara untuk mendekatkan lagi sistem pelajaran di-Sabah dan Sarawak kapada sistem pelajaran kebangsaan ia-lah dengan memberi latehan kapada guru² yang ada di-sana itu juga supaya mendapat peluang berlateh ka-negeri kita ini, ia-itu di-Semenanjung Tanah Melayu ini. Sa-bagai chontoh-nya ia-itu di-Sabah dahulu pernah saya bertemu dengan sa-orang pegawai yang mempunyai tanggung-jawab—maksud saya pegawai expatriat. Saya kata kenapa tidak di-laksanakan pelajaran bahasa kebangsaan di-peringkat menengah bawah dan atas. Oh! guru ta' ada kata dia—ta' ada guru yang terlatah, itu sahaja. Habis tertutup fikiran-nya; ini sama-lah juga dengan fikiran pegawai² expatriat zaman penjajahan di-sini dahulu, tetapi saya nampak ada satu chara ia-itu guru² yang dari Sabah dan Sarawak itu kita bawa ka-mari berlateh di-Maktab Perguruan Bahasa supaya nanti kalau ada lagi berkokok pegawai² expatriat di-Sabah dan Sarawak itu, mereka tidak ada daleh lagi untuk tidak mengamalkan dasar pelajaran kebangsaan kita. Faedah yang lagi satu ia-lah kita menolong melatah,

merapatkan lagi perhubungan, saling persafahaman antara orang² di-Sabah dan di-Sarawak dengan orang² di-Tanah Melayu kita di-sini. Jadi, saya shorkan kapada pehak Kementerian ia-itu membuka peluang berlateh menjadi guru terutama sa-kali guru² bahasa dan sastera Melayu di-Maktab Perguruan Bahasa kapada anak² yang di-Sarawak dan di-Sabah juga.

Sekarang saya pergi pada muka surat 215 juga, Butiran (85) dan (87) ya'ani Pensharah dan Penolong Pensharah. Pada satu ketika pada tahun yang lepas, timbul masalaah ia-itu masalaah pengambilan Penolong² Pensharah. Sa-bagaimana biasa di-dalam Jabatan² Kerajaan ia-itu untuk sa-orang pegawai itu dapat memegang satu² jawatan, maka mula²-nya di-beri memegang jawatan atas dasar memangku dahulu, kadang² memangku jawatan ini bertahun². Jadi, pada satu masa dahulu pernah berlaku ia-itu sa-gulungan Pemangku² Penolong Pensharah yang asal-nya daripada sekolah Melayu, tetapi dengan berkat usaha mereka itu sendiri telah lulus F.M.C. dan lain² kelulusan lagi, sa-tengah-nya sudah lulus dari Maktab Perguruan Bahasa, tetapi apakala hendak sampai kapada masa hendak mengambil Penolong² Pensharah, maka gulungan ini, yang asal-nya datang daripada Sekolah² Melayu itu hampir semua-nya, dan kalau saya tidak silap semua sa-kali di-ketepikan begitu sahaja dengan alasan orang ini tidak ada mempunyai kelayakan. Jadi, argument-nya, kalau orang² ini tidak mempunyai kelayakan, mengapa mula² sa-kali di-ambil menjadi Pemangku Penolong² Pensharah. Kalau juga tidak mempunyai kelayakan, tidak membuktikan kelayakan, kenapa bertahun² di-bayar orang² ini menjadi Pemangku Penolong² Pensharah, bila hendak di-ambil menjadi Penolong Pensharah, maka orang² ini baharu-lah timbul soal tidak mempunyai kelayakan yang chukup.

Tetapi, Tuan Pengerusi, daripada keterangan² yang saya dapati dalam soal ini, timbul-lah masalaah “whims and fancies” sa-saorang pegawai yang menguruskan perkara itu. Mithal-nya kalau sa-saorang pegawai itu tidak

sukakan, patut saya sebutkan perkara ini ia-itu dalam sistem pelajaran kita sa-bagai hasil dari penjajahan², timbul-lah berbagai² puak dalam kalangan guru². Jadi antara satu puak dengan satu puak yang lain, selalu-nya bertentangan pendapat. Kadang² kalau guru latehan Kirkby, atau Brinsford Lodge, memandang rendah kepada guru² yang asal daripada Sekolah Melayu. Jadi timbul-lah persoalan "whims and fancies" sa-saorang pegawai, maka tertolak-lah Pemangku Penolong² Pensharah yang asal-nya daripada Sekolah² Melayu. Jadi saya harap perkara "personal whims and fancies" sa-saorang pegawai ini tidak dapat tidak jangan-lah di-benar dipergunakan dalam jawatan Kerajaan. Sungguh pun perkara ini sukar hendak di-buktikan dari segi Undang² atau segi legal-nya, tetapi kalau kita siasat halus², ada juga bukti, ada juga kebenaran-nya "whims and fancies" ini yang menyebabkan Pemangku Penolong² Pensharah itu, yang datang asal-nya daripada guru² Sekolah Melayu itu, tertolak bulat² hampir keseluruhan-nya. Kemudian apabila di-lawan balek, timbul-lah soal orang ini di-tukarkan ka-sana dan ka-mari, dengan harapan supaya habis-lah perjuangan gulungan ini dan saya harap soal yang sa-umpama ini tidak berlaku lagi pada masa akan datang. Saya mengeshorkan kepada pehak Kementerian Pelajaran, supaya bertegas keras dalam perkara "whims and fancies" di-antara pegawai Kerajaan, jangan di-benarkan untuk meng-anak-tirikan sa-suatu gulungan daripada pegawai² Kerajaan.

Jadi masalah Sekolah Melayu di-anak tirikan, ini ia-lah masalah yang berlarutan dari semenjak zaman penjajahan. Kita ta' mahu ini lagi. Sikap bagini di-dalam zaman kita telah merdeka, sikap ini kadang² bukan-lah policy Kerajaan. Saya tahu benar² bukan policy Kerajaan Perikatan, tetapi dalam implementation-nya manoeuvring, manipulation yang berdasarkan "whims and fancies" sa-saorang. Ini-lah saya harap benar² supaya tidak berlaku lagi.

Sekarang saya pergi kepada muka 219 mengenai bahagian Pelajaran Lanjutan. Saya tengok maseh ada lagi

Anggaran Belanja Sekolah Lanjutan. Saya tidak tahu-lah apa yang dimaksudkan pada Sekolah Lanjutan—tahun 1965 ini hendak di-gantikan dengan Sekolah Aneka Jurusan. Jadi saya pun tidak nampak-lah apa tujuannya di-sini,, dan saya sukar-lah hendak inembahas perkara ini.

Saya juga hendak bertanya apa hendak di-buat dengan anak² yang telah menjadi kurban di-Sekolah Pelajaran Lanjutan ini, hendak di-apakan anak² ini, beribu² banyak-nya. Jadi ini yang saya salahkan benar² ia-lah kepada Bahagian Peranchang dan Menyelidek Pelajaran itu. Saya tidak menyalahkan dasar pelajaran kebangsaan, saya tidak menyalahkan Kerajaan Perikatan yang menjalankan, tetapi bahagian pegawai² yang menjalankan yang meranchang dan melaksanakan ini yang tanpa memberi nasehat professional yang sa-chukup-nya kepada Menteri Pelajaran. Jadi, dalam bahagian ini, saya hendak bertanya, hendak di-apakan anak² yang beribu² banyak-nya di-Sekolah Lanjutan itu. Kita harus membela anak² ini, anak² ini telah menjadi kurban kerana kepinchangan sistem yang kita buat, erti-nya kesalahan oleh Bahagian Peranchang dan Penyelidekan, jadi apa hendak kita buat dengan anak² yang sudah menjadi kurban bagini?

Sekarang, saya pergi kepada muka 221—Jabatan² Penuntut Malaysia Di-Luar Negeri. Dalam hal ini, saya rasa, kita harus-lah mengambil pandangan yang lebih luas (broader outlook). Kita jangan-lah sa-mata² bergantung kepada United Kingdom, Australia, New Zealand dan sa-bagai-nya. Walau pun kita harga² sumbangan negara² ini dalam lapangan pelajaran negeri kita, tetapi kita harus-lah pula meluaskan anak² kita belajar di-luar negeri, bukan-lah di-bataskan kepada United Kingdom, Australia atau New Zealand sahaja. Mithal-nya dalam lapangan science, dalam lapangan teknik, German Barat tidak kurang daripada United Kingdom, mithal-nya dalam lapangan pengajian Post Graduate, katakan-lah dalam lapangan Post Graduate Economy, mithal-nya, Amerika Sharikat tidak kurang tinggi-nya daripada United

Kingdom. Jadi saya harap perkara menghantar pelajar² kita ka-luar negeri di-perluaskan lagi jangan-lah di-bataskan kepada beberapa negeri dalam Commonwealth sahaja terutama sa-kali kepada negeri² yang terkenal maju.

Mithal-nya dalam perkara Teknik, saya rasa dalam perkara Mechanical Engineering atau sa-bagai-nya, Jepun tidak kurang maju-nya daripada England dan pada sa-tengah² bahagian kita dapati ia-itu sistem pelajaran di-England itu sendiri, saya rasa, sudah agak out of date, sudah agak kaku, mithal-nya Universiti Oxford itu sendiri yang apa di-anggap sa-bagai Universiti yang terkenal dan tertua di-England. Masa saya di-England, saya dapati sa-buah Surohanjaya sedang menyiasat bagaimana hendak menjadikan University of Oxford ini up-to-date, dynamic, sa-suai dengan keperluan masyarakat United Kingdom pada masa ini. Jadi kesimpulan-nya ia-lah kita perlu menghantar anak² kita, bukan sahaja ka-United Kingdom, Australia, New Zealand, tetapi juga dalam lapangan² tertentu, mithal-nya di-German Barat dan di-Jepun dan sa-bagai-nya. Kita harus mempergunakan peluang² ini dengan sa-luas²-nya supaya apa yang dapat balek nanti daripada berbagai² sistem pelajaran, daripada berbagai² outlook, dapat-lah kita satukan menjadi satu synthesis atau "more into one synthesis of our own which is very up-to-date and very dynamic" dan tidak-lah sa-bagaimana yang selalu terdapat pada kita, lagi² kita ikut sistem England, ada Local Education Authority, kita buat macham England, England sendiri sudah terasa out-of-date, kita pula baharu hendak amalkan di-sini, sebab kita sentiasa di-belakang England, yang pada sa-tengah perkara England itu sudah merasakan sistem-nya itu out-of-date. Jadi saya harap-lah perkara ini ia-itu kita luaskan outlook kita ka-negara² yang lain, walau pun di-negara yang bukan di-dalam Commonwealth. Mithal-nya ka-German Barat dalam hal science dan teknik, dalam perubatan, dalam hal Engineering, dan juga ka-negeri Jepun mithal-nya terutama dalam hal Mechanical Engineering, Electrical Engineering atau sa-bagai-nya. Jadi

ini-lah yang perlu dalam negara kita yang merdeka.

Enche' Ahmad bin Arshad: Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi, dalam dia memperkatakan supaya kita dapat meluaskan dan menghantar penuntut² kita ka-luar negeri, boleh-lah di-beri peluang kalau penuntut² kita di-hantar ka-negeri Block Kominis?

Enche' Ali bin Ahmad: Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya tadi tidak menyebut langsung menghantar penuntut² kita ka-negara kominis.

Sekarang saya pergi pula kepada muka surat 225—Lembaga Peperiksaan. Boleh di-katakan sa-tiap tahun apabila di-adakan peperiksaan dalam negeri kita ini, kita dengar-lah berita murid² di-kurong kerana tersalah memberi kertas soal, sa-tiap tahun, saya rasa semenjak merdeka ini selalu sangat, mengapa-kah berlaku bagini selalu sangat salah bagi kertas pereksa, anak murid kena kurong sampai satu hari tidak boleh bertemu. Jadi saya rasa di-sini ada-lah sa-suatu kesilapan, kesalahan kepada sistem Lembaga Peperiksaan ini, atau pun kepada perengkat² bawah-nya. Jadi saya rasa

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin: Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi, saya dengar, chuma sa-buah sekolah sahaja yang berlaku bagaimana ucapan Yang Berhormat itu tadi, sekolah lain tidak.

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, itu yang di-dengar oleh Ahli Yang Berhormat, dia terdengar sa-kali, menunjukkan dia chuma jaga sa-kali (*Ketawa*). Saya katakan tadi boleh di-katakan tiap² tahun berlaku tersalah beri kertas peperiksaan. Jadi, saya harap perkara ini tidak berlaku lagi. Kalau kita hendak anggap peperiksaan negeri kita ini satu peperiksaan yang betul² tulin dan yang betul² ada integrity-nya, maka kesalahan² sa-umpama ini tidak-lah berlaku lagi. Jadi, saya merasa amat dukachita tentang hal² yang sa-umpama ini dan salah satu daripada chara-nya ia-lah tinjau kembali chara² kita melaksanakan peperiksaan itu dan juga sa-tiap orang yang bertanggung-jawab terhadap kesalahan

itu di-hukum. Kalau ini di-jalankan maka saya rasa pegawai² yang berkenaan akan lebih hati² menjalankan pepeiksaan.

Soal yang kedua, sa-hingga ka-hari ini saya pun tidak tahu-lah, saya diberi ma'aluman konon-nya satu chara yang paling up-to-date, saya tidak tahu-lah up-to-date macham mana-kah ia-itu dalam tiap² kertas pepeiksaan itu ada di-chatitkan nama, sa-lain daripada index nombor itu—nama. Jadi, ini saya rasa, tidak tahu-lah, pehak Kementerian barangkali ada hujah yang lain mengatakan ini paling up-to-date. Saya kata bila sudah ada nama, yang memereksa kertas itu tahu-lah siapa² orang-nya, ini juga mungkin menimbulkan kalau pemereksa itu orang China dia melebehkan China, kalau pemereksa itu orang Melayu dia melebehkan Melayu, sebab nama di-situ ada terchatit dengan terang. Konon, oh, pemereksa itu ada di-beri batasan kalau hendak *favour* pun tidak lebih dari 3 markah (mark). Jadi ta' kan-lah tiap² kertas pepeiksaan itu akan di-tinjau kembali oleh pemereksa yang lain; berapa ratus ribu kertas pereksa hendak kita tinjau? Jadi, saya rasa tentang kertas pereksa ini kita perlu, kalau boleh chuma ada index nombor sahaja, jangan beritahu kapada pemereksa itu nama orang-nya dan sekolah-nya sa-kali pun, itu terpulang-lah kapada Lembaga Peperiksaan sendiri menentukan. Akan tetapi, yang ada pada hari ini saya tengok pada tiap² kertas pereksa itu ada nama, lengkap semua keterangan, jadi tahu siapa-nya itu, dari sekolah mana, jadi tukang pereksa itu tahu. Dan ini untuk mengelakkan pada suatu ketika anak² yang masuk pereksa itu beritahu index nombor dan nama sekolah-nya, jadi menyalahgunakan kekuasaan itu kita kurangkan sa-hingga kapada sa-kecil²-nya. Jadi, chara pepeiksaan ini pun tidak memuaskan saya. Jadi, jangan-lah hendak up-to-date hingga perkara yang tidak baik yang dianggap paling banyak peluang untuk menyalahgunakan itu di-kemukakan. Dahulu tidak pakai nama kapada kertas pepeiksaan, oleh kerana konon-nya hendak up-to-date sekarang taroh nama pada kertas itu. Jadi, ini satu

chara yang tidak baik, dan chara ini berlaku juga pada pepeiksaan yang ada ini—pepeiksaan akhir tahun 1964 ini. Saya tengok kertas pepeiksaan itu ada nama terbentang—nama orang itu. Jadi, saya harap perkara yang sa-umpama ini tidak berlaku lagi. Yang saya harapkan ia-lah perkara menjalankan pepeiksaan ini di-tinjau kembali supaya dapat di-laksanakan dengan sa-rapi²-nya dan supaya pepeiksaan negeri kita ini dapat dianggap satu pepeiksaan yang terhormat, pepeiksaan yang baik dan pepeiksaan yang mempunyai integrity yang sa-penoh²-nya, dan tidak-lah pepeiksaan sa-bagaimana di-satengah² negeri.

Sekarang saya pergi ka-muka surat 263, Pechahan Kepala 1—Pemberian kapada Sekolah Rendah. Pemberian kapada Sekolah Rendah, terutama sa-kali kapada Sekolah² Rendah Kebangsaan, terutama sa-kali kapada yang di-kampong². Saya dapati umum-nya pemberian ini dapat terlalu lewat. Sekolah mula bulan Januari, bantuan pemberian ini kadang² sudah akhir tahun baharu sampai, bagitu juga pemberian buku². Saya lihat dengan mata kepala saya sendiri pada akhir tahun 1963, bantuan pemberian buku² kapada sekolah di-kampong saya ia-itu Sekolah Rambah itu sudah bulan November, sudah masuk akhir tahun buku bantuan itu tidak sampai² lagi, kalau sampai pun dalam satu kelas itu ada 40, 15 buah buku sahaja sampai. Ini saya dapati umum berlaku kapada sekolah² rendah di-kampong². Jadi, macham mana-lah tiap² tahun kita pereksa anak², terutama sa-kali anak² daripada kampong² keputusan pepeiksaan-nya rendah. Saya tidak tahu di-mana silap pemberian ini bagini lambat, tetapi ada kala-nya pemberian ini lekeh bukan oleh Kementerian yang di-Kuala Lumpur, tetapi oleh Pejabat Pelajaran peringkat Negeri. Pernah juga saya temui ia-itu beberapa orang anak yang telah dapat masuk Form VI, saya dapati di-Kuala Lumpur telah memersetujui bantuan scholarship-nya, tetapi anak ini sudah 3-4 minggu kemudian tidak juga lagi menerima wang-nya. Bila saya siasat²

sangkut-nya di-Pejabat Pelajaran Negeri, dan dalam hal Pejabat Pelajaran Negeri ini banyak-lah rungutan² daripada orang ramai. Saya harap perkara ini dapat di-siasat lagi di-mana slack-nya dan kendor-nya dalam Pejabat² Pelajaran Negeri kita.

Jadi, pemberian bantuan kepada sekolah² ini tadi kita selalu berchakap ada orang mengatakan anak² Melayu tidak competitive, tidak kuat bekerja dan tidak kuat belajar. Macham mana anak² Melayu di-kampung di-sekolah rendah ini hendak belajar: buku tidak ada, ikut tiori-nya Kerajaan beri bantuan buku, tetapi buku-nya tidak sampai², sudah hendak dekat pereksa atau dekat akhir tahun baharu sampai, kalau sampai pun tidak chukup. Saya harap kalau pehak Kerajaan mengatakan akan memberi bantuan buku kepada sekolah² berikan dalam bulan Januari atau di-awal tahun, jangan-lah pada bulan Oktober baharu hendak beri sebab tidak ada faedah-nya. Kalau tidak, suroh ibu-bapa beli. Kalau tidak, kita ramai² gotong-royong bagaimana hendak menghuraikan masaalah memberi buku² perchuma kepada anak² ini, tetapi di-harap jangan-lah yang di-chakap lain, yang perjalanan-nya itu lechek, sampai dekat akhir tahun baharu dapat buku, ini umum di-sekolah rendah, terutama sa-kali yang di-kampung².

Berchakap dalam hal Pemberian kepada Sekolah Rendah, saya dapati hampir² 100 peratus Sekolah Rendah Kebangsaan tidak mempunyai perpustakaan yang chukup. Jadi, bagaimana anak² kita ini hendak dynamics otak-nya, sedangkan pergi sekolah bacha textbook, kalau ada textbook, kalau tidak ada menyalin-lah daripada pagi sampai tengah hari. Jadi, anak² yang macham ini macham mana kita hendak harap otak-nya sentiasa berjalan. Di-sekolah-nya, kutub-khanah tidak chukup. Satu sekolah yang mempunyai 200-300 orang murid, buku yang ada dalam perpustakaan-nya 20-30 buah. Ini-lah nasib yang dialami oleh anak² kita di-sekolah rendah, terutama sa-kali di-kawasan² luar bandar.

Sa-tiap kali saya melawat sekolah, sa-tiap kali saya pergi tengok tiap²

sekolah di-kampung mana perpustakaan-nya, kalau dalam kawasan Pontian Selatan, kawasan saya, saya berani jamin tidak ada sa-buah Sekolah Rendah Kebangsaan yang mempunyai perpustakaan yang besar—tidak ada sa-buah sekolah pun. Ini-lah yang kita hadapi sekarang. Kita hendak anak² kita baik, maju dan chergas dalam pelajaran, tetapi halangan yang di-timpa oleh anak² kita begitu hebat, dan ini-lah yang menyebabkan anak kita lambat menchapai kemajuan dalam lapangan pelajaran. Kita adakan-lah peperiksaan bagaimana baik dan kita atorkan-lah syllabus walau begitu baik, tetapi sudah-lah buku tek tidak chukup, bantuan lambat dan perpustakaan tidak ada. Saya harap pehak Kementerian Pelajaran akan menyiasat perkara perpustakaan di-sekolah² rendah di-kawasan luar bandar terutama-nya. Siasat bagaimana chara hendak memajukan-nya. Saya rasa tidak dapat-lah mengambil masa begitu panjang untuk membichara masaalah perpustakaan di-sekolah² rendah di-sini, sebab akan memakan masa yang panjang, tetapi perkara ini merupakan satu perkara yang besar dan mempunyai akibat yang besar kepada anak² yang datang dari kampung, yang datang-nya daripada sekolah rendah.

Sekolah Kebangsaan. Kita buat pun Sekolah Alam Shah baik², tetapi feeder-nya daripada bawah itu tidak beres betul payah ka-atas dengan baik. Jadi, saya harap masaalah perpustakaan di-Sekolah² Rendah Kebangsaan ini di-pandang sa-bagai soalan yang besar, jika perlu adakan penyiasatan yang sa-lanjut-nya, sebab sa-bagaimana yang saya katakan tadi ada beratus di-kawasan itu Sekolah Rendah Kebangsaan yang tidak ada satu pun perpustakaan yang dapat di-adakan perpustakaan. Kalau ada pun taroh satu robek ada-lah 20-30 buah buku, itu pun kebanyakan buku² risalah Jabatan Penerangan, itu yang banyak, fasal apa? Buku itu dapat feri (free)!

Ini saya harap perkara ini di-siasat dan di-perbaiki dengan sa-berapa lekas. Sa-lagi kita tidak membaiki soal perpustakaan, maka payah-lah kita hendak mendainamikkan otak anak² kita supaya sentiasa berjalan

otak-nya, apa lagi keadaan di-luar bandar itu, ya'ani keadaan tenang, keadaan tidak kurang competitive, apa lagi keadaan² itu ini-lah yang di-tumbuhkan. Jadi, bila kita berbichara peranan anak² kita, terutama sa-kali anak² orang Melayu, ini-lah yang sa-benar-nya anak² Melayu menempoh lebeh banyak handicap, lebeh banyak penghalang, untok maju dalam lapangan pelajaran. Tetapi kalau sa-kali anak² Melayu telah sampai University telah masuk satu pengajian, tidak kalah, kalau kita bandingkan dengan anak² bangsa lain. Jadi kalau soal yang menyebabkan terchichir-nya sekarang ini ia-lah masaalah halangan² yang di-tempoh semenjak daripada darjah satu lagi. Ini-lah saya harap mendapat perhatian daripada pihak Kementerian dengan sa-sungguh²-nya. Adakan penyelidikan dengan sa-dalam²-nya, dengan betul dan jalankan ranchangan² dengan betul berdasarkan perancangan dan jangan-lah berulang sa-bagaimana Sekolah Lanjutan yang telah saya bicharakan tadi.

Sekarang saya pergi pula kapada muka 264, Pechahan Kepala 19 mengenai Maktab Islam (Muslim College). Di-sini di-sebutkan sumbangan kapada Maktab Islam ini ia-lah \$200,000 tetapi kalau kita tengok yang sa-benar-nya di-dapati oleh Maktab Islam ini hanya \$76,384 sahaja, \$120,000 yang lebeh itu tidak sampai kapada Maktab Islam sedangkan pada nama-nya Maktab Islam yang dapat. Saya hairan, kenapa perkara ini berlaku begini. Jabatan Pengajian Islam di-Universiti Malaya sa-harus-nya di-tanggung oleh Universiti Malaya sendiri, kenapa pula mesti di-tanggung oleh College Islam di-Kelang? Jadi, ini menimbulkan pergeseran antara kita sa-sama kita. Pernah pada satu masa timbul pergeseran antara mahasiswa Universiti Malaya terutama sa-kali dalam Jabatan Pengajian Islam dengan pelajar² di-College Islam timbul pergeseran. Tetapi pada saya ini yang menyebabkan pergeseran bukan-lah anak² itu sendiri tetapi sistem yang kita berikan bantuan dengan nama College Islam \$200,000 tetapi yang sampai kapada College Islam chuma \$76,384 sahaja, \$123,616 sampai ka-Jabatan Pengajian Islam di-

Universiti Malaya. Saya shorkan bantuan kapada College Islam di-Kelang itu hendak-lah sa-sungguh-nya di-pergunakan oleh College Islam di-Kelang itu, dan kalau perbelanjaan Jabatan Pengajian Islam di-Universiti Malaya itu hendak-lah di-tanggung oleh Universiti Malaya sendiri. Ini-lah yang betul-nya tidak akan timbul pergeseran, tidak akan timbul perselisihan faham. Jadi kita buat bagini menimbulkan perselisihan antara mahasiswa² itu sendiri, puncha-nya kita sendiri, di-beri dengan nama lain, yang dapat duit-nya itu orang lain. Saya tidak bersetuju dengan chara yang ada saperti di-sini dan juga dengan keadaan yang sa-umpama ini nampak-lah bahawa sumbangan Kerajaan Pusat kapada College Islam itu sendiri terlalu kechil hanya \$76,384 sahaja. Dari segi saya, sumbangan Kerajaan Pusat kapada College Islam hanya \$76,384 sahaja tidak lebeh daripada itu, yang lain itu bukan untok College Islam. Jadi saya harap sumbangan Kerajaan Pusat kapada College Islam itu di-jadikan sa-sungguh²-nya kapada \$200,000. Ini-lah yang saya shorkan kapada pihak Kerajaan dan jangan-lah berulang kembali kesilapan yang di-lakukan oleh sa-tengah² gulongan, sa-tengah² pegawai, pada masa yang telah lalu.

Sa-benar-nya saya tahu di-mana kesilapan ini, Tuan Pengerusi, siapa yang melakukan kesilapan ini dalam soal perjanjian-nya, dalam soal tolak ansor-nya, tetapi itu bukan-lah bagi kita. Soal yang penting bagi kita membetulkan kesilapan yang telah di-lakukan oleh sa-tengah² orang.

Sekarang saya pergi kapada soal penghabisan—Universiti Malaya. Jabatan Pengajian Islam di-Universiti Malaya itu saya shorkan supaya di-tanggung oleh Universiti itu sendiri. Saya tidak nampak sebab mengapa Universiti Malaya tidak boleh menanggung perbelanjaan sa-sabuah Jabatan di-dalam-nya sendiri.

Yang kedua, matalamat pelajaran kita dalam negeri, matalamat akhirnya, ia-lah hendak menjadikan bahasa kebangsaan bahasa pengantar daripada sekolah rendah sampai kapada sekolah yang sa-tinggi²-nya. Tetapi sehingga kapada hari ini saya tidak

nampak langkah² yang serious, yang sa-sungguh², oleh pihak Universiti untuk melaksanakan bahawa bahasa Melayu akan menjadi salah satu bahasa pengantar yang terpenting di-Universiti Malaya, saya tidak nampak sampai ka-hari ini. Mithal-nya yang saya nampak; itu pun dengan initiative Professor sendiri. Di-dalam Jabatan Ekonomi orang² yang hendak mengambil mata pelajaran ekonomi di-mestikan belajar bahasa kebangsaan, di-mestikan lulus, tidak lulus bahasa kebangsaan tidak lulus ekonomi—tidak dapat ijazah. Tetapi Jabatan² yang lain, kechuali Jabatan Pengajian Melayu, beku sa-beku²-nya buat tidak tahu samata². Pada hal kalau kita tinjau di-luar negeri untuk lulus dalam sa-suatu ijazah di-paksakan lulus juga dalam bahasa² lain. Mithal-nya untuk lulus Undang², di-mestikan juga lulus bahasa Latin. Bagitu juga, sa-bagai contoh-nya di-Amerika untuk lulus dalam bahagian ekonomi di-mestikan juga lulus dua atau tiga bahasa asing, sama ada bahasa Franchis, bahasa Jarman, bahasa Sepanyol. Tetapi di-Universiti kita tidak sama sa-kali. Jadi kalau hendak di-katakan Universiti kita ini mengikut sistem Universiti barat tidak juga, hendak di-katakan Universiti kita ini menyesuaikan diri-nya dengan sa-sungguh²-nya kepada sistem pelajaran national, tidak juga. Jadi dalam hal ini saya menguchapkan tahniah kepada Professor Ungku Aziz yang telah mengambil initiative-nya. Tetapi dalam Jabatan² yang lain nil—kosong—sa-mata² tidak ada usaha semua sa-kali. Ada pun usaha-nya itu melepaskan batok di-tangga dengan tidak mempunyai effective, dengan tidak mempunyai kesan yang effective kepada menuju matalamat kita, ya'ani menjadikan bahasa kebangsaan bahasa pengantar yang terpenting di-Universiti. Sa-bagaimana saya tunjokkan contoh-nya, orang pandai sejarah konon buat penyelidekan, buat penyelidekan politik mithal-nya, penyelidekan apa, bergantung kepada *Straits Times*, *Malay Mail*, itu sahaja yang di-gantong-nya. Untuk membuat penyelidekan tentang politik negeri ini sebab tidak di-mestikan lulus bahasa Melayu, tidak di-mestikan pandai bahasa kebangsaan, bergantung-lah bahan²-

nya: kalau surat khabar bergantung-lah kepada *Straits Times*, balek² *Straits Times*, balek² *Malay Mail*, sa-olah² fikiran dalam *Straits Times* dan *Malay Mail* itu merupakan pendapat national, pendapat ra'ayat negeri ini. Jadi dengan tidak melaksanakan ini merupakan juga penyelidekan di-Universiti ia-itu merupakan penyelidekan yang penchang tidak dapat menyelam jiwa ra'ayat, tidak dapat menyelam fikiran² ra'ayat sa-bagaimana yang di-suarakan dalam surat² khabar bahasa kebangsaan dalam negeri ini.

Jadi ini-lah sa-bagai contoh-nya. Saya rasa, ia betul kita aku, kita setuju dengan autonomy Universiti, tetapi autonomy pada saya jangan-lah di-biarkan terlalu sangat sampai Universiti Malaya kita tidak bergerak, tidak berjalan, sama langkah-nya dengan chita² kebangsaan kita. Kita mara ka-hadapan maju pada dasar pelajaran kebangsaan, di-Universiti Malaya tidak melaksanakan bahasa kebangsaan, tidak ada ranchangan, tidak ada apa satu pun tidak ada, kechuali sa-siapa yang hendak belajar bahasa kebangsaan di-adakan dua orang guru, siapa hendak belajar, belajar-lah ta' hendak belajar tidak apa, tidak ada apa² sharat, ta' lulus bahasa kebangsaan tidak jadi apa. Ta' pandai tidak jadi apa, hendak buat penyelidekan tidak tahu bahasa kebangsaan, tidak jadi apa, lulus juga. Jadi saya harap-lah Universiti kita ini walau pun kita memberikan autonomy kepada-nya tetapi hendak-lah terta'alok di-bawah matlamat national, di-bawah chita² national. Kalau chita² national kita menjadikan bahasa kebangsaan bahasa ilmu pengetahuan yang penting, maka Universiti Malaya hendak-lah terta'alok di-bawah chita² ini dan jangan-lah kita biarkan sa-bagaimana yang ada pada hari ini. Universiti Malaya belum lagi menjalankan langkah yang effective, yang berkesan, terhadap menuju chita² bahasa kebangsaan ini tidak sama sa-kali. Jadi saya harap pihak Kementerian ini akan berusaha.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, kesimpulan-nya kita harus-lah memerhatikan soal pelajaran, bukan sahaja daripada rendah tetapi sampai kepada pihak Universiti-nya juga. Jangan-lah ada

dalah autonomy Universiti sampai bertentangan dengan chita² national. Pada masa yang akhir timbul-lah pendapat di-kalangan umum bahawa Universiti Malaya itu bukan-lah Universiti national kita, sebab ka-Inggerisan sangat serba serbi-nya. Oleh kerana itu timbul-lah desakan mengadakan Universiti kebangsaan yang lain. Kalau ini timbul nanti akan menyebabkan lebeh rumit keadaan negara kita ini. Sebelum rumit maka kita perhatikan-lah soal Universiti kita supaya sesuai dengan chita², dengan hasrat national kita. Sakian-lah, Tuan Pengerusi, (Tepok).

Mr Chairman: Persidangan ini di-tempohkan sa-hingga 4.30 petang ini.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

Heads S. 18, S. 19 and S. 20—

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat, saya suka hendak memberi sedikit ma'lumat berkenaan dengan masa, ada senarai di-hadapan Ahli² Yang Berhormat yang terpaksa kita buat, oleh kerana kesuntukan masa. Jadi, mulai pada hari Ithnin, 14 haribulan Disember, 1964 hingga-lah 23 haribulan Disember, 1964, dalam pada itu pun, hari Ithnin, 14 haribulan Disember ia-itu hari ini, nampak-nya sudah berpan-jangan² juga ucapan Ahli² Yang Berhormat. Jadi, saya minta-lah kepada Ahli² Yang Berhormat, kalau dapat di-pendek²kan sedikit apa² yang hendak di-terangkan itu supaya ramai lagi Ahli² Yang Berhormat dapat mengeluarkan fikiran-nya. Ini terpulang-lah kepada Ahli² Yang Berhormat, tetapi bila sampai masa-nya, barangkali besok pukul 1.00—ta' sampai pukul 1.00 di-untukkan kepada Ahli² Yang Berhormat, sebab satu jam kita untukkan kepada Menteri menjawab-nya, itu sahaja.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kaseh, kerana memberi peluang saya

berchakap pada petang ini dan saya akan patoh kepada arahan Tuan Pengerusi supaya menjimatkan masa untuk memberi peluang lagi kepada Ahli² Yang Berhormat yang lain. Apa yang saya hendak sebutkan sekarang ini, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan perubahan baharu yang ada di-dalam sistem pelajaran kita. Saya merasa ini memadai-lah untuk saya berchakap pada petang ini.

Tuan Pengerusi, saya suka menyen-toh pada muka 209 berkenaan dengan Ibu Pejabat. Memandang kepada pen-ting-nya satu dasar pelajaran—bukan sistem pelajaran, ia-itu dasar pelajaran yang sesuai dengan negara Malaysia, mahu ta' mahu sudah pun wujud di-Bangsa² Bersatu. Saya minta, kalau pun tidak orang menuntut supaya di-adakan satu dasar yang lebeh luas lagi, ia-itu dasar yang kita katakan Pan-Malay-sian Policy yang meliputi kesemua Negeri² ahli yang ada dalam Malaysia ini. Ini ia-lah kerana dasar yang ada sekarang ini ia-lah dasar nyanyian lama juga daripada Report Razak Tahun 1956 kalau ta' salah saya, dan juga yang di-perbaharui menurut Report Rahman Talib Tahun 1960.

Tuan Pengerusi, saya berkata bagini ia-lah kerana kita membangunkan satu negara dan bangsa mengenai satu chita² yang sama, kalau-lah dasar pelajaran itu hanya kena-mengena dengan Federation, atau Tanah Melayu ini sahaja dan tidak meliputi negeri Sabah dan Sarawak, saya yakin ini akan merumitkan lagi, walau pun kita tahu bahawa negari² Sabah dan Sarawak dan Singapura itu mempunyai kuasa yang ber-sendiri dalam masaalah² ini, saya rasa dengan falsafah yang selalu kita dengar "harmonization" chukai, saya ma'ana-kan pula kepada Menteri ia-itu bakal Menteri kita ini meng-harmonization-kan policy pelajaran.

Tuan Pengerusi, kaitan yang besar-nya sekarang ini ia-lah berkenaan dengan sistem baharu yang di-kemuka-kan ia-itu di-namakan dalam bahasa Inggeris, Comprehensive System, atau pun yang Melayu-nya Aneka Jurusan. Saya rasa terjemahan ini pun boleh di-persoalkan lagi, tetapi tidak-lah mustahak kita persoalkan terjemahan itu, tetapi isi-nya, Tuan Pengerusi. Saya

mahu memberi satu ingatan kepada Menteri kita sama ada dia terima, atau tidak bahawa dasar comprehensive ini ia-lah dasar kominis yang saya rasa tidak sesuai dengan keperibadian umat Malaysia kita yang mempunyai bermacam² kepercayaan dan mempunyai satu matalamat yang hendak di-bentok.

Tuan Pengerusi, saya kata itu ia-lah kerana soal, atau sistem Aneka Jurusan ini, atau pun comprehensive system ini tidak akan berjaya, kerana dia itu merupakan sa-mata² satu ubat kepada kekechiwaan sistem lanjutan, dan pernah di-suarakan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada pehak Kerajaan sendiri, sedangkan sistem yang ada sekarang ini yang belum lagi di-pinda kepada Comprehensive System itu kita dapati dia berdasarkan lagi kepada dasar lama, ia-itu dasar Razak Report Tahun 1956 dan Rahman Talib Report Tahun 1960 yang di-dalam-nya maseh lagi menunjol²kan, di-amalkan berbagai² mengikut di-dalam-nya sa-bagai medium, atau pun bahasa penghantar-nya dengan menyuborkan kebudayaan² lain daripada kebudayaan tunggal dinegara ini. Jadi, Tuan Pengerusi, ini-lah yang saya katakan bahawa dasar sistem Comprehensive ini tidak akan berjaya sa-bagaimana kita telah mempunyai dahulu bahawa dasar sistem bagi Sekolah² Lanjutan ini tidak akan berjaya, dan ini akan berulang sa-kali lagi.

Tuan Pengerusi, saya dengan ringkas-nya hendak mengatakan bahawa policy Aneka Jurusan ini ada-lah policy, atau pun sistem yang merusut, kerana ini telah pun di-laongkan di-negeri Russia. Saya telah membacha buku itu, dan saya dapati menuju kepada pendidekan yang sama dan memberi peluang kepada semua orang. Saya dapati bahawa ini ada-lah satu experiment yang di-buat dari negeri Russia supaya melenyapkan langsung dan kaum bourgeois, dan memberi peluang kepada semua orang untuk mendapatkan pelajaran dengan maksud hendak melenyapkan mereka itu kepada heavy industries dan perkara² sain dengan tidak memperdulikan kebebasan rohani orang persaorangan itu.

Ini, Tuan Pengerusi, kemudian-nya telah di-tiru oleh Amerika, di-dalam

falsapah yang di-buat oleh John Dewe, dia telah kalah dengan Socialistic System dan dia telah meniru sebab itu-lah Russia boleh naik ka-bulan dahulu dan Amerika naik yang kedua. Dari sini, Tuan Pengerusi, saya telah mendengar tadi sahabat kita daripada Pontian Selatan mengatakan, bahawa kita ini jangan-lah sangat fanatic dengan sa-suatu yang di-buat oleh Britain. Ada pun comprehensive system yang kita hendak jalankan ini, saya yakin dan akan di-jawab, bahawa ini ada-lah di-tiru daripada Britain sendiri ia-itu di-ketika Kerajaan Buroh yang chuba hendak menghapuskan feudal² dan kelas² bourgeois dengan jalan mengadakan Comprehensive System ini tetapi tidak berjaya, sebab itu-lah maseh ada lagi Secondary School yang berupa Grammar School dan juga yang berupa technical dan berupa comprehensive. Jadi comprehensive ini sudah tidak berjaya, sebab itu-lah kita dapati anak² Lord dan anak² feudal maseh berpeluang melalui Secondary School yang berchorak grammar itu pergi ka-universiti dan dia sudah kechiwa dalam perkara ini. Saya yakin kalau ini-lah juga yang kita ikut²kan, saya yakin ini akan menerima nasib itu juga dan kita tidak akan berjaya.

Tuan Pengerusi, ada-kah perkara ini boleh berlaku di-Tanah Melayu? Sebab saya katakan tadi saya hanya hendak berchakap berkenaan dengan comprehensive system sahaja. Saya yakin perkara ini boleh berlaku. Ia-itu kita tidak-lah dengan enti sekolah² amalan yang hendak menimbulkan bakat² ia-itu kita tidak enti dari segi vocational, tetapi kita tidak mahu vocational ini menjadi sebab terhalang-nya kemajuan dari pehak academic. Mithal-nya kita katakan di-dalam system comprehensive itu akan berpeluang-lah budak² itu mengikut kechenderongan-nya itu mengambil vocational sa-kurang²-nya 4 hari daripada sa-minggu yang kurang daripada itu akan di-untokkan kepada academic dan budak yang patut boleh lulus di-dalam lower secondary dari segi academic-nya, akan tidak dapat lulus kerana dia akan sebok dengan subject² vocational. Bukan erti-nya kita menentang tetapi ini sa-bagai satu kesimpulan yang kita dapat daripada system yang kita hendak jalankan.

Rasa saya Menteri Pelajaran juga sekali pun tidak ada sekarang ini orang lain memangku, saya rasa dia tidak akan sunggoh² terjatoh di-dalam lorongan ini.

Tuan Pengerusi, kalau pun kita hendak buat juga comprehensive ini, saya meminta-lah Menteri Yang Berhormat itu memberi satu perhatian ia-itu bukan di-masa Lower Secondary tetapi Upper Secondary—tidak pada Lower Secondary—dan ini akibat-nya boleh-lah difahamkan sendiri oleh Menteri itu dengan tidak payah saya berchakap lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi, yang saya kata perkara ini mungkin terjadi berlaku di-Tanah Melayu ini ia-lah, kerana meski pun system peperiksaan hendak naik kepada Sekolah Menengah itu dihapuskan, erti-nya hendak memberi peluang kepada sa-banyak² murid itu mendapat pelajaran di-dalam comprehensive system, tetapi maseh terdapat juga system² feudal yang memberi peluang utama kepada anak orang² yang kaya dan feudal: ia-itu seperti mana Grammar Secondary School yang di-buat di-England dan di-sini kita dapati sa-macam itu juga pelajaran Secondary School di-Sekolah² Tuanku Abdul Rahman dan Tun Fatimah. Ini, Tuan Pengerusi, tidak boleh berjaya dengan jalan comprehensive system ini untuk memberi peluang, maseh ada lagi juga system untuk mengutamakan feudal dan orang² kaya itu mendapat habuan academic-nya lebih banyak daripada orang² yang ramai ini dan ini ada-lah satu perkara yang kena-mengena dengan ra'ayat.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu satu perkara yang ajaib pada saya ia-itu pada tahun 1965 ini juga kita chuba hendak menjalankan comprehensive system, tetapi tahun itu juga kita hendak melateh guru² untuk mengajar, sa-olah² kita mengishtiharkan perang pada hari ini, 24 jam kita beri ultimatum, bila ultimatum itu sudah keluar baharu-lah kita mengadakan kerahan tenaga untuk orang berlateh. Jadi peperangan yang sa-macam ini tidak boleh menang, Tuan Pengerusi. Jadi saya rasa kalau-lah Menteri kita ini sa-bagai General Perang, sudah

tentu dia kalah. Sebab dia memberi ultimatum perang dahulu baharu melateh cadet² dan general²-nya sa-bagaimana dia melakukan dalam dasar pelajaran. Jadi apa yang di-sebutkan di-dalam dasar peperangan di-sebut juga di-dalam dasar pelajaran.

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, untuk penjelasan sedikit. Nampak-nya Ahli Yang Berhormat itu berchakap di-dalam dasar, tetapi sa-benarnya kita sedang membahathkan dalam Jawatan-kuasa. Jadi, kalau dapat, dipendekkan sedikit jangan panjang² sangat.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya mengulas berkenaan dengan comprehensive system itu dan saya tidak akan berchakap berkenaan dengan benda lain dan ini tidak banyak kalau sa-kira-nya sahabat saya itu memberi peluang. Saya sedang shok, tolong-lah beri peluang saya dahulu.

Mr Chairman: Perkataan "shok" itu tidak usah-lah di-gunakan.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, Tuan Pengerusi, di-dalam kita hendak melancarkan, saya membahathkan ini sebab kena-mengena dengan Menteri sebab dia memegang polisi ini dan saya dukachita-lah Menteri kita tidak ada, Menteri yang lama dia sa-bagai sa-orang yang berjasa tetapi oleh sa-suatu hal dia tidak ada.

Tuan Pengerusi, sa-patut-nya kita mengadakan Jawatan-kuasa Pengemas, saya tidak meminta Surohanjaya, sa-bagaimana yang dudok di-tepi saya ini hendak adakan review baharu, tidak—Jawatan-kuasa Pengemas sa-belum daripada kita melancarkan comprehensive system ini supaya latehan guru itu di-buat terlebih dahulu dan buku² text-nya ada, sedangkan system yang lama yang kita jalankan ini kita kekurangan guru dan kekurangan text book, hendak di-kemukakan pula dasar comprehensive baharu ini yang tidak ada guru-nya, yang tidak ada text book-nya. Sa-tiap kali kita mengadakan perubahan system, sa-tiap kali berpuluh² ribu anak² Melayu kita terkorban. Saya meminta dengan belas

ihсан Menteri ini, jangan-lah menurbankan anak² bangsa kita lebeh banyak dengan apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Perikatan pada masa yang telah lalu.

Tuan Pengerusi, hal itu saya rasa sudah chukup-lah kepada orang yang mengerti dan saya masok sadikit pula berkenaan dengan Perhubungan Ugama ia-itu di-muka surat 211 Pechahan Kepala 28 dan 29.

Tuan Pengerusi, ini pun menjadi satu masaalah. Jangan-lah kita buat daripada tidak ada lebeh baik ada. Jadi saya tidak tahu ka-mana-kah tujuan yang sa-benar-nya yang di-tugaskan perhubungan ugama ini, sa-bagaimana sahabat saya daripada Pontian Selatan telah menyuarakan sangsi-nya terhadap tugas² itu dan kurang banyak natijah-nya. Jadi kalau orang Perikatan pun merasa tidak puas hati, orang PAS melompat, Tuan Pengerusi, sudah tentu merasa tidak puas hati. Jadi ini, saya rasa, ada kaitan-nya dengan Maktab Islam kita yang pernah di-beri di-bawah Perbelanjaan Khas—Pemberian Bantuan di-muka surat 258 yang kemudian-nya di-pindahkan kepada muka surat 263 di-bawah Pechahan Kepala 12.

Tuan Pengerusi, apa yang disebutkan oleh saudara saya tadi daripada Pontian Selatan, itu juga yang saya hendak sebutkan di-sini ia-itu tidak ada ma'ana-nya kita mengadakan guru² ugama yang mengajar di-Sekolah² Menengah tangga gaji-nya mengikut di-sini ia-lah \$160, mengikut Butiran (99) dan (100) di-muka 215 dan 216. Guru² Sekolah Menengah di-mana² pun tentu-lah bukan bagitu gaji-nya. Jadi, ini menunjokkan sa-mata² hendak fill in the blank atau sa-mata² hendak menutup satu benda yang sudah terlajak dengan kita mengakui bahawa Islam ini Ugama Rasmi, dan saya hairan bagaimana guru² ini tidak di-beri latehan melalui satu kursus yang tertentu di-satu maktab yang tertentu dan orang² yang tidak dapat latehan sa-bagai guru mengajar di-sekolah menengah. Jadi, derebar kita beri bawa kereta dengan tidak payah berlesen dan tidak payah belajar steering—ini-lah yang menjadi accident yang banyak dan ini juga berlaku

dalam pelajaran kita, sebab itu-lah timbul rasa tidak puas hati bukan sahaja antara kalangan guru² tetapi juga kalangan² yang lain. Di-atas penderitaan dan kesusahan ini di-timbulkan pula lagi satu comprehensive system, yang baharu sa-malam chuba hendak di-terangkan apa-kah maksud-nya, sa-patut-nya benda ini di-kemukakan terlebeh dahulu.

Tuan Pengerusi, yang saya hendak simpulkan sadikit dalam hal ini ia-itu saya menuntut supaya untok mengatasi kesulitan² yang telah saya suarakan dan yang telah di-suarakan oleh Ahli² Yang Berhormat yang lain supaya Kementerian Pelajaran ini di-penohi oleh Menteri yang tetap. Kita tidak mahu memangku lagi, sebab saya bimbang Menteri yang memangku sekarang sudah mendapat tepok sorak yang chukup hebat di-dalam masaalah sharikat bekerjasama dan kita harap future yang baik daripada dia, tiba² di-tarek pula suroh memegang Kementerian Pelajaran yang beliau tidak ada sa-lama sa-tahun. Alang-kah susah-nya berjalan dalam gelap dengan tidak ada lampu yang dia tahu sendiri dan akhir-nya ini menjadi experiment yang akan meletakkan beban-nya di-atas ra'ayat sendiri dengan sa-mata² pertukaran tokoh² dalam Kabinet. Saya tidak pula hendak menyingkirkan Yang Berhormat Menteri kita, kalau hendak beliau memegang-nya biar-lah beliau pegang terus dan jangan tarek balek kepada Kementerian yang lain. Kalau hendak tarek juga sebab beliau pandai sangat tentang sharikat bekerjasama, hendak-lah kita letakkan Ahli Yang Berhormat saperti Yang Berhormat dari Pontian Selatan yang mempunyai degree yang tinggi supaya dia jadi Menteri. Orang muda, Tuan Pengerusi, bila jadi Menteri Pelajaran dia akan mempertahankan bahasa kebangsaan walau ka-titisan darah yang akhir sakali pun, dan ini yang saya kehendaki supaya Menteri ini di-ubah.

Tuan Pengerusi, yang kedua saya hendak ia-lah mengadakan jawatan-kuasa pengemas—jangan silap, bukan jawatan-kuasa menyiasat sa-mula—jawatan-kuasa pengemas supaya chita² yang kita hendak lakukan itu dapat berjalan dengan tidak . . .

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, dibawah Kepala berapa Yang Berhormat itu berchakap? Saya chari² tidak jumpa.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Saya berchakap atas Butiran (1)—Menteri (\$3,000) nombor satu sa-kali daripada yang lain (*Ketawa*). Jadi, Tuan Pengerusi, dengan jawatan-kuasa ini saya berharap supaya satu dasar pelajaran nasional Pan-Malaysian Policy yang meliputi Sabah, Sarawak, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu kita ini dapat di-wujudkan menerusi satu medium sahaja ia-itu bahasa Melayu sa-bagai bahasa yang tunggal dan di-tambah lagi bahasa Arab menjadi satu subject supaya sesuai dengan Perlembagaan kita ia-itu ugama Islam ugama rasmi. Apabila di-adakan bahasa Arab sa-bagai satu subject, bukan sahaja

Mr Chairman: Saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat berchakaplah perkara² yang tertentu sahaja. Kita sudah berjanji tadi yang kita tidak mengambil masa yang banyak.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Sadikit lagi, Tuan Pengerusi. Saya sebutkan bahasa Arab ia-lah saya kaitkan dengan tugas perhubungan ugama dengan guru² ugama dan perkembangan Kolej Islam yang akan jadi universiti sekarang ini. Jadi, bila ada subject itu dalam sekolah rendah, mudah-lah murid² itu minta pergi ka-kolej itu dengan L.C.E.-nya sudah ada bahasa Arab dia dapat masok ka-situ terus. Dan apabila banyak-lah orang² yang tahu bahasa Arab tidak terbuang-lah masa mereka itu mendengar Peraduan Quran yang mereka tidak tahu satu apa pun. Jadi, ini-lah yang saya tuntutan ia-itu Menteri hendak-lah di-tetapkan, sama ada Menteri pemangku itu di-tetap atau di-chari—saya shorkan Yang Berhormat dari Pontian Selatan memegang-nya atau pun chari orang yang educationist melalui pintu belakang Senate pun tidak apa asalkan dia tetap dalam perkara ini.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sadikit di-atas perkara yang penting dalam ruangan perbelanjaan yang di-minta oleh

Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Sambil menyokong dengan sa-berapa penoh suara permohonan sa-banyak \$320,313,351 itu saya juga suka hendak menguchapkan tahniah kapada Yang Berhormat Menteri kerana telah mengemukakan perbelanjaan ini di-hadapan Majlis yang berbahagia ini. Pada perasaan saya sunggoh pun banyak wang yang di-minta ia-itu sa-banyak \$320 juta lebeh, tetapi pada perasaan saya sa-kira-nya pekerjaan² yang hendak di-jalankan itu dengan penoh, itu pun barangkali tidak chukup dan Menteri sendiri pun telah mengatakan barangkali juga harus pada masa hadapan beliau datang balek ka-Dewan ini minta tambahan lagi daripada wang yang di-minta pada hari ini.

Saya suka hendak menyentoh perkara² yang 'am sahaja. Yang pertama-nya ia-itu banyak daripada Ahli² Yang Berhormat telah mengemukakan macham² cherita berkenaan dengan Sekolah Aneka Jurusan yang akan di-mulakan pada tahun 1965 ini. Gamak saya sateengah daripada mereka itu tidak tahu apa yang di-chakapkan, kerana adalah Sekolah Menengah Peringkat Rendah yang di-katakan Sekolah Aneka Jurusan itu ia-lah tujuan-nya hendak memberi sa-tinggi² pelajaran kapada semua kanak² pada apa juga lapangan yang bersesuaian kapada dirinya, berlainan daripada masa yang sudah² ia-itu budak² yang tidak mendapat kemajuan dalam satu lapangan, mithal-nya, dalam lapangan ekedemik telah di-berhentikan apabila bilangan umur mereka sudah chukup. Tetapi pada masa akan datang di-harapkan ia-itu mana² juga kanak² yang boleh maju dalam segi ekedemik itu akan dapat menchapai pelajaran yang lebeh tinggi lagi sampai ka-darjah universiti dan yang lain² itu akan dapat berlateh supaya mereka itu boleh menggunakan tangan-nya atau anggota-nya yang lain sementara menchari ilmu yang boleh menjadi satu daripada sara hidup mereka saperti jadi tukang, mekenik, keriting rambut dan membuat pakaian.

Jadi, kalau sa-kira-nya kita tidak mengambil chontoh daripada negara² yang lain yang telah menjalankan tugas yang sa-macham ini kerana hendak memajukan pelajaran, tentu-lah kita

tidak pergi ka-mana² pun. Saya sendiri bersetuju dengan Yang Berhormat dari Bachok tadi yang mengatakan barangkali juga susah hendak dijalankan Sekolah² Aneka Jurusan itu, kerana guru²-nya tidak ada pada masa ini, dan ranchangan ini akan tinggal ranchangan kalau sa-kira-nya tidak ada buku² dan mata² pelajaran itu di-siapkan terlebih dahulu. Sekarang kita tahu ia-itu guru² yang ada ini ialah boleh di-katakan specialist di-dalam segi ekeademik sahaja ia-itu menulis, membaca dan sa-bagai-nya, tetapi saya rasa pada segi pertukangan tidaklah begitu elok. Saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian dalam perkara² yang akan menghalang perjalanan Sekolah Jurusan Aneka—Aneka Jurusan ini.

Kemudian, Tuan Pengerusi, saya juga-lah mengambil satu lagi perkara ia-itu di-dalam muka 215 berkenaan dengan Maktab Latehan Guru. Pada segi hendak meningkatkan tingkatan pelajaran yang hendak di-beri kepada kanak² di-seluruh negara ini, tentu-lah kita berkehendakkan guru yang terlately sa-berapa tinggi yang boleh, dan sekarang ini dengan sebab kita telah berpisah dan mengambil aleh, atau emphasis atau pun perhatian yang berat kepada bahasa kebangsaan, maka sudah tentu soalan bahasa itu ada-lah satu perkara yang sangat penting. Tetapi pada masa yang sudah², saya berasa hairan dan berasa kechiwa ia-itu sunggoh pun ada guru² yang telah berlately di-sabering laut di-dalam chara² yang modern, telah di-akuai baik dan bersesuaian dan mereka itu bertugas sa-bagai guru, apabila kembali ka-tanah ayer, pengesahan pekerjaan mereka itu di-lewat²kan atau pun mereka itu tidak di-beri peluang ditemu duga oleh Surohanjaya. Saya berchakap di-sini, Tuan Pengerusi, ialah sa-bagai sa-orang yang mengetahui dengan sa-benar²-nya perkara ini berlaku di-dalam beberapa buah sekolah. Ada kala-nya mereka itu bekerja sampai sa-tahun dengan tidak mendapat gaji oleh kerana tidak di-sahkan oleh Surohanjaya. Ini-kah chara-nya kita hendak menarek guru yang ada pengalaman tinggi bagi mengajar kanak² kita? Kalau sa-kira-nya kita

tidak boleh memberi layanan yang baik kepada guru² yang sa-umpama ini, betapa-kah susah-nya kita hendak menchari guru² pada masa hadapan walau sa-kali pun kita adakan latehan di-dalam negara kita ini sendiri.

Berkenaan dengan itu juga saya suka-lah menyebutkan sa-patah dua berkenaan dengan guru² ugama. Dari-pada masa yang sudah tidak ada scheme yang tetap, yang sesuai, yang menarek hati bagi mereka itu. Dan ada-lah pelajaran ugama ini satu dari-pada perkara yang wajib di-atas kita menyampaikan kepada kanak² kita supaya mereka itu patoh, kepada ugama Islam pada masa akan datang. Jadi saya harap-lah ia-itu sementara kita hendak memberi pelajaran yang tinggi di-dalam berbagai² lapangan tetapi lapangan ugama itu jangan-lah hendak-nya di-tinggalkan pula. Saya suka-lah menguchapkan tahniah kepada Menteri Yang Berhormat yang telah mengatakan kepada kita pagi tadi ia-itu di-dalam tahun 1966 Sijil Cambridge akan di-adakan dalam bahasa kebangsaan. Saya sendiri berasa kalau-lah sa-kira-nya kurang tapak tangan nyiru akan di-tadahkan, kata orang tua², kerana suka-nya bahasa kebangsaan itu naik mutu-nya dan darjah-nya. Tetapi kita tengok-lah bersama² ada-kah boleh chita² itu di-sampaikan.

Itu, Tuan Pengerusi, saya berharaplah perhatian akan di-ambil kepada buku² text yang telah di-sebutkan oleh Menteri Yang Berhormat. Di-sini saya suka hendak menarek perhatian Rumah yang berbahagia ini ia-itu kandungan buku text yang di-gunakan di-sekolah ada-lah berlainan dari satu sekolah kepada satu sekolah. Jadi-nya kalau-lah sa-kira-nya kanak² itu bertukar daripada satu sekolah ka-sabuaah sekolah yang lain, mithal-nya tengah² tahun, oleh kerana bapa-nya berpindah atau di-tukarkan tempat kerja-nya, tidak dapat tidak peperiksaan yang di-hadapi pada akhir tahun itu akan jadi susah dan halangan yang besar kepada kanak² itu kerana sa-tengah tahun lain buku-nya, sa-tengah tahun lagi buku²-nya lain pula. Jadi dengan itu hendaklah di-samakan—di-ratakan kandungan buku² text itu supaya sama sahaja taraf dan darjah-nya di-seluruh negara.

Demikian juga pada perasaan saya dan barangkali juga akan mendapat sokongan daripada Ahli² Yang Berhormat ia-itu wang yang \$30,000 yang hendak di-untukkan bagi menyokong orang² yang tidak lalu membeli buku atau meminjamkan wang itu untuk membeli buku² dan sa-bagai-nya, tidak chukup. Tetapi alham dullillah-lah Menteri kita Yang Berhormat telah mengatakan ini sa-bagai pendahuluan, kalau sa-kira-nya di-kehendaki kemudian, barangkali beliau akan datang pula-lah kepada Majlis ini meminta tokok atau bantuan lagi pada segi ini.

Saya menarek perhatian kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah di-beri peruntukan sa-banyak \$2½ juta pada tahun 1965. Tugas²-nya sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Menteri Yang Berhormat ia-lah tugas² 'am megeluarkan buku² bahasa kebangsaan, menterjemahkan buku² asas, istilah baharu, atlas dan khamus. Tetapi pagi ini tadi ada sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat mengatakan kenapa-kah tidak Dewan Bahasa dan Pustaka itu mengeluarkan buku² ugama supaya dapat di-samakan taraf dan darjat-nya di-seluruh negara ini. Kerana ada-lah pelajaran ugama itu sekarang di-ajarkan kepada sa-tiap Sekolah Kebangsaan, kepada anak² Islam. Jadi kalau sa-kira-nya satu sekolah bagi mengajarkan mithalan-nya fardhu a'in sahaja, sekolah lain dia pergi kepada fardhu kifayah sahaja atau pun fardhu yang lain², tentu-lah tidak sesuai kalau sa-kira-nya tidak di-samakan dan di-sini juga berkaitan-nya kita berkehendakkan guru² ugama itu di-samakan taraf-nya, di-beri gaji yang patut supaya menarek mereka itu bertugas dan memberi pelajaran ugama kepada anak² kita.

Kemudian, saya suka-lah, Tuan Pengerusi, menarek perhatian kepada ucapan Menteri Yang Berhormat yang mengatakan ia-itu beliau sangat-lah puas hati dengan sambutan bulan bahasa yang di-adakan baharu² ini ia-itu beberapa minggu yang lalu. Saya sendiri pun merasa puas hati tetapi ia-lah pada zahir-nya, kerana sambutan itu pada fikiran saya ada-lah terbahagi kepada dua bahagian. Orang² yang bukan keturunan Melayu yang sudah

tua-lah, mithal-nya, atau pun sa-tengah umur mereka itu tidak tertarek sedikit pun. Sa-kira-nya orang lain hendak berchakap bahasa kebangsaan chakap-lah, mereka sendiri tidak pun ingin hendak belajar. Dan oleh kerana sudah tua gamak-nya belajar pun tidak masuk otak lagi belajar. Jadi-nya penggalakan bahasa tidak berguna kepada orang² lapisan yang sa-macham ini, mengembangkan bahasa kebangsaan dengan jalan minggu atau bulan bahasa.

Pada segi orang yang muda, budak² di-sekolah dan juga kanak²—murid² Universiti mithal-nya, kita semua sudah dengar bagaimana kenchang-nya mereka itu berbath dalam bahasa kebangsaan, berapi² perchakapan-nya tetapi saya sendiri berasa ia-itu mereka itu boleh senang hafalkan dahulu ucapan²-nya di-rumah dan apabila sudah hafal, boleh-lah mereka berchakap dengan tidak payah menengok surat lagi, kerana saya ada menghadhiri beberapa majlis bahath samacham itu, apabila sa-saorang itu keluar berchakap itu juga yang di-keluarkan. Jadi, umpama boleh-lah katakan sa-bagai sa-ekor burung nuri, apa juga kita ajarkan kepada dia itu juga yang keluar, tidak ada-lah tahu hendak berchakap perkara² lain. Jadi itu pun ta' apa-lah, tetapi malang-nya habis sahaja bulan bahasa atau minggu bahasa, mereka itu balek kepada bahasa-nya sendiri juga, dan sa-kurang²-nya di-antara orang² sa-bangsa dengan-nya. Di-lain² tempat bahasa Inggeris juga yang di-gunakan. Macham manakah kita hendak mengembangkan Bahasa Kebangsaan kalau sa-kira-nya tidak ada tarekan yang lebeh kuat daripada masa yang telah di-adakan masa yang sudah²? Satu daripada chadangan² yang telah saya dengar bisekan² ia-itu Kerajaan sendiri patut memikirkan memberi satu upachara hadiah—elaun kerana faseh di-dalam bahasa kebangsaan baharu-lah boleh barangkali memberi kesan yang berkekalan kepada orang yang bukan Melayu menggunakan Bahasa Kebangsaan.

Kemudian saya menarek perhatian balek kepada muka 264, Pechahan Kepala 18 ia-itu Maktab Pertanian Serdang. Kita telah membincangkan

perbelanjaan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama dahulu dan ada di-antara Ahli² Yang Berhormat telah mengatakan mari-lah kita mendirikan Universiti Pertanian. Sekarang kita hendak bagi peruntukan chuma \$646,600 untuk menjalankan Maktab Pertanian di-Serdang itu pada tahun 1965.

Pada perasaan saya, ini tentu-lah ta' chukup, kerana banyak lagi bidang² yang di-jalankan oleh maktab itu, umpama-nya research yang berlipat-ganda banyak-nya daripada yang sudah², dan di-sini juga saya mengambil perhatian Ahli² Yang Berhormat ia-itu ada-lah Maktab Pertanian ini ia-lah satu daripada bahagian daripada universiti yang ada sekarang sa-kadar-kan Maktab Pertanian ini tidak boleh memberikan ijazah pertanian, chuma memberi diploma sahaja, dan jikalau sa-kira-nya di-kehendaki ijazah pertanian, hendakkan penuntut² yang tersebut itu menyambungkan pelajaran pertanian ka-faculty, atau pun Faculty Pertanian di-universiti, baharu-lah mereka sama rata dengan ijazah pertanian yang di-keluarkan daripada luar negeri. Jadi, pada masa yang sudah², saya berasa ia-itu bagi orang² kita, orang² Melayu di-kampong², kalau-lah dapat diploma itu pun sudah chukup—ta' usah-lah dia mendapat ijazah daripada universiti, kerana kemiskinan dan tanggungan-nya berat sementara mempelajari ilmu pertanian itu diperengkat universiti.

Kemudian daripada itu saya pergi kapada Kepala 19 ia-itu Maktab Islam yang telah di-untokkan sa-banyak \$200,000 pada tahun 1965. Sa-bagaimana yang Tuan Pengerusi sendiri mengetahui bahawa ada-lah Maktab Islam di-Kelang itu ada-lah satu bahagian juga daripada universiti dan taraf-nya lebih kurang dengan Maktab Pertanian yang ada di-Serdang itu, ia-itu dia boleh memberi satu diploma mengatakan penuntut² yang telah lulus di-dalam darjah-nya yang tertentu, tetapi sa-kira-nya berkehendakkan darjah yang lebih tinggi yang berupa ijazah, kena-lah penuntut² itu pergi ka-universiti juga untuk mengambil bahagian dalam Islamic Studies. Dan di-sini rasa saya bahawa payah

bagi orang² Melayu kita khas-nya hendak mengambil kesempatan, kerana ia-lah satu daripada sebab-nya bahasa pengantar maseh lagi, bak kata sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Pontian Selatan menggunakan bahasa Inggeris. Jadi, kalau sa-kira-nya buku² yang di-keluarkan dan di-terjemahkan—buku² text yang di-terjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka itu boleh di-laksanakan, barangkali harus orang² yang tidak ada pengetahuan bahasa Inggeris dapat memanjangkan pelajaran-nya ka-universiti.

Akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, saya suka-lah hendak berchakap sedikit sa-banyak di-dalam muka 265 berkenaan dengan universiti yang telah pun diberi peruntukan sa-banyak \$11,000,000 bagi tahun 1965 ini. Saya perchaya ia-itu ini pun ia-lah kurang daripada yang di-minta oleh universiti itu sendiri, kerana sa-bagai sa-orang daripada Ahli Council Universiti, saya tahu ia-itu 10% telah di-kurangkan pada tahun ini daripada tahun yang sudah, tetapi ini ta' apa-lah, kerana semua perkara ada di-kurangkan 10% tetapi saya perchaya dan berharap di-ambil perhatian, Tuan Pengerusi, dan Ahli² Yang Berhormat ia-itu pada hari ini orang² yang menuntut dalam universiti itu atau mahasiswa² ia-lah berjumlah sa-ramai 2,205 orang yang mengan-dongi semua bangsa dan keturunan yang ada di-seluruh negara Malaysia ini, dan di-dalam universiti itu hanya-lah ada sa-ramai 543 orang daripada keturunan bangsa Melayu, ia-itu lebih kurang satu perempat atau satu perlima sahaja, dan pada masa yang akan datang, universiti ini akan berkembang dengan bagitu chepat di-dalam masa yang singkat. Di-dalam masa lima tahun lagi Universiti Malaya yang ada di-Kuala Lumpur ini akan mengadakan tempat sa-kurang²-nya untuk 5,000 atau pun 7,000 orang penuntut² di-situ. Jadi, kalau-lah sa-kira-nya boleh, kerana negeri ini ia-lah untuk kita beramai, barang siapa yang menjadi warga negara negeri ini boleh menuntut, dan oleh kerana ia-itu negeri kita ini orang² yang berketurunan Melayu berjumlah lebih kurang 50% saya minta-lah, kalau boleh, biar-lah memasokan orang² yang muda—pemuda

pemudi kita ka-dalam universiti itu bersaimbangan dengan bangsa yang bukan Melayu—50% juga dan bagi orang² keturunan bukan Melayu 50%. Kalau sa-kira-nya dapat yang demikian itu, rasa saya tidak-lah berapa susah dan gelap gelita pandangan kita pada masa ka-hadapan, kerana ada-lah orang² kita sendiri boleh mengambil bahagian yang penting bagi menjalankan urusan² dan pentadbiran di-dalam negara ini, dan dengan itu juga kita telah terdengar beberapa bisekan, atau pun teriakan, ia-itu penuntut² yang ada di-dalam negara kita ini tidak boleh di-chukupkan oleh satu universiti dan telah beberapa lama Kerajaan sendiri pun telah bersetuju ia-itu di-adakan University College di-Pulau Pinang—itu-lah mula-nya puncha universiti yang kedua di-dalam Malaysia ini, dan saya harap perkara perkembangan ilmu di-dalam lapangan yang tinggi ini akan berjaya dengan sa-chepat mungkin, kerana tujuan kita tidak lain dan tidak bukan ia-lah membuka pelajaran yang lebih tinggi kepada semua kanak² yang ada di-dalam negeri ini.

Tadi, ada sa-orang Ahli Yang Berhormat, rasa saya kalau tidak salah, Ahli dari Pontian Selatan, yang mengatakan mari-lah kita singkirkan bahasa Inggeris ini di-dalam bahasa pengantar di-universiti dan beliau berkata ia-itu sa-lain daripada Professor Ungku Aziz ta' ada siapa yang mengambil berat di-dalam universiti itu, yang hendak mengembangkan bahasa kebangsaan. Perchakapan ini sa-benarnya, tetapi saya sendiri mengetahui ia-itu hendak memberi sharahan² di-dalam bahasa kebangsaan itu di-dalam beberapa lapangan, atau jurusan yang ada di-situ, sangat-lah sukar, kalau sa-kira-nya guru² tidak tahu bersharah di-dalam Bahasa Kebangsaan, kalau sa-kira-nya kita sendiri ada berijazah, ada degree economics, degree philosophy, ada degree itu dan ada degree ini, barangkali boleh berchakap Melayu, barangkali kita boleh berchakap bahasa kebangsaan, berchakap di-dalam bahasa kebangsaan, menggunakan term atau pun perkataan terminology dengan meminjam perkataan² daripada bahasa Inggeris, atau pun daripada bahasa² lain.

Tetapi pada hari ini kita hendak mencari guru pun susah, ia-itu saperti di-University kita sekarang na' mencari guru sampai tiga tahun, kerana ada-lah kekurangan guru itu mengenai sa-rata dunia, bukan-nya sahaja di-sini. Tiap² satu daripada sekolah tinggi atau pun University di-lain² tempat itu juga mencari guru. Bukan-nya kita sahaja. Jadi harga-nya tinggi. Kalau sa-kira-nya mereka itu berchakap Arab, China, atau India pun kita terima, kalau boleh dia menghantarkan ilmu itu dalam bahasa Inggeris. Saya perchaya ia-itu dua tahun yang lalu, Vice Chancellor University sendiri telah mengatakan ia-itu harus pada tahun 1967 kelak bahasa penghantaran di-dalam University itu boleh jadi bahasa kebangsaan. Tetapi hendak-lah kita bersedia dengan buku²-nya dan juga guru²-nya. Kalau ta' ada dua perkara ini, jadi sia² sahaja, kita berangan² sa-mata². Sa-takat itu sahaja-lah, Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian di-sini, kerana saya suka hendak memendekkan masa. Terima kaseh.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengambil bahagian dalam Kementerian Pelajaran ini. Jadi lebih dahulu saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Menteri Pelajaran yang dahulu dan kakitangan-nya, kerana jasa mereka untuk melaksanakan dasar pelajaran kebangsaan negara kita ini. Saya suka hendak menyentoh dalam perkara muka surat 264, Kepala 19, Sub-head 23—Biasiswa, dan juga Sub-head 26—Basisiswa Negeri. Saya, pada pengalaman saya sa-lama ini, Tuan Pengerusi, bukan-nya saya hendak membangkitkan perasaan perkauman, tetapi hanya-lah perasaan hendak hidup bersama. Bangsa Melayu dan bumiputera Malaysia ini sangat berkurangan berkhidmat di-dalam jurusan kejuruteraan dan kedoktoran. Jadi, saya minta Yang Berhormat Pemangku Menteri Pelajaran supaya berpakat dengan Kerajaan Negeri, dalam membahagikan Basisiswa ini kepada penuntut² kita, maka hendak-lah mengutamakan kepada anak² Melayu dan bumiputera untuk menuntut ilmu ke-doktoran dan ilmu kejuruteraan.

Tuan Pengerusi, kita ada 14 buah negeri dalam Malaysia ini. Jadi, kalau tiap² negeri itu mengambil sa-orang sahaja daripada bangsa Melayu dan bumiputera, ada 14 orang yang akan menuntut dalam ilmu kejuruteraan dan begitu juga 14 orang di-beri peluang menuntut dalam ilmu kedoktoran. Jadi, dalam masa 5 tahun kita akan ada 70 orang doktor dan 70 orang jurutera. Maka ini-lah, saya sa-bagai menghormati masa, saya fikir tentu-lah Pemangku Menteri Pelajaran ini faham akan tujuan dan kehendak saya ini. Oleh sebab kechichiran bangsa Melayu dan bumiputera Malaysia dalam dua jurusan jawatan yang saya telah sebutkan itu ia-itu jurusan kedoktoran dan kejuruteraan, saya berharap sangat-lah kapada Kementerian ini dengan sokongan Kerajaan akan mengutamakan anak² Melayu dan bumiputera mengambil dua jurusan ini supaya ada anak Melayu dan bumiputera menjawat jawatan dalam dua jurusan ini. Sebab masa saya kechil² dahulu belajar di-Malay College, ada bertiga sahaja yang saya ingat jadi doctor dan sa-orang jadi engineer electric, tetapi tidak ada engineer P.W.D. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar sendiri tahu memang tidak ada murid² yang menuntut ilmu jurutera Pejabat Kerja Raya.

Jadi, kemushkilan yang ada di-hati saya ini di-harap dalam masa kita hendak hidup bersama ini kita hendak meninggikan taraf bangsa Melayu dan bumiputera kita, orang yang sudah maju ka-hadapan itu biar-lah dia maju dan menanti orang yang di-belakang mengejar dia di-hadapan. Jadi itu-lah yang saya minta Menteri Yang Berhormat menimbangkan dengan sa-halus²-nya untok kebajikan anak Melayu dan bumiputera Malaysia ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya pernah dengar dahulu apabila saya kemukakan kapada pehak di-atas, saya mendengar jawapan-nya sentiasa-lah terbuka dalam hati saya, jawab-nya sadikit sahaja. "Banyak juga kita hantar anak Melayu pergi menuntut ka-luar negeri, tetapi banyak yang telah balek tidak lulus, ini semua-nya merugikan Kerajaan". Tuan Pengerusi, chakap itu kita tidak mahu dengar lagi. Kita mesti paksakan tiap² negeri

di-Malaysia ini menghantar anak² Melayu dan bumiputera itu pergi menuntut dalam dua jurusan yang saya telah sebutkan itu, terima kaseh.

Enche' Ong Kee Hui (Sarawak):

Mr Chairman, Sir, this House is asked to approve provision for 1965 of the sum of \$320,313,351 for the Ministry of Education under three Heads, namely, S. 18, S. 19 and S. 20, and this represents an increase of 12.3 per cent over 1964. This sum includes, under Head 20, a sum of \$32,326,246, that is approximately 10 per cent of the total for the Borneo States of which \$17,656,758 is to be expended for Sarawak, and this represents an increase of 13.5 per cent over the 1964 expenditure.

Sir, other Honourable Members have already touched on the broad aspects of education and I will not repeat what they have said. I wish to confine my remarks, Sir, to Head S. 20 in so far as it concerns the Borneo States and Sarawak. As the Honourable Minister has explained, the increase of 13.5 per cent in provision for the Borneo States is to meet normal increments in salaries and growth of the school population. There is no provision, however, for the introduction of free primary education either in Sabah or in Sarawak. The Honourable Minister of Education in his concluding remarks this morning has referred to this subject and given his reasons why such provision has not been made. If I understand him correctly, it is not so much a question of money—it was because neither of these two States conform with the National system of education.

Sir, the subject of education in Sarawak has been raised in this House many a time and it would appear from the observations and remarks which have been made from time to time by Honourable Ministers and some Honourable Members that there is, if I may say so, a lack of sympathy and understanding of the position and feeling of the people in Borneo; and I feel that it is necessary that those of us in this House who represent the people should try and make this clear to Honourable Members.

At the meeting of the Dewan Ra'ayat on 15th July, 1964, when a supplementary Supply Bill was debated in this House, I expressed bitter disappointment of the people in Sarawak that since Sarawak's entry into Malaysia they have not been given free primary education, which is what the Malaysian citizens on the Mainland States now enjoy. There was at that time also an official announcement that the comprehensive system of education, which gives every child in the Mainland States nine continuous years of education, will be introduced in the Mainland States. As all children in Sarawak will only get six years of primary education and only from 10 per cent to 25 per cent of those who get into a primary school will get a lower secondary education, this comprehensive system when introduced into the Mainland States would broaden the gap between what will be enjoyed by the people in the Mainland States and the people in the Bornean States. It was, therefore, with great joy that the people in Sarawak received the good news in His Majesty's Malaysia Day Message that all these facilities will be extended to the Bornean States as from 1st January, 1965. It would appear, however, now from the statement by the Acting Minister of Education that from the provision in these estimates that this is not going to be the case. How are we going to explain to the people of Sarawak and Sabah that the Message did not mean what it says. Press reports may be misleading, but an announcement made by His Excellency, the Governor, publicly to the people is something which the people have believed. How can we justify then in principle a state of affairs under which citizens in different parts of Malaysia receive unequal treatment in an essential social service like education?

In his reply to one Honourable Member from Sarawak who spoke on the adjournment on the 10th December, 1964, I think in this House, the Honourable Minister gave an assurance that on education matters the wishes of the people would be ascertained thoroughly. He must be aware of these wishes as they were clearly embodied

in the Inter-Governmental Committee Report and in the London Agreement. It is therefore, I submit, wrong to withhold from the people of Sarawak and Sabah the same facilities that are enjoyed by the other States of Malaysia just because under the Constitution they have certain safeguards which were agreed in the first place between the component States of Malaysia. To exert pressure through financial sanction, or even worse to induce the people of the Bornean States to keep up such rights for financial consideration, as would appear to be the case in this matter of education, is both wrong and foolish. I have already explained, Sir, why it is wrong. It is moreover foolish when considered in the light of the practical realities of the issue. In terms of money the sum involved is not large. According to figures which I have been able to gather, in 1964 there are only about 112,000 primary school children in schools in Sarawak, the fees paid vary from \$3 per head to \$1 per native child in schools where the total enrolment is 60 per cent or over. The waiving of such fees is therefore chicken feed in the total Budget of \$320 million for education. There are, of course, other items of expenditure, but the total sum involved would not exceed, at a rough guess, between \$2½ million and, perhaps, \$3 million.

Finally, Sir, on the language issue which has already been raised by Honourable Members the difficulties are practical and, if I may say so, more emotional. Even if the States agree to convert all its schools to the Malay medium, it would be impossible to implement for a number of years to come. The safeguard that the people of Sarawak enjoy is only for ten years. Why then make this an unnecessary issue at this time when the need for solidarity is so great? I will, therefore, urge the Government to think again on this subject and accede to the just demand of the people of Borneo and treat them on equal terms with the people in the other States. There is now much disappointment, Sir. There is a danger that this disappointment may go into resentment, as the people are now called upon to pay new taxes

which are going to be an increasing burden to the people.

Enche' Yong Nyuk Lin (Singapore): Mr. Chairman, Sir, I would like to dwell on three aspects of the educational problem of Malaysia: firstly, on the comprehensive system of education; secondly, on free primary education for Sarawak and Sabah; and thirdly, higher education in the Chinese language medium.

I am pleased to hear this morning a Government backbencher, the Honourable Member for Pontian Selatan, making a withering attack against the Ministry of Education for the inept and clumsy way in which it appears to implement the so-called comprehensive system of education which is to be made applicable for Malaya next month. I consider, however, his criticism against the officials are somewhat unfair and that he should direct his venom, if it can be called so, against the political leadership instead. Perhaps, I should leave it to the Minister to defend his officials as is expected of Ministers appointed under the parliamentary democratic system which all in this House are supposed to uphold. It must be clear to all that the decision to introduce the comprehensive school system in Malaya was a political decision and this was made some time, I think, in March this year just before the April General Elections and was therefore an election stunt. In fact, this was made very much play of by the Alliance Government candidates as something which would cost over \$200 million to implement.

Comprehensive education is nothing new nor revolutionary, and every educational official worthy of his salt, be he in Singapore, Malaya, Sarawak or Sabah, must have been reading or discussing this matter for years. The question is how and when to implement this system.

I think I am right in saying that the professional officials of the Ministry of Education in Kuala Lumpur would like to introduce the comprehensive education not in 1965 but, perhaps, in 1967 or later, because they are aware they are not ready for it in the form of teachers, classrooms and facilities.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Mr Chairman, on a point of information. As Singapore has its own special rights on Education, is it in order for the Honourable Member from Singapore to speak on the general policy of the Federation education policy, because no provision is made in the Estimates for education in Singapore?

Mr Chairman: Are you giving way?

Enche' Yong Nyuk Lin: I am not giving way, as he is asking for information. Let us, therefore, not blame the officials when we now see the apparent rush and haste to recruit 4,500 teachers to man the classes next month and the present week long campaign to tell the parents what is good for them in the comprehensive system of education which, by the way, is limited to nine years, of which only six years would be free. Of course, this comprehensive system of education has been introduced without proper thought or planning. It was an election gimmick sprung on the people, but, alas, having won the election the Alliance Government has to try to honour its election pledge willy-nilly. Why do I say so with such emphasis, Mr Chairman, Sir?

In January this year when the Interim Review of Development in Malaya under the Second Five-Year Plan was tabled in this House as Command Paper No. 1 of 1964—that was during the first session of the House for Malaysia, this being the second session—I had occasion to criticise the Alliance Government for reducing the development projects for education under its Second Five-Year Plan from the original target of \$260 million, which was 12.4% of the Plan, to the sum of \$231.4 million or 9% of the Plan. I then said that Malaysia should invest more money in education, that not only should the original target be maintained but should be increased still more, if possible. Funny enough, I did not get any support or reply from the then Minister of Education although I was speaking on his behalf, but instead got a reply from the Minister of Finance, who, of course, gave the usual excuses—shortage of teachers, shortage of building capacity and so on.

Yet, within two months with an eye on the general election—quite forgivable—came the great announcement by the Ministry of Education that the new comprehensive system of education would be introduced soon and that a large sum, something like \$200 million, would be involved. I am sure that this announcement must have come like a thunderclap to those in the Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department.

Now, let us hear what the Finance Minister had to say about the development cost for comprehensive system of education for next year. I refer to his Budget speech, paragraph 60 has reference, which goes as follows. I quote—

"In the case of building construction especially, we are still inclined to adopt the standards of the past which catered for the few rather than the many. It was hence possible to maintain lavish standards. The Treasury has been trying in recent years to scale down these standards but more will have to be done in the future. I give one outstanding example. When the Government first decided to introduce the comprehensive system of education in the States of Malaya, it was at first feared that the total bill for providing classrooms for the next three years would be of the order of \$280 million. By curtailing building construction standards drastically and by insisting on double sessions, that is, morning and afternoon sessions where possible, for all available classrooms, we found that it was possible to reduce the bill eventually to a total of \$99 million."

I am glad, Sir, that the Minister of Finance has been most revealing in his disclosures that the Alliance Government has been spending on lavish standards. I think this beautiful edifice is itself a constant reminder to all in this House. It also shows that estimates could be submitted for a cool \$280 million. However, we are fortunate that the Treasury is able to lop off two-thirds of the estimates in one fall swoop to \$99 million. So, Sir, if \$99 million is for three years development or for comprehensive system of education in Malaya, then I assume, if my arithmetic is all right, for 1965 the sum that would have to be set aside would be \$33 million. And if this sum of \$33 million is added on to the revised target for the Second Five-Year Plan period 1961/1965, which was at \$231.4 million, then the new total would come to \$264.4

million and this will now exceed the original target of \$260 million by the sum of \$4.4 million. I am, therefore, very pleased, Sir, that my wish in January this year has come to pass, although there was the intervening general election to bring this about. But I am happy that the sum set aside for educational development in Malaysia has been improved.

I would like now to move on to the subject of free primary education for Sarawak and Sabah, and I cannot understand why the Central Government is so adamant in its stand not to say "Yes" for 1965. Let us go back again to the Budget speech of the Minister of Finance, paragraph 70. I quote—

"I have discussed agricultural diversification and industrialisation, basic changes in economic structure which are imperative for our economic future and which have already begun. The third major requirement is education. Investment in education has been one of the primary factors making for productivity and high incomes in the wealthy nations of the world, not to mention its contribution towards nation-building and a fuller life for the individual. Unlike industrialisation and agricultural diversification, virtually the entire investment in education must be financed by Government."

I repeat "the entire investment in education must be financed by Government". I continue with the quotation—

"In this vital field also, much progress has already been made, but very much remains to be done."

If it is possible, Mr Chairman, Sir, for the Central Government to come to a quick decision to introduce comprehensive system of education for Malaya, which would involve more than \$200 million for its implementation, without much thought or planning, why must we deny the reasonable request of our brother States of Sarawak and Sabah for six years' free primary education after they having been in Malaysia for one year? My Honourable friend on my left, Enche' Edwin anak Tangkun of Sarawak who, I understand, is an Alliance back-bencher, made a strong plea for this in his adjournment speech on Thursday, 10th December—I was not present here to listen to his speech but I have read the text of his address—and in the *Straits Times* of Friday,

11th December, 1964, the Chief Minister of Sarawak was reported to have been annoyed that no provision had been made in the Federal Budget for the abolition of primary school fees in Sarawak and Sabah. Just now, another Honourable Member—this time on my right—Mr Ong Kee Hui of Sarawak, who is an Opposition Member, also spoke, not for the first time, over the failure of the Central Government to give free primary education to the people of Sarawak. Sir, all of us know that there is an unfortunate crisis in Sabah and we have very few representatives present in this House. Must we have another crisis in Sarawak over this repeated failure to grant free primary education there?

Wan Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, on a point of order, S.O. 31 (6). Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu terkeluar daripada perbahathan kita sekarang—itu perkara policy. Kita hanya membahathkan perkara detail sekarang ini. Sa-patut-nya ucapan yang di-buat itu pada masa membahathkan general policy, itu bukan sekarang.

Mr Chairman: I do think that you ought to get on to the policy of the service as stated by the Honourable Member just now and not so much on details!

Enche' Yong Nyuk Lin: Yes. I just want to give the background history of free primary education in Malaysia. Singapore was the first in the field as far back as 1949—fifteen years ago—and Malay and English medium schools were the first to benefit and in 1955 Chinese and Tamil medium primary schools came in. It is pertinent to recall that this occurred during the so-called British colonial period. Although Malaya achieved its independence in 1957, it was only in 1962, two years ago, that free primary education came into being. Therefore, it took five years after independence to introduce free primary education—rather slow going; however, Sir, better late than never. Why should not free primary education be extended to our brothers and sisters of Sarawak and Sabah? Is it the cost that worries our Minister of Finance? I have looked up the 1961 Annual

Reports of Sarawak and Sabah—they are the latest editions available in the Library downstairs—and I find that it would involve at the most 150,000 pupils. In Sarawak, in 1961, there were 97,577 pupils—I think the Member from Sarawak has indicated it is now 112,000, but for argument I will use the 1961 figure—and in Sabah 51,936 pupils, making a total of 149,513 or, if you use a round figure, 150,000. With primary school fees ranging from one dollar, two dollars and three dollars per month—I have no knowledge of these fees in Sabah, but I assume that the same fees are also applicable in Sabah, perhaps, an average of \$2.50 per month or \$30 per annum and if free primary education is made applicable for Sabah and Sarawak next year, 1965, the estimated loss in revenue would be perhaps \$4½ million to \$5 million. Surely, Sir, this sum of \$4½ million or \$5 million for a Budget, where the size of the educational bill is \$320 million, is certainly a very low percentage of almost 1.5% and if we talk in terms of the Budget as a whole amounting to \$1,598 million for Malaysia, the percentage is, I think, a very negligible 0.3%. So, I do strongly plead that the Minister should try to come to a quick decision for the sake of solidarity and unity in Malaysia and to grant free primary education to Sarawak and Sabah, so that we can proudly tell the world that one year after Malaysia free primary education exists throughout the States of Malaysia.

I come now to higher education in the Chinese language media. I am glad to hear from the Honourable Minister this morning when he said that the Department of Chinese Studies in the University of Malaya has been expanded. But what concerns me most, Sir, is this. I believe a Consular office has been established for the Taiwan Government and the possibility of many of those educated in the Chinese language medium in Malaysia would probably end up in the Universities in Taiwan. Sir, we already have the Nanyang University on the soil of Malaysia. Is it preferable for our students to go to Universities in Taiwan rather than Nanyang University on

Malaysian soil? I do want also to find out whether the Honourable Members who represent the M.C.A. in the Alliance Government, have any views in this House to express on Chinese education and especially on Nanyang University. We read of statements being made outside about having a new Chinese University, I think, in Kuala Lumpur and so on; and I am sure we would like to hear their authoritative views on this very important subject in this House.

Enche' Tan Toh Hong: Sir, on a point of clarification. The Honourable Member for Teluk Anson has spoken about the Nanyang University, and the unfortunate part is that the Honourable Member from Singapore has not been in this Parliament for a long time.

Mr Chairman: Are you interrupting on a point of order?

Enche' Tan Toh Hong: No, Sir, on a point of clarification.

Enche' Yong Nyuk Lin: Lastly, I would like to have the views of our friends from the Barisan Sosialis of Singapore who are always very ready to talk about Chinese education and Nanyang University in the Singapore Legislative Assembly, but we would like to really hear their views in the Parliament of Malaysia. The views of the P.A.P. on Chinese education and on Nanyang University are well known, because we are in charge of the Singapore Government and it is public knowledge as to what we think and what we stand for. Thank you.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya berchakap di-bawah Head S. 16, Pechahan Kepala 30, ia-itu peruntukan untuk University Malaya. Saya chuma ingin menempoh berkenaan dengan "the Faculty of Medicine" yang ada dalam University of Malaya, berkenaan dengan keluaran doktor² pada tahun 1968 daripada University itu. Saperti mana kita tahu, Malaysia ini kekurangan doktor, ia-itu di-dalam satu negara yang umat-nya ada sabanyak 11 juta orang, kita chuma ada 1,500 doktor ia-itu sa-orang doktor

bagi 7,000 orang. Ini kalau di-bandingkan dengan negeri² yang bertamadun ia-lah sangat kurang, umpama-nya di-Russia ada sa-orang doktor bagi 250 orang. Jadi pada fikiran saya kalau-lah kita maseh lagi menjalankan chara² melateh penuntut² untuk menjadi doktor dengan chara² yang kita jalankan pada masa sekarang ini, sampai bila masa pun kita tidak dapat mengadakan doktor² yang chukup bagi Malaysia ini.

Saya ingin memperingatkan kapada Menteri yang berkenaan dan juga Rumah yang berbahagia ini, ia-itu pada tahun 1906, Malaya telah mula mengadakan kursus untuk melateh doktor di-Tanah Melayu sendiri. Sabelum daripada itu kita chuma terima doktor² daripada India atau pun daripada Eropa. Di-masa mula² di-jalankan kursus ini tidak ada sama sa-kali rumah khas atau pun sekolah khas yang di-adakan untuk mengajar penuntut² yang ingin menjadi doktor. Ada lebeh kurang sembilan orang di-pileh dan orang² ini di-lateh di-dalam department² yang berkenaan di-Singapura, sa-lepas itu mereka itu di-lateh di-dalam General Hospital dan lain² hospital di-Singapura. Jadi pada masa tahun 1906 ini, tentu-lah nyata ia-itu pada masa itu sudah timbul perasaan kekurangan doktor, orang² pada masa itu tidak lagi ingin menanti² supaya kita ada bangunan yang elok² dan hospital yang besar² sa-belum mengadakan kursus² untuk doktor². Tetapi pada masa sekarang ini kalau-lah kita berchakap hendak melebuhkan bilangan doktor dan mengadakan kursus² untuk mengajar penuntut² menjadi doktor, fikiran yang mula sa-kali tertimbul ia-lah wang untuk bangunan yang hebat², yang elok², yang akan menjadi monument kapada negeri ini, tetapi tentang bilangan doktor² yang kita akan dapat tidak ada siapa pun memikirkan. Ini-lah saya ingin mengeshorkan ia-itu kita patut-lah ada, kalau kita ingin supaya bilangan doktor² di-Tanah Melayu ini di-lebuhkan dengan sa-chepat mungkin, mahu-lah kita adakan satu ranchangan yang boleh di-katakan satu ranchangan dharurat ia-itu mengambil chontoh daripada keadaan pada tahun 1906 ini, di-mana orang tidak lagi memikir

berkenaan dengan rumah yang elok atau hospital yang elok², tetapi chuma memikir berkenaan dengan chara² mengadakan doktor² dengan sa-berapa chepat yang boleh. Yang saya ingin mengemukakan kepada Rumah ini ialah kita boleh mengadakan kursus² untuk melatehkan penuntut² kita dalam Tanah Melayu ini menjadi doktor² dengan tidak payah menanti supaya kita adakan University yang besar² dan hospital yang besar². Kita ada di-Tanah Melayu ini hospital² yang chukup lengkap dan juga ada apa yang dikatakan doktor² "Clinical Material", ia-itu orang sakit berjenis² yang boleh mereka belajar supaya akan menjadi doktor yang chekap. Kalau kita chuba mengadakan kemudahan² yang kita adakan di-dalam hospital, dalam Medical Research Institute, dalam Pathology Department, dalam Chemistry Department dan lain² Department yang mana penuntut² boleh belajar berkenaan dengan ilmu permulaan ini (Free Medical Course) tentang Chemistry, Biology, Physics dan lain² di-dalam department² yang bersangkutan sahaja dan sa-lepas itu masok-nya pada tahun ketiga atau yang keempat, mereka itu di-hantar kepada hospital² yang mana kita ada sekarang ini dan juga di-dalam hospital² itu kita ada orang² yang berkelulusan tinggi saperti M.R.C.P.; F.R.C.S.; M.R.C.O.G., dan lain² lagi. Orang² itu akan di-beri elaun untuk mengajar penuntut² ini, dan dengan chara ini dapat-lah kita mengadakan dengan sa-berapa chepat yang boleh bilangan doktor yang lebeh. Tetapi barangkali ada orang yang memikir kalau-lah kita mengerjakan jalan saperti ini, maka standard kita akan jatuh dan kita akan dapat doktor yang kolot, yang bodoh. Tetapi pada fikiran saya, ini tidak akan terjadi, oleh kerana saya tahu sendiri, ia-itu pada masa sekarang ini, apabila kita memilih penuntut² untuk memasoki kursus² menjadi doktor, kita bukan pilih semua yang layak boleh menjadi doktor, tetapi kita chuma pilih sa-bahagian, ia-itu kalau-lah ada dua ratus orang yang meminta memasoki kursus menjadi doktor, dan kita dapati 150 sahaja yang layak, tetapi dengan kerana kita ada tempat chuma untuk 50 orang kita chuma ambil 50 orang

yang ka-atas sahaja, yang lagi sa-ratus, yang layak itu, tidak ada-lah peluang untuk belajar menjadi doktor. Jadi kita ada orang yang layak, kalau-lah yang layak ini kita lateh sa-chara mana yang saya terangkan tadi, maka tentulah mereka akan menjadi doktor yang chekap juga.

Lagi satu perkara saya ingin mengingatkan ia-lah di-India, di-zaman sebelum India mendapat kemerdekaan, chuma ada enam University sahaja yang mengeluarkan orang² yang boleh menjadi doktor di-dalam India dan dalam Commonwealth. Tetapi sejak India mendapat kemerdekaan, bilangan University² yang mengeluarkan orang² yang boleh menjadi doktor telah naik sampai bilangan yang akhir sa-kali ialah 96. Saya mengaku oleh kerana dengan chepat-nya di-adakan bilangan University² yang boleh mengajar orang menjadi doktor ini banyak, maka standard di-dalam India itu telah kurang dan mereka yang lulus daripada University baharu² ini bukan-lah begitu chekap berkenaan dengan kerja² mereka daripada orang yang lulus daripada University yang pertama, lima atau enam tahun yang pertama itu. Tetapi ini-lah menjadi satu perkara yang pelek, ia-itu kita di-Malaysia ini ingin menerima orang yang lulus daripada University yang baharu timbul di-India, yang kurang chekap, tetapi orang kita di-sini sendiri, kita ta' memberi peluang supaya mereka itu dapat di-lateh menjadi doktor. Jadi kalau kita ada di-sini yang saya katakan tadi, ada 100 orang yang layak menjadi doktor, mereka ini ta' dapat peluang dengan kerana kita kata kita hendak maintain standard yang tinggi, tetapi orang yang tidak ada standard yang datang daripada India kita terima. Saya fikir patut-lah kita chuba chari jalan supaya orang² kita sendiri di-sini yang beratus² lagi yang layak boleh menjadi doktor di-beri peluang supaya akhir-nya mereka akan jadi doktor yang berkhidmat dalam negeri ini, walau pun dengan Kerajaan atau pun private practice, itu ta' mengagpa, dengan kerana apa, kita hendak ia-lah bilangan doktor² itu tinggi. Jadi ini-lah saya merayu supaya Menteri yang berkenaan mengambil berat atas

perkara Training of Doctors dalam University, dan akan menimbang peri mustahak-nya mengadakan satu rancangan dharurat seperti mana saya terangkan tadi, dan details-nya boleh lagi kita atorkan kemudian hari, tetapi patut-lah kita ambil berat berkenaan dengan perkara ini, kalau-lah kita ingin mengatasi soal kekurangan doktor² di-dalam Malaysia ini. Terima kasih.

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat, pagi tadi kita sudah memper-setujui meshuarat ini di-lanjutkan hingga pukul 8 malam, jika ada adjournment speech sampai 8.30. Saya mengingatkan sa-kali lagi kita akan bersidang malam ini hingga pukul 8.30 sebab ada satu adjournment speech. Sekarang saya tempohkan meshuarat ini sa-lama 20 minit.

Sitting suspended at 6.10 p.m.

Sitting resumed at 6.35 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Enche' Mohamed Idris bin Matsil (Jelebu-Jempol): Tuan Pengerusi, di-dalam perbahathan kerana peruntukan Kementerian Pelajaran ini, saya chuma akan menyentoh untuk menyelamatkan masa bagi Ahli² Yang Berhormat yang lain, ia-itu satu perkara sahaja yang saya fikir ada mengenai dan berkait dengan beberapa ucapan yang telah di-lafadzkan pagi tadi oleh Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan yang berbahagia ini ia-itu pada muka 264—Biasiswa. Ada tiga biasiswa di-sini ia-itu Biasiswa Commonwealth, Biasiswa Kechil Persekutuan dan Penuntut Melayu di-dalam Kelas Persediaan Universiti. Saya suka hendak membawa dahulu biasiswa yang akhir ini, ia-itu yang di-beri, atau pun bantuan yang di-beri kepada penuntut² Melayu di-dalam Kelas Persediaan Universiti. Kalau ta' silap saya, berma'ana penuntut² Melayu yang di-terima belajar di-dalam Form VI sa-belum melayakkan mereka itu untuk masuk ka-universiti.

Tuan Pengerusi, di-dalam perkara ini dan di-dalam ucapan yang kita dengar daripada Ahli² Yang Berhor-

mat tadi, dan juga daripada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar di-dalam Uchapan Penang-gohan-nya pada sa-hari dua yang lalu, ada perasaan dukachita, kerana kurang-nya penuntut² Melayu di-dalam Universiti Malaya. Saya membawa perkara ini bukan-lah sa-bagai kenyataan Ahli Yang Berhormat tadi menyatakan, membawa perasaan perkauman, tetapi saya gunakan perkataan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar juga supaya penuntut² di-universiti itu saimbang di-antara satu bangsa dengan satu bangsa, dan kerana itu-lah saya membawa perkara ini dan dengan kebenaran Tuan Pengerusi, oleh sebab mungkin barangkali ini satu daripada tanggung-jawab saya sa-bagai Pengerusi sa-buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan di-daerah Kuala Pilah, walau pun Kuala Pilah bukan kawasan saya, tetapi tempat saya dudok di-sana—saya suka-lah berterus terang bahawa sekolah ini ia-lah Sekolah Tuanku Muhammad yang semenjak beberapa tahun yang lalu telah mendapat keputusan² yang chemerlang di-dalam Peperiksaan School Certificate. Pada tahun yang lalu, saya telah menchuba dengan sa-berapa upaya sa-hingga berhubung dengan Kementerian Pelajaran supaya dapat di-adakan sa-buah kelas pre-university ini di-sekolah yang tersebut, tetapi malang-nya, barangkali mungkin tidak di-perchayai, ada-kah barangkali di-sekolah ini boleh mengeluarkan penuntut² Melayu khas-nya dan penuntut² warga negara 'am-nya yang layak untuk di-adakan sa-buah kelas pre-university.

Baharu² ini Ahli² Yang Berhormat tentu faham, barangkali kita telah tahu keputusan² peperiksaan hendak masuk ka-kelas² pre-university ini. Di-sekolah yang tersebut, Tuan Pengerusi, kenyataan yang saya terima 21 orang telah lulus untuk di-terima masuk dalam Form VI di-dalam Jurusan Sain 14 orang untuk di-dalam Jurusan Arts daripada jumlah 115 orang yang mengambil peperiksaan—telah ada 35 orang, 21 orang di-dalam Jurusan Sain dan 14 orang di-dalam Jurusan Arts, dan saya suka menyatakan ia-itu sa-kurang²-nya 5 orang anak Melayu kita yang telah lulus di-dalam Jurusan Sain dan daripada 14 orang di-dalam Jurusan Arts

itu, 13 daripada-nya terdiri daripada anak² Melayu kita yang lulus di-dalam jurusan yang tersebut.

Jadi, dengan keterangan dan kenyataan itu, saya berasa dukachita-lah, apa-kah sebab-nya pihak Kementerian Pelajaran maseh ragu² tidak mahu membuka sa-buah kelas pre-university yang saya katakan tadi untuk kepentingan sa-kurang²-nya yang sa-bahagian besar daripada penuntut² Melayu kita di-sekolah itu. Saya chadangkan untuk memberi jaminan bagi peringkat yang pertama ia-itu dalam Lower Form VI, kami di-sana sa-bagai Jawatan-kuasa Pengelola tidak berkehendakkan sa-orang guru pun tambahan bagi sementara ini, melainkan meminta kebenaran supaya di-adakan kelas yang tersebut, tetapi malang-nya kebenaran itu baharu² ini tidak dapat di-beri. Jadi, saya berasa terpaksa saya menyuarakan di-dalam Dewan ini, mudah²an pihak Kementerian Pelajaran akan menimbangkan sa-mula atas rayuan yang telah saya buat itu, bukan kerana kepentingan apa², melainkan kerana kepentingan, khas-nya anak² Melayu kita juga yang akan masuk ka-universiti.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, di-dalam bahagian ini juga ia-itu biasiswa yang di-keluarkan kepada penuntut² kita di-seberang laut, terutama sa-kali penuntut² kita yang di-keluarkan biasiswa untuk belajar di-universiti di-dalam bahagian pelajaran (education) yang sering kali manakala mereka telah lulus, sa-patut-nya dia balek ka-sabua sekolah untuk mengajar di-sekolah itu, tetapi ada di-antara-nya yang degil—ta' tahu-lah saya apa sebab-nya, walau pun pada mula-nya scholarship itu diterima, dia ada berjanji akan balek kepada sa-sabua sekolah itu untuk menjadi guru, tetapi dia suka lagi, atau lebih suka lagi masuk dalam jurusan pentadbiran, ia-itu M.C.S.

Saya mengeshorkan keadaan ini adalah berlaku juga dalam berbagai² jurusan atau pun department tatkala scholarship ini di-keluarkan dan tatkala penuntut² telah lulus ada yang berhenti dengan 24 jam, ada yang berhenti ta' sampai sa-bulan dia boleh membayar \$10,000 atau \$15,000 yang di-tuntut oleh Kerajaan. Saya menge-

shorkan supaya atoran dan peratoran atau perjanjian ya'ani agreement yang di-buat oleh satu² badan yang memberikan biasiswa dengan penuntut itu, di-lipat gandakan, biar sampai lima atau enam kali sampai penuntut itu ta' terdaya hendak bayar denda itu, maka barangkali baharu-lah dia rujok mengajar-lah dia atau bekerja-lah dia di-jabatan² yang telah di-untokkan dalam perkara itu.

Tuan Pengerusi, walau pun saya berchakap tadi satu perkara sahaja, tetapi ada satu perkara yang saya mengambil masa chuma barangkali dalam dua tiga minit sahaja, ia-itu muka 250 belanja badan² berkanun. Di-sini ada di-untokkan angka yang sedikit sahaja, \$8,500. Ada tiga lembaga di-sini, Lembaga Penasihat Pelajaran Kebangsaan, Majlis Bersama Kebangsaan bagi Guru dan Lembaga Penasihat Pelajaran Negeri dan Tempatan. Saya akan menyentuh bahagian yang ketiga-nya sahaja. Pada akhir tahun 1963 yang lalu, kalau ta' silap saya, tiap² negeri ada mempunyai Lembaga Pelajaran. Pada masa itu, kalau ta' silap saya, atau terdahulu daripada itu, negeri² atau pun Kerajaan masa itu ada-lah mengenakan chukai pelajaran. Dan manakala chukai pelajaran di-hapuskan, maka Lembaga Perengkat Negeri itu pun di-hapuskan dan di-gantikan dengan Lembaga Penasihat Pelajaran Negeri, sa-bagai Advisory Body. Ramai ahli² dalam Negeri Sembilan telah menerima surat lantekan ini enam bulan yang lalu. Tuan Pengerusi, enam bulan yang lalu telah menerima surat lantekan ini, di-dalam surat lantekan itu arahan² akan di-beri untuk mengadakan meshuarat yang pertama. Kemudian tiga bulan, ada pula lagi satu surat lantekan bagitu juga arahan untuk mengadakan menshuarat yang pertama akan di-berikan, sampai-lah akhir tahun ini sudah enam bulan ta' berjalan². Jadi saya perchaya masaalah pelajaran ini ada-lah satu masaalah yang besar, sulit dan rumit, dan saya perchaya juga Ahli² Yang Berhormat bersetuju dengan saya, ini bukan-lah satu masaalah Kerajaan atau pun Kementerian Pelajaran sahaja, tetapi patut-lah di-jadikan satu masaalah bersama di-antara ra'ayat negeri ini,

terutama sa-kali ra'ayat yang suka hendak menampong dan memberikan kerjasama-nya berkenaan dengan masa-alah pelajaran ini. Jadi kalau-lah di-fikirkan Lembaga Penasihat ini telah di-turunkan, walau pun kelmari pangkat-nya itu tinggi rasa-nya menjadi penasihat sahaja, jadi kami ahli² yang suka hendak mengambil bahagian dalam perkara ini, walau pun menjadi penasihat, belum tahu lagi entah di-terima entah tidak oleh tiap² Pegawai Pelajaran akan nasihat² itu, tetapi kalau telah di-adakan, patut-lah di-jalankan, dan kalau di-fikirkan tidak mustahak, tidak berkehendakkan nasihat, tidak berkehendakkan kerjasama, lebeh baik di-hapuskan langsung, tidak-lah susah di-tarok item ini lagi di-dalam Anggaran Perbelanjaan ini. Jadi, Tuan Pengerusi, terima kaseh. Itu-lah sahaja.

Enche' Tai Kuan Yang (Kulim Bandar Bharu): Mr Speaker, Sir, I would like to touch on page 263, Sub-head 1, "Grants to Primary Schools".

Mr Speaker, Sir, I wish to thank the Ministry of Education for what it has done in the form of grants for primary schools in my area, but I regret to say that there are still several schools which have not received their grants yet. Almost all the National Schools for Malays have not yet received their grants for the construction of three primary schools—one in Sidim, one in Junjong and one in Mahang New Village.

Mr Speaker, Sir, for Chinese primary schools, no grants have been received yet for the Chong Ching Primary School in Kulim Town, the Sin Min School in Junjong and the Kong Wha School in Bandar Bahru, Kedah. Sites for all these schools have been obtained and cleared but construction has been held up pending the receipt of these grants. Since it is the Government's policy to provide a place for every child in the schools in this country, I sincerely hope that the Ministry will keep its pledge and issue such grants as soon as possible for the above schools. There should be no discrimination for any type of schools. After all, the aim of these schools, like any other school in Malaysia, is to train

our younger generation to be good and responsible citizens, whether they be of Chinese stock, Malay stock or Indian stock. Mr Speaker, Sir, thank you very much.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap pada petang ini fasal S. 18 dan 101. Saya menguchapkan tahniah kapada Kementerian Pelajaran atas usaha-nya yang saya nampak sa-lama ini, walau pun ada sa-tengah kawan² saya mengatakan saya sa-kali² jaga dalam masalah pelajaran ini. Tetapi walau macham mana pun tidak-lah boleh kita nafikan usaha Kementerian kita, Kementerian Pelajaran sekarang ini, berhubung dengan perkembangan pelajaran dalam negeri kita sekarang. Lebeh² lagi bila mana Kementerian ini di-pimpin oleh Yang Berhormat bekas Menteri Pelajaran yang dahulu. Tetapi kerana kehendak Tuhan bahawa manusia tidak boleh melebehi takdir, Menteri yang kita harapkan memimpin kita terpaksa meninggalkan kita dengan kemahuan-nya sendiri, kerusi atau jawatan yang kita pertanggungkan kapada-nya. Jadi satu kehilangan yang saya fikir, payah kita hendak dapat ganti dalam melaksanakan dasar² pelajaran kita. Tetapi walau macham mana pun tidak-lah keberatan saya menguchapkan sa-kali lagi tahniah kapada kaki-tangan pegawai² yang bertanggung-jawab kapada Kementerian ini, juga kapada bekas Menteri Pelajaran dalam usaha menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal mengikut dasar pelajaran yang kita telah sahkan sekarang. Tetapi apa yang saya hendak chakapkan pada petang ini, Tuan Pengerusi, harapan saya kapada Menteri Yang Berhormat yang akan menggantikan kerusi yang telah kosong dalam Jabatan Menteri Pelajaran, supaya berhati² dan berhemat² bukan sahaja kapada Yang Berhormat Menteri, juga kapada Penolong Menteri ia-itu Menteri Muda akan dapat menyelenggarakan urusan Kementerian ini. Tetapi walau macham mana pun pada masa yang akhir ini, jangan-lah terima gejala² yang boleh memecah-belahkan perpaduan kita dalam soal bahasa. Kita tahu gejala ini datang bukan sahaja dari kiri dan kanan,

tetapi sa-tengah-nya datang dari hadapan kita sendiri, daripada rusok kanan kita sendiri. Jadi saya memberi gambaran ini mengingatkan kepada Menteri yang akan di-lantek, juga kepada pegawai yang bertanggung-jawab dalam Kementerian, menjalankan dasar pelajaran yang ada hari ini.

Soal yang kita jalankan sekarang ini, Tuan Pengerusi, ia-lah mengikut Penyata Rahman Talib yang di-pinda dan di-semak dalam tahun 1960. Tujuan akhir kita ia-lah hendak menyatu-padukan ra'ayat negeri ini dengan satu bahasa penghantar. Salagi matlamat ini belum kita chapai, usaha yang kita agong²kan itu tidak boleh kita megahkan. Boleh-lah saya katakan, Tuan Pengerusi, Menteri Pelajaran atau kaki-tangan Kementerian Pelajaran ada-lah saya sifatkan cherita 1,001 malam, yang timbul dalam cherita ada cherita, dalam masaalah ada masaalah. Jadi, kalau tidak-lah kita pandai bermain gelombang mungkin perahu kita akan karam yang bukan sahaja akan merosakkan diri kita sendiri tetapi negara kita kehilangan pedoman. Ini-lah harapan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Saya tidak nampak dan tidak kira walau pun sahabat saya dari Bachok ada menhadangkan, kawan² sahabat saya, saya tidak kira siapa dia, yang saya kira tugas yang di-pertanggung-jawabkan. Sa-lain daripada itu, saya beraleh-lah kepada maudzu' perchakapan saya bagi membahathkan perbelanjaan ini.

Saya suka memberi ma'aluman kepada sahabat saya Yang Berhormat dari Kuala Kangsar yang memperkatakan diri-nya dalam Dewan ini sa-bagai ahli Court of Universiti Malaya, dan saya akui beberapa orang ahli dalam Dewan ini telah di-lantek menjadi ahli Mahkamah Universiti itu. Tetapi sekarang ini yang kita hadapi, Tuan Pengerusi, di-Sekolah Alam Shah ada 35 orang penuntut yang akan masuk universiti tahun hadapan lebeh kurang pada bulan Mei atau Jun yang pada hari ini mereka itu menggunakan bahasa penghantar-nya ia-lah bahasa Melayu. Dengan apa yang saya dengar daripada sa-orang ahli sahabat saya tadi kehampaan saya mula timbul dan keraguan saya mula datang. Ini

sudah nyata, Tuan Pengerusi, dalam bulan Mei tahun hadapan 35 orang penuntut² Melayu yang menggunakan bahasa penghantar Melayu akan masuk universiti, sedang kita tahu hari ini sa-bagaimana yang kita dengar ucapan daripada sahabat kita, chuma jurusan ekonomi sahaja yang menggunakan bahasa penghantar-nya bahasa Melayu yang di-kelolai oleh Mahaguru Uugku Aziz. Jadi di-mana-lah dudok-nya perkara ini kalau ahli Court of Universiti sendiri tidak tahu kedudukan-nya. Perkara ini akan di-adakan pada tahun 1965. Tahun demi tahun dan bulan demi bulan daripada sa-tahun ka-satahun murid² Melayu meningkat makin banyak bagi mengambil bahagian dalam bahasa penghantar Melayu. Tidak-lah kita hampa benar kalau sa-kira-nya ahli Court of Universiti itu sendiri tidak memberi jaminan bahawa perkara ini akan di-timbangan pada tahun akan datang.

Tuan Pengerusi, saya mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa 35 orang penuntut akan masuk universiti dalam tahun akan datang, tetapi dalam pada itu saya yakin dan perchaya Menteri yang berkenaan, Menteri memangku, dan kaki-tangan dalam Kementerian akan mengambil pandangan bahawa tahun akan datang, batu perchubaan atau ujian yang pertama akan berlaku, jika tidak dapat kita sesuaikan dan mengatasi masaalah yang timbul, maka ini akan jadi batu dorongan yang boleh mengukor sa-takat mana kejayaan kita dalam tahun² yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap sedikit atas masaalah ia-itu di-mana² negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu sekarang ini Sekolah Kebangsaan ada satu jawatan yang di-namakan Guru Pelawat. Sa-panjang yang saya mengikuti Penyata Rahman Talib jawatan ini hendak di-hapuskan, tetapi sa-panjang yang saya faham bahawa jawatan ini maseh di-pakai dan akan di-pakai. Jawatan ini akan di-pakai kita boleh dapat pengakuan daripada Pendaftar Besar Sekolah² dan Guru² Persekutuan Tanah Melayu, mempunyai beberapa syarat dan tanggung-jawab jawatan Guru Pelawat ini, kalau saya tidak silap lebeh kurang

21 tanggung-jawab Guru² Pelawat ini, sedang kita tahu dalam dasar pelajaran kita jawatan ini akan di-hapuskan dan di-gantikan dengan satu jawatan yang sesuai, tetapi apa yang saya di-ma'alumkan bahawa Guru Pelawat ini maseh di-beri tanggung-jawab. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri menjawab-nya, ia-itu bagaimana kedudukan, pendapatan, dan tanggung-jawab yang baharu telah di-tetapkan kepada mereka.

Sa-lain daripada itu, saya suka berchakap atas masaalah Sekolah Aneka Jurusan. Saya mengaku¹ ini satu langkah yang baik bagi anak² Melayu di-Sekolah Kebangsaan. 24 tahun lama-nya pengalaman saya dalam Sekolah Kebangsaan, tetapi saya dengar daripada sahabat saya wakil Bachok susunan Sekolah Aneka Jurusan ini menyebabkan kita lagi terkebelakang daripada apa yang kita hendaki, tetapi saya yakin dan perchaya dengan ada-nya dasar Sekolah Aneka Jurusan ini kita boleh meyakinkan kepada ra'ayat dan bangsa Melayu seluroh-nya bahawa anak² kita akan mendapat tempat dalam Sekolah Menengah Rendah dan Sekolah Menengah Atas. Sekarang, ini satu langkah ka-hadapan dalam segi persekolahan negeri kita sa-lepas merdeka. Saya memberi sa-kuntum bunga dan tahniah pada pehak yang berkenaan kerana mengadakan perubahan ini. Satu sahaja saya minta pandangan dan timbangan kepada segala pehak yang berkenaan bahawa Sekolah Aneka Jurusan bahagian menengah rendah ada-lah menaikkan kanak² itu ka-menengah atas melalui Pepereksaan L.C.E. ia-lah memandang kepada kebolehan dan keadaan kanak² itu sendiri. Di-sini-lah saya minta timbangan kerana masaalah ini kerap berlaku. Jika sa-kira-nya pandangan di-tumpukan daripada guru² bagi menaiki saloran mana mengikut ekedemik-kah memandang pada masaalah budak² itu sendiri apa yang dia suka, dan apa yang boleh maju dengan otak kanak² ini, kemudian guru beri recommendation atau beri sokongan. Ini saya takut dan churiga. Saya takut masaalah perkauman akan timbul di-situ menyebabkan anak² Melayu ini tidak masok segi ekedemik.

Saya tidak menudoh tetapi kalau ada puak² yang mengatakan memperjuangkan empat bahasa dalam negeri ini, ini mesti mempengaruhi pegawai² dan kaki²-tangan kita. Kechuali Kerajaan bertindak tegas tidak ada sekolah empat bahasa dalam negeri kita. Tuan Pengerusi, kalau dalam Dewan yang mulia ada pehak² berchakap memperjuangkan empat bahasa, tidak hairan di-luar Dewan dia akan bertempok dua kali kuat-nya daripada apa yang di-chakapkan dalam Dewan ini.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah:
Tuan Pengerusi, saya minta bahasa 'Arab kalau boleh.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin:
Tuan Pengerusi, saya suka sedikit buat satu umpamaan menjawab dari penjelasan itu. Dia ini takut kepada bayang²-nya sendiri, kalau dia tidak berchakap dan bertujuan itu dia tidak bangun. Jadi dia meraba²—dia menchuri sebab ada orang mengatakan ada bulu ayam di-kepala dia, dia pun meraba sebab dia menchuri (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saya suka hendak menyentoh sedikit lagi, muka surat 258—Jumlah Bilek Gerakan Bahasa Kebangsaan. Saya tidak tahu ini salah saya atau saya silap terjemahkan Jumlah Bilek Gerakan Bahasa Kebangsaan sa-banyak \$1,500. Tetapi biar-lah saya ikut terjemahan saya, Tuan Pengerusi, ini barangkali bantuan atau pertolongan kepada Bilek Gerakan Bahasa Kebangsaan sa-banyak \$1,500. Saya fikir \$1,500 ini kita bantu untuk melengkapkan Bilek Gerakan Bahasa Kebangsaan kita, Tuan Pengerusi, tentu-lah satu jumlah yang kecil sedangkan kita tahu bahawa sa-nya Bilek Gerakan Bahasa Kebangsaan ini ada-lah nadi yang menunjukkan perkembangan perjalanan bahasa kebangsaan kita di-dalam negara kita sekarang, jumlah \$1,500 tentu-lah tidak cukup. Na' saya kata tahun dahulu ada anggaran, ini tidak ada bertulis, tidak tahu saya kalau di-ambil daripada lain² tetapi kalau dapat dalam masa akan datang tolong-lah tambah, besarkan sedikit.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit S. 19

Sub-head 10, muka 263—Pemberian untuk Pengajaran Ugama di-Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah yang di-bantu sa-banyak \$4,000,000. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian ini menguntokkan wang yang begitu banyak bagi kemajuan pelajaran ugama di-sekolah rendah dan di-sekolah menengah. Tetapi apa yang saya minta di-timbangkan oleh Menteri Yang Berhormat pengawasan pengajian itu di-sekolah² rendah dan di-sekolah menengah. Saya sekarang ini sebab saya sendiri ada pengalaman dalam masaalah ini takdir-nya Guru Besar itu orang Islam ada lebih baik sedikit-lah, dia boleh membetulkan sedikit sa-banyak kalau terdapat salah silap—hetong panjang kerana sekolah menengah kebanyakan-nya orang² yang bukan Islam tentu-lah tidak sa-layak-nya kalau dia menchampori soal ugama. Jadi apa yang saya minta Kementerian ini menimbangkan supaya mengawas guru² yang mengajar jika sa-kira-nya di-maksudkan bantuan kepada guru di-sekolah menengah supaya mengadakan guru melawat—Guru Pelawat Ugama kerana kita tahu pada hari ini chuma tambahan-nya ada-lah di-Kementerian sahaja.

Sa-lain daripada itu saya berjangkit pula sedikit, Tuan Pengerusi, kepada Sub-head 12—Bantuan kepada Sekolah Ugama Islam Ra'ayat. Saya puji juga peruntukan tahun dahulu dengan tahun ini lebih banyak tahun ini. Ini satu kebaikan dari satu masa ka-satu masa bertambah besar, tetapi apa yang saya maksudkan penyentohan saya kepada Sub-head 12 ini, Tuan Pengerusi, saya minta Kementerian Pelajaran chuba mengawasi sekolah ra'ayat ugama Islam—sekolah ugama Islam ra'ayat yang dapat bantuan daripada Kerajaan. Sebab sa-tengah² sekolah ugama ini—sekolah pondok—anak murid-nya di-alatkan untuk kepentingan sa-buah parti politik. Jadi, ini-lah yang saya minta. Kita boleh buat macham² chara, kita kenakan syarat kepada guru-nya, kita kenakan kepada murid-nya, kita takut maasalah-nya nanti sekolah ugama ini akan menjadi satu pusat penyeludupan membawa politik dalam pengajaran.

Kemudian, Tuan Pengerusi, saya bangkitkan sedikit lagi kepada Sub-

head 29, Kepala 19 muka surat 265—Dewan Bahasa dan Pustaka. Tuan Pengerusi, biar-lah saya katakan Dewan Bahasa dan Pustaka ini ia-lah satu lambang. Orang yang berfahaman kejayaan atau tidak, berjaya-nya dasar pelajaran kebangsaan kita ada-lah tergantung kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada tahun ini dapat peruntukan yang bertambah daripada yang sudah—tahun 1964 ini pun saya menguchapkan terima kasih juga kerana tambahan peruntukan itu, tetapi apa yang maksudkan oleh sebab perkembangan segi bahasa kebangsaan atau pelajaran yang menggunakan bahasa kebangsaan, maka sa-olah²-lah bantuan ini di-lebuhkan. Kita tahu, sa-bagaimana saya katakan dalam ucapan permulaan saya tadi, kita akan menjadikan bahasa Melayu bahasa rasmi yang tunggal, insha' Allah dalam tahun 1967 dalam segi pentadbiran, tetapi dalam segi pelajaran maka dari usaha Dewan Bahasa dan Pustaka ini-lah di-letakkan tugas yang berat. Jadi, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri pada tahun akan datang supaya jumlah itu di-besarkan lagi. Saya tidak hendak mengulas banyak tentang Dewan Bahasa dan Pustaka, banyak telah sahabat saya berucap tanggungjawab peri mustahak-nya peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam perkembangan persekolahan kita.

Saya berbalek sa-mula, Tuan Pengerusi, kepada masaalah tadi, ia-itu untuk menyimpulkan ucapan saya yang ringkas pada petang ini, ia-itu masaalah mahaguru. Di-dalam Universiti Malaya, Pechahan Kepala 30 di-Dewan yang dahulu, Tuan Pengerusi, saya telah menchadangkan dan mengeshorkan kepada Kerajaan supaya mahaguru yang boleh menguasai bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar-nya untuk memberi ilmiah kepada mahasiswa², hendak-lah di-beri tambahan, atau elaun, atau peruntukan yang lebih, sebab kita tahu sekarang ini, kalau dengan pendapat yang ada hari ini—apa guna saya payah² hendak belajar, atau hendak memberi ilmiah di-dalam bahasa kebangsaan, sedangkan saya di-bolehkan untuk mengajar memberi ilmu atau ilmiah itu di-dalam bahasa Inggeris. Kalau

kita buat satu chara, barang siapa mahaguru, guru² di-sekolah menengah yang bukan mengajar bahasa kebangsaan, atau mengajar mata pelajaran dengan bahasa kebangsaan, kita beri peruntukan hadiah elaun yang asing sedikit. Ini satu chara daya penarik. Di-dalam jabatan lain ada pernah dibuat, Tuan Pengerusi. Jabatan Polis, mithal-nya Special Constable, kalau dia boleh berchakap di-dalam bahasa China dan dia itu orang Melayu, dia di-beri elaun bahasa China; kalau orang China dia boleh berchakap bahasa Melayu, pandai—dia di-beri elaun bahasa Melayu. Apa salah-nya mahaguru², guru², baik di-sekolah² menengah, peringkat universiti, kita beri satu peruntukan yang baik supaya menarik mereka itu menguasai bahasa Melayu.

Ada pernah sahabat saya berkata bahawa ta' dapat orang² ini berchakap, orang² bukan Melayu ta' boleh mengajar dalam bahasa Melayu. Ini satu chabaran kepada orang² bukan Melayu. Berapa puluh tahun duduk di-sini ta' boleh menguasai bahasa kebangsaan. Mahaguru² di-Indonesia di-beri tempoh dua tahun sahaja telah dapat menguasai bahasa Indonesia—dia menguasai; sudah beranak, berchuchu kita mengakui, ta' boleh kita mengakui perkara yang mustahil, tetapi di-dalam perkara ini langkah kita ada—ada langkah keras, ada langkah lembut. Saya bersetuju dengan langkah lembut itu, Tuan Pengerusi, sebab itu saya menhadangkan mahaguru² yang bukan Melayu di-universiti, guru² bukan Melayu di-sekolah² menengah, boleh menguasai, mengajar mata pelajaran bahasa kebangsaan kita, beri elaun, beri kedudukan dan kemudahan, syarat naik pangkat—insha' Allah ini akan berjaya. Saya tidak hendak berchakap apa², chuma saya hendak tanya sedikit sahaja—Yang Berhormat sahabat saya dari Singapura ada bertanya bila-kah Sabah dan Sarawak akan menerima sekolah perchuma, sebab kita sekarang ini sudah bersatu di-dalam Malaysia. Boleh-kah saya bertanya, bila-kah Singapura boleh menerima dasar pelajaran yang satu? (*Tepok*). Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong

peruntukan bagi Kementerian Pelajaran, di-samping itu saya mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan khas-nya kepada Kementerian yang telah pun mengkotakan apa yang di-katakan. Sa-belum pilihan raya dahulu, Kerajaan telah mengaku hendak mengadakan darjah² Aneka Jurusan. Saya di-fahamkan ta' ada Sekolah Aneka Jurusan, bahkan yang ada dalam dasar pelajaran yang ada sekarang ini ia-lah darjah² Aneka Jurusan yang di-tempatkan di-sekolah² menengah. Banyak di-antara sahabat saya tadi telah terkeliru di-atas perkara ini.

Tuan Pengerusi, dalam ucapan Yang Berhormat pada pagi tadi yang mengambil masa sa-lama lebeh kurang satu jam dengan memberikan penerangan yang chukup jelas di-atas dasar dan perbelanjaan² bagi satu² jabatan dibawah Kementerian-nya, saya fikir dasar pelajaran negara kita ini, jikalau di-bandingkan dengan dasar pelajaran negeri² yang lain, ta' ada tolok banding-nya, oleh kerana satu dasar yang memberi layanan yang chukup penoh, bukan sahaja kepada warganegara kita ini, bahkan kepada bangsa² yang dahulu-nya berasal daripada bangsa China, dan India—sekarang ini sudah menjadi warganegara, telah di-beri peruntukan untuk membena sekolah dan memberi bantuan untuk membayar gaji guru dengan sa-penoh-nya. Jadi, saya sangat tertarek hati di-atas dasar ini yang menuju ka-arrah perpaduan warganegara.

Waktu saya di-Jamaica dahulu, saya sangat tertarek hati di-atas Chogan Kata yang di-amalkan oleh negara Jamaica, ia-itu: "Out of many, one people". Jadi, dengan chara dasar pelajaran-nya dapat di-chantumkan daripada beberapa bangsa kepada satu bangsa, atau warganegara yang tulin yang mengaku ta'at setia kepada negara Jamaica. Jadi, kita pun bersetuju ka-arrah itu juga, insha' Allah mudah²an dapat kita hasilkan chita² kita itu, dan jikalau kita pandang bagaimana pendirian Kerajaan Ceylon mengenai hendak menjadikan bahasa Tamil sa-bagai bahasa kebangsaan-nya, maka beberapa ribu ra'ayat Ceylon daripada bangsa Tamil dan juga orang² Ceylon telah

terkorban jiwa-nya dan luka parah, oleh sebab hendak menjadikan bahasa Tamil sa-bagai satu daripada bahasa kebangsaan, dan saya sangat susah hati atas sikap orang² yang maseh memikirkan di-atas soal berbagai² bahasa—chuba-lah lihat negara tetangga kita, Thailand. Satu sen pun tidak di-beri bantuan kalau lain daripada sekolah yang berbahasa kebangsaan sendiri, dan siapa juga hendak belajar tidak di-beri, mendirikan sekolah² pun tidak di-beri, bahkan nama warga-negara Thai pun mesti dengan nama Thai, dan kalau kita tengok di-bangunan² perniagaan semua-nya tulisan Thai. Kalau ada orang yang ingin melekatkan nama lain daripada bahasa Thai, di-kenakan chukai, satu huruf beberapa ringgit, atau bat (duit Siam) untuk sa-tahun; begitu keras-nya undang² di-dalam negara Thai itu, kerana hendak menuju ka-arrah perpaduan ra'ayat. Alhamdulillah shukor bagi warganegara kita yang ada di-sini, dengan ada-nya satu dasar pelajaran yang chukup sesuai, yang chukup bertimbang rasa. Dan saya berharaplah kepada sakalian Ahli² Yang Berhormat yang ada di-dalam Dewan ini untuk sokong melaksanakan chita² kita ini, biar-lah kita bersungguh² berikhtiar supaya dapat perpaduan yang kukoh di-antara warganegara sakalian.

Tuan Pengerusi, mengenai pepereksaan Darjah VI, mengikut penerangan yang saya dapati, dengan ada-nya darjah² Aneka Jurusan ini pepereksaan Darjah VI ini akan di-hapuskan.

Jadi, ini akan menjadi satu sungutan pada masa hadapan. Saya fikir molek kalau di-adakan pepereksaan darjah enam, kerana daripada keputusan pepereksaan ini, dapat kita tentukan yang mana-kah saluran yang patut di-halakan, kalau ada academic mengikut pelajaran academic dan yang mana patut di-berikan kepada pelajaran aneka jurusan. Jadi dapat-lah penuntut² yang mempunyai jiwa haluan academic itu belajar bersungguh² untuk menghasilkan chita²-nya, dan juga penuntut² yang berjiwa dan berhaluan kepada pertukangan dan lain² lagi yang di-ajar di-darjah² aneka jurusan ini, berusaha dengan sa-penoh² tenaga untuk menghasilkan chita² itu.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, ia-lah mengenai Perlembagaan kita yang tertulis ia-itu bahasa kebangsaan ia-lah bahasa Melayu. Dan tulisan-nya tulisan Jawi bersama² dengan tulisan Rumi. Jadi saya lihat dalam pengajaran di-sekolah² kebangsaan, tulisan atau ajaran tulisan Jawi itu chuma ada satu sahaja Jadual, dan sangat² tidak memuaskan. Saya harap di-tambahkan lagi beberapa Jadual untuk mengajar anak² kita menulis dan membaca dalam bahasa kebangsaan dengan tulisan Jawi. Kerana kita sakalian banyak beragama Islam yang berharap hendak belajar ilmu pengetahuan agama melalui tulisan Jawi dengan ada-nya penuntut² kita berkebolehan menulis dan membaca dalam Jawi, maka dapat-lah penuntut² kita senang belajar ilmu hal ehwal agama. Saya ingin dapat tahu berkenaan dengan Remove Class.

Mr Speaker: Yang Berhormat itu berchakap atas muka berapa?

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Di-atas penerangan Yang Berhormat Menteri.

Mr Speaker: Muka berapa?

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Penerangan daripada Yang Berhormat Menteri itu bukan sahaja dapat mengkaji begitu tetapi saya ingin mendapat penerangan berkenaan dengan Remove Class ada-kah akan di-adakan lagi atau tidak, sama ada mustahak di-adakan atau tidak daripada Yang Berhormat Menteri.

Sekarang saya balek-lah kepada apa maksud saya hendak berchakap atas Kepala 18 berkenaan Penyelenggaraan Sekolah dan Asrama, bantuan penoh dan peruntokan-nya sa-banyak \$4,700,000. Jadi saya berharap pehak Kementerian ini supaya mendirikan di-tiap² Sekolah Menengah tinggi sa-buah asrama. Kerana Sekolah Menengah Tinggi ini ia-lah jadi sa-bagai satu sekolah menerima penuntut² dari Sekolah Menengah Rendah, jadi patut di-adakan asrama Sekolah Menengah Tinggi, dan saya minta supaya Sekolah Menengah Kebangsaan di-adakan juga.

Maka surat 262, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Pentadbiran Pejabat,

ia-itu Dewan Malaysia di-London. Waktu dalam perjalanan saya ka-Jamika, saya telah singgah di-London, dan saya dapat beramah tamah dengan penuntut² di-sana, dan saya dapati bahawa bangunan Dewan Malaysia di-London itu ia-lah sa-buah bangunan yang kecil, ta' dapat memberi peluang yang sa-penoh-nya kepada penuntut kita yang ada di-London itu tinggal di-sana masa mereka itu belajar. Saya harap Kerajaan akan memberi perhatian supaya membesarkan lagi Dewan Malaysia ini dan dapat-lah semua penuntut² kita yang belajar di-Universiti² London duduk di-satu tempat dan dapat layanan yang sama.

Muka 260, Tuan Pengerusi, Pechahan Kepala 101, Buku Pelajaran untuk Sekolah Kebangsaan, peruntukan sabanyak \$840,800. Banyak di-antara rakan² saya telah berchakap di-dalam perkara ini, chuma satu perkara yang saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian ia-itu buku² itu patut-lah di-beri kepada murid² pada penggal yang pertama. Yang kedua, dahulu saya dengar ia-itu jaminan daripada Yang Berhormat Menteri dahulu, yang mengatakan bahawa buku² tidak akan di-tukarkan sa-kurang²-nya dalam tempoh tiga tahun. Jadi, saya berharap-lah janganlah di-tukar tiap² tahun, jadi susah kepada murid² dan juga kepada waris kanak².

Kepala 19, Tuan Pengerusi, Kepala 19 Pechahan 1, Pemberian kepada Sekolah² Rendah dan juga Pechahan Kepala 2, Pemberian kepada Sekolah² Menengah. Saya beberapa kali telah pun menarek perhatian Yang Berhormat Menteri ini supaya bantuan untuk mendirikan sekolah² tambahan diberikan kepada sekolah yang kita fikirkan sesuai dan menghormati dasar pelajaran. Ada saya dapati daripada sekolah² lain daripada sekolah kebangsaan yang di-bawah urusan badan pengembang Keristian mendapat bantuan yang banyak untuk mendirikan sekolah². Saya fikir pada masa ini molek Kerajaan sendiri mendirikan sekolah² itu dan namakan sekolah Kerajaan. Jadi dengan kita beri bantuan wang sa-banyak itu sa-hingga dua ratus empat puluh ribu kepada sa-buah

sekolah kita dapati di-Pulau Pinang, di-tiap² sekolah itu di-beri bantuan, tetapi nama sekolah itu maseh sa-bagai sekolah yang mengembangkan ugama Kristian. Jadi, bantuan yang Kerajaan beri untuk mendirikan sekolah ini nama-nya hilang sa-kali sa-bagaimana kata pepatah Melayu: lembu punya susu, sapi dapat nama. Jadi, ra'ayat jelata ta' tahu di-mana datang-nya wang untuk mendirikan sekolah² ini. Saya harap pada masa akan datang Kementerian kaji dengan baik supaya dapat tanah daripada Kerajaan Negeri dan gunakan wang itu mendirikan sekolah Kerajaan sendiri dengan tidak pakai nama sekolah daripada Pengembang Ugama Keristian dan lain². Saya tahu bahawa dasar badan Pengembang Ugama Keristian ini ta' lain dan tidak bukan menjalankan pengaruh untuk mengembangkan ugama-nya dengan bantuan Kerajaan. Sunggoh pun mereka itu mengikut dasar dan sistem pelajaran, tetapi sa-balek-nya ada muslihat atau ada udang sa-balek batu. Saya sendiri telah mengalami perkara ini. Saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian yang berat di-atas perkara ini supaya dapat di-beri bantuan kepada pehak yang patut, dan yang tidak mengikut peratoran itu tidak di-beri langsung.

Mengenai Sekolah Menengah Bagan Ajam, dukachita saya menerangkan sekolah ini siap pada awal tahun 1963 dengan bilek ma'mal-nya sa-kali, tetapi malang-nya bilek ma'mal itu siap kelengkapan saloran ayer atau bekalan ayer dan ges tidak di-siapkan. Jadi sangat-lah dukachita kerana penuntut² itu berharap hendak belajar ilmu sains tidak dapat belajar di-sekolah itu, mereka pergi di-sekolah lain belajar, dan untuk mendirikan sekolah itu tidak ada satu peruntukan untuk mengadakan padang permainan. Murid² yang akan belajar di-situ pada tahun hadapan ini sa-ramai 500 lebeh. Jadi patut di-adakan padang permainan dan rumah Guru Besar dan penolong-nya, kerana satu sekolah yang besar mempunyai khazanah yang banyak berguna. Kalau tidak ada guru besar tinggal di-situ beberapa kali kita dapati kechurian dan bangunan sekolah itu rosak. Saya harap Kerajaan akan beri pertimbangan

supaya dalam plan hendak buat Sekolah Menengah Kebangsaan dan lain² juga hendak-lah ada peruntukan padang permainan, rumah Guru Besar dan rumah pekerja² yang berdekatan bangunan sekolah itu.

Pechahan Kepala 10—Pemberian untuk Pengajaran Ugama di-Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah yang di-bantu—peruntukan-nya sa-banyak \$4 juta ada-lah peruntukan yang banyak dan saya harap Kerajaan atau Kementerian ini, sa-bagaimana yang di-shor-kan oleh sa-orang daripada sahabat saya mengenāi gaji guru ugama ini, patut-lah memberi gaji yang sa-imbang dengan kebolehan mereka itu dan chukup bagi sara hidup keluarga mereka itu. Pada masa sekarang ini nampak-nya gaji mereka itu sangat-lah rendah kalau di-bandingkan dengan guru² normal dan lain². Saya harap dapat perhatian daripada pehak Kerajaan supaya kaji atas perkara ini.

Pechahan Kepala 12—Bantuan kepada Sekolah Ugama Islam Ra'ayat—peruntukan-nya \$600,000. Tahun sudah, peruntukan-nya sa-banyak \$550,000 tahun ini chuma tambah \$50,000. Sekolah Ugama Islam Ra'ayat, Tuan Pengerusi, ada-lah satu sekolah yang chukup menarek dan banyak penuntut² yang belajar di-sekolah kebangsaan waktu petang-nya masuk belajar di-Sekolah Ugama Islam Ra'ayat. Peruntukan sa-banyak \$10.00 kepada sa-orang murid kalau satu darjah itu ada 40 murid, sa-tahun dapat \$400.00 dan sa-orang guru yang hendak mengajar hitong panjang dapat \$35.00 satu bulan. Saya harap peruntukan \$10.00 bagi sa-orang murid itu di-lebuhkan lagi dan dapat-lah guru² yang mengajar di-situ kelebihan bayaran sagu hati, bukan kata gaji sa-banyak \$35.00 tidak patut kerana di-kampong² orang kampong ada juga kasehan rahim kepada guru²-nya beri zakat fitrah. Mereka itu harap kepada zakat fitrah, tetapi Kerajaan Negeri telah menjalankan kutipan zakat fitrah, maka guru² yang mengajar anak² kita di-Sekolah Ugama Islam Ra'ayat ini tidak mendapat bantuan daripada saluran itu. Saya harap dapat pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Pechahan Kepala 21—Bulan Bahasa Kebangsaan—peruntukan-nya \$88,700. Saya telah mengikut perlaksanaan Bulan Bahasa Kebangsaan ini beberapa lama dan saya jadi Pengerusi Bulan Bahasa Daerah beberapa kali. Saya nampak sambutan daripada orang² yang bukan Melayu chukup-lah lemah untuk hendak menarek hati orang² yang bukan Melayu menchampori dalam Bulan Bahasa Kebangsaan ini. Saya harap Kerajaan tukar dasar, ia-itu jawatan²-kuasa bagi Daerah, Negeri dan Kebangsaan di-pileh daripada orang² yang bukan Melayu, dan orang² Melayu yang ada pengalaman di-pileh untuk menasihatkan jawatan-kuasa itu bagaimana hendak melaksanakan Bulan Bahasa Kebangsaan, dan dengan chara ini saya fikir dapat-lah orang² yang bukan Melayu ini mengambil bahagian dengan sa-penoh-nya menguruskan Bulan Bahasa dan juga menjalankan kewajipan untuk menghasilkan chita² Bulan Bahasa Kebangsaan.

Pechahan Kepala 23—Biasiswa. Tuan Pengerusi, waktu saya di-Rumah Persekutuan di-London saya telah berchakap dengan penuntut², ada satu rungutan daripada penuntut² yang meminta saya sampaikan kepada Dewan ini, ia-itu ada penuntut² yang di-pileh untuk belajar dalam satu kursus

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat untuk perbahathan jawatan-kuasa ini tolong pendekkan sadikit. Kalau tuan berchakap, Ahli² yang lain tidak dapat berchakap.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Saya di-minta menyampaikan satu kehendak penuntut² di-sana yang menuntut dalam satu ilmu atau satu jurusan meminta supaya melanjutkan pelajaran dalam jurusan yang lain di-benarkan mereka itu berpeluang mengambil dalam jurusan yang di-pileh, dengan chara itu dapat mereka waktu muda berada di-London belajar mengambil beberapa jurusan yang penting, bukan sahaja pada jurusan khas yang mereka itu di-tugaskan atau di-beri biasiswa itu belajar.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya ingin menarek perhatian Kementerian ini mengenai sa-buah sekolah

ugama ra'ayat di-Padang Menora. Sekolah ini bahasa penghantar-nya bahasa Arab dan juga bahasa kebangsaan dengan tenaga orang kampung dan ahli² jawatan-kuasa-nya telah berikhtiar mengajar penuntut² dalam bahasa kebangsaan dan masok Peperiksaan Sijil Rendah dan pada tahun 1963 keputusan-nya chukup memuaskan, ia-itu 73 peratus lulus dalam Peperiksaan Sijil Rendah dengan adanya guru² sekolah ugama ra'ayat sendiri mengajar bahasa kebangsaan. Ini adalah satu kejayaan yang besar.

Tetapi malang-nya manakala mereka itu minta melanjutkan pelajaran melalui bahasa kebangsaan di-sekolah² menengah kebangsaan, pihak Pegawai Pelajaran Negeri—saya sebutkan Pegawai Pelajaran Negeri Pulau Pinang—tidak membenarkan mereka itu masok melanjutkan pelajaran Tingkatan IV sungguh pun saya sa-bagai Ahli Jawatan-kuasa Pentadbir sekolah itu memberi tahu kepada pihak yang berkenaan ada tempat kosong tetapi malang-nya tidak di-beri peluang untuk mereka itu melanjutkan pelajaran ka-Tingkatan IV. Oleh kerana itu, mereka ini tidak dapat masok peperiksaan darjah menengah. Ini satu perkara yang sangat medukachitakan dan saya berharap pihak Kementerian akan memberi peluang kepada penuntut² yang kelulusan-nya sama dengan sekolah Kerajaan supaya di-benarkan melanjutkan pelajaran di-dalam sekolah menengah kebangsaan tingkatan IV dan V. Sakian, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya berchakap di-atas S. 18, muka 209, Butiran (1)—Menteri Pelajaran dan Butiran (4)—Ketua Penasihat Pelajaran.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada pagi tadi telah menerangkan dengan panjang lebar-nya berkenaan dengan perkembangan² pelajaran terutama sa-kali berkenaan dengan Sekolah Aneka Jurusan. Dan begitu juga berkenaan dengan pertubuhan beberapa buah College di-dalam tanah ayer kita. Saya telah menyemak. Tuan Pengerusi, daripada awal hingga akhir-nya di-dalam Anggaran Perbelanjaan ini ada dua tiga

perkara yang saya dapati belum terchatit di-dalam Anggaran ini. Maka oleh sebab itu saya suka-lah hendak mendatangkan pertanyaan kepada Menteri Yang Berhormat, yang pertama, bila-kah masa-nya negara kita, Malaysia, akan mengadakan sa-buah College ia-itu College Seni Tari dan Music, dan yang kedua, ia-lah College Art and Craft. Saya rasa sa-bagai sa-buah negara, umpama Malaysia ini, sangat-lah berkehendakkan kepada College² yang tersebut, kerana College yang mempunyai ilmu pelajaran tersebut akan mendatangkan banyak perkembangan² kemajuan bagi negara kita. Jadi, oleh kerana itu saya berharap-lah kepada Menteri Yang Berhormat supaya memikirkan menubuhkan College² sa-bagaimana yang saya katakan itu; ini ada-lah kerana faedah untuk negara kita yang akan mengeratkan lagi perpaduan di-antara bangsa yang ada di-dalam negara kita.

Dan yang kedua menyentoh saya berkenaan dengan S. 18, muka 221—Jabatan² Penuntut Malaysia di-Luar Negeri dan muka 223—Pengaroh, Jabatan Penuntut Malaysia, Australia. Tuan Pengerusi, saya telah di-fahamkan bahawa penuntut² di-Australia terutama sa-kali penuntut² Melayu dengan penuntut² yang bukan Melayu, saya telah di-fahamkan baharu² ini yang mengatakan bahawa perpaduan di-antara penuntut² Melayu dengan penuntut² yang bukan Melayu sa-lepas daripada perusohan di-Singapura amat-lah renggang. Jadi oleh sebab itu saya berharap jika benar apa yang telah di-fahamkan kepada saya, saya mintalah kepada Kementerian Pelajaran akan mengambil satu penyiasatan dan penyelidikan berkenaan dengan hal² yang tersebut itu.

Bagitu juga berkenaan dengan Malaya Hall di-London saya telah di-rayukan juga oleh penuntut² di-sana supaya di-adakan sa-orang guru ugama. Kerana kata-nya ini sangat-lah menyusahkan mereka itu berkenaan dengan hal-ehwal ugama kerana apabila tiba Hari Raya susah-lah mereka itu hendak mendapatkan Imam untuk membacha khutbah di-dalam Madrasah yang telah di-sediakan di-dalam Malaya Hall di-London itu. Bagitu juga berkenaan

dengan perkara² kematian, kerana apa yang saya telah di-fahamkan bahawa baharu² ini telah berlaku ia-itu sa-orang anak perempuan kapada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang telah meninggal dunia di-London baharu² ini mengatakan sangat-lah sukar-nya hendak mendapatkan Imam untok memandikan mayat. Jadi saya berharap-lah perkara ini Menteri Yang Berhormat akan mengambil satu ingatan supaya hal² tersebut itu dapat di-sempurnakan.

Berkenaan dengan University Malaya, banyak-lah rakan² saya telah berchakap berkenaan dengan apa² kerumitan berkenaan dengan University Malaya. Saya telah dapat tahu sedikit masa yang telah lalu ada ura² bahawa jawatan Vice-Chancellor itu akan di-Malayanisakan. Jadi, sa-kira-nya perkara ura² itu benar, saya amat-lah terima kaseh, kerana saya fikir sudah sampai masanya bagi Kementerian memikirkan bahawa jawatan Vice-Chancellor itu di-pegang oleh anak negeri kita ini sendiri. Sa-kira-nya jawatan itu di-pegang oleh anak negeri, saya perchaya-lah segala² kesulitan dan segala rungutan² yang telah sama² kita dengar dalam Dewan pada hari ini akan dapat di-selenggarakan dengan baik dan dengan mudah-nya.

Dan muka 259, S. 18—Biasiswa Negeri. Ini saya chuma hanya hendak merayu kapada pehak Kementerian Pelajaran supaya memikirkan ada didalam Malaysia kita ini negeri² yang mundur dan ada Negeri² yang kaya. Umpama-nya, negeri Perlis ada-lah sabuah negeri yang mundur, kalau sa-kira-nya bantuan biasiswa itu di-bagi sama sa-bagai taraf Negeri² yang maju tentu-lah negeri Perlis tidak dapat mengejar kemajuan² sa-bagaimana sabuah negeri yang mundur itu. Jadi, saya berharap-lah perkara ini mendapat pertimbangan yang istimewa kapada Menteri supaya memberikan peruntokan biasiswa itu kapada negeri Perlis lebeh-lah daripada yang telah lalu.

Bagitu juga pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan guru² latehan. Kerana apa, baharu² ini ada rungutan² daripada guru² D.T.C. yang mereka itu

tidak bagitu puas hati dengan kedudukan mereka terutama sa-kali berkenaan dengan perkara gaji. Jadi saya berharap-lah perkara ini supaya dapat di-timbangkan oleh Menteri, Yang Berhormat kerana kemajuan sekolah² rendah kita ada-lah bergantung kapada guru²-nya. Sa-kira-nya jikalau ada diantara guru² kita yang tidak bagitu puas hati dengan apa yang berlaku pada hari ini, boleh jadi-lah banyak perkara² yang akan tidak baik akibahnya akan berlaku. Jadi saya berharap kapada Menteri yang berkenaan supaya menimbangkan di-atas kedudukan mereka itu supaya taraf mereka itu dapat di-samakan dengan guru² latehan yang lain. Jadi, itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kaseh.

Enche' Lee Seck Fun (Tanjong Malim): Mr Chairman, Sir, I wish to join the Honourable Member for Lipis in expressing thanks and in congratulating the predecessor of our present Acting Minister of Education for the wonderful work that he has done during his term of office. He has, I am proud to say, helped my constituency a lot. He has given a grant of \$60,000 towards the construction of a new National-type Chinese medium secondary school in Tanjong Malim known as the Catholic High School. This school was first initiated by the present Acting Minister of Education, for which I should also thank him.

In regard to the Comprehensive School System. I note that there have been much comments about it, and it has also been mentioned in the editorial of the *Malayan Times* today that it is an education reform. Sir, this policy should be commended as this new system of education is going to breed a new set of young people, who will not be afraid to dirty their hands, to learn worthwhile skills, and have the guts and initiative to strike out into new fields of endeavour. This is the main objective of the Comprehensive School System. As we all know, under the present educational policy, or the present way of education, everybody wants to get a pass in L.C.E., F.M.C., or School Certificate and then to become a clerk or to seek a white

collar job, and very few are interested in becoming technicians as the youths of other countries do. The Honourable Member from Singapore who spoke before me has spoken at length in comparing the Singapore way of approach towards education with that of ours, and from what he has said just now and from the facts and the record of our education programme, I think our education programme is far better than that of Singapore.

Now, Sir, I wish to touch on Head S. 18, Sub-head 1, item (9), Planning Officer, National Language, Superscale F, on page 209. I would like to draw the attention of this officer that Sungkai and Tanjong Malim should each have a Sekolah Menengah Kebangsaan or, the latest one, a comprehensive school. In Sungkai there are several primary schools—national-type, Malay, Chinese and Indian media—and all the children of those schools there will have to go to Tapah, which is nearly twenty miles away, for secondary education, and since many of them are poor, they just cannot continue their secondary education. So, this matter needs the attention of the officer concerned who, I hope, will see to it that there is a secondary school in Sungkai and also one at Tanjong Malim. All those children now have to be attached to the assisted English-medium secondary schools, and if they really want to study in the Malay medium, there is no proper school there—there are Malay-medium secondary classes, but these are all attached to assisted secondary schools of English-medium. Therefore, this matter needs the attention of the officer concerned.

Then I wish to touch on Sub-head 1, item (12), Principal Assistant Secretary (Establishment and Service). I wish to draw the attention of this officer to the fact that quite a number of teachers have completed their course at the Language Institute—quite many of them are from Perak—but their increments have not been looked into for nearly two years. In order to make the teachers happy and to work hard, I think it is most important that they are given the increments of salaries due

to them, and I hope that this matter is quickened.

Then I come to item (15), Educational Planning and Research Officer, page 210. I hope this officer will see to it that the teachers whom we are going to recruit now are being given to understand that they as teachers must always try not to be biased towards any political party. They should tell the students what the governing party is doing when they are asked, and they must also tell what the Opposition parties are doing. They should not be biased or be one-sided.

Then I come to page 211, item (28)

Mr Chairman: I hope the Honourable Member does not intend to go page by page over the Estimates! Are you?

Enche' Lee Seck Fun: No, Sir, a few important items only—not all, Sir. (*Laughter*). I would like to touch on item (28), page 211, Chief Liaison Officer, Muslim Religious Schools. In my constituency, there are many Sekolah Agama Ra'ayat which are assisted only to a little extent by the Government, and when the murid-murid have completed their Agama Rendah they have no Sekolah Menengah Agama to go to in my constituency. So, I would suggest that this officer must try and plan to build a Sekolah Menengah Agama at Slim Village, as that is a central area and site is available, so that when all the pupils living in and around Bidor, Sungkai, Slim River, Trolak, Behrang and Tanjong Malim have completed their course in Sekolah Agama Ra'ayat Rendah, they can go to this school and complete their secondary *agama* course. From there they can go to College Muslim, Klang or to Cairo University. (*Laughter*)

Mr Chairman: Time is up!

House resumes.

Mr Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee of Supply on the Supply Bill, 1965, has progressed up to Head S. 17 of the Schedule.

ADJOURNMENT

Dato' Haji Sardon: Mr Speaker, Sir, I beg to move that this House do now adjourn.

Enche' Mohamed Khir Johari: Sir, I beg to second the motion.

ADJOURNMENT SPEECH

ISSUE OF TAXI LICENCES

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Mr Speaker, Sir, today I wish to bring before the attention of this House the unfair and unreasonable manner in which taxi licences are being issued. I hope Honourable Members will not jump to conclusions and think that I am going to criticise the fixing of quotas for Malays. My object is not that today, although I will be touching on the uselessness of this quota to those Malays whose poverty compels them to apply for taxi licences which they invariably do not get.

Mr Speaker, Sir, according to the answer given to my Question No. 58 in the Parliament sitting of the 6th July, 1964, the criteria or factors regarding the issue of taxi licences are as follows:

- “(a) Whether the applicant resides at the base from which the taxi cab or hire car is to operate;
- (b) Whether the applicant has served as a member of the Security Forces;
- (c) Whether he has the financial ability to acquire a vehicle;
- (d) Whether he is going to drive the vehicle himself.”

Mr Speaker, Sir of the above four criteria at least two are not followed by those granted the licence, and the third demanding financial ability kills the poorer people from acquiring taxis. Those who have money are helped to make more money and those who have not any money are not even given a chance to earn a livelihood. We all know that most people are not in a position to buy their taxis and they buy the taxis—most of them—on hire purchase; and, as such, I see that this condition, “has the financial ability to acquire a vehicle” is barring the people

who are poor from acquiring taxi licences. Nevertheless, the above conditions are not followed in the case of at least one car, Taxi No. PE. 1518 granted to one Enche' Mohammed Ismail. Enche' Mohammed Ismail must have told the Licensing Board, who has granted him a licence, a few untruths. From the answer given to my Question No. 57 on the 6th July, 1964, it appears that the Minister of Transport is condoning the false declarations and whitewashing the action. Enche' Mohammed Ismail is supposed to have stated that he lives in Changkat, where he is supposed to run a sundry shop. That was true several years ago, but for the last five years or so, Enche' Mohammed Ismail leased his shop to another person and is now living in a house provided by Enche' Arumugam Pillai in his estate, five miles away from Changkat. Enche' Mohammed Ismail only goes to Changkat to collect the rent, which I understand has been received very much in advance. Therefore, he does not fulfil condition No. 1, which says that he must reside in the area which he operates. The second condition does not apply to him as he has not been a member of the Security Forces. The third is the only condition he fulfils, as he has shares in several shops and rubber estates. As for the fourth condition, “to drive the vehicle himself”, he never carried it out. The vehicle has never been driven by him and he obtained his public service driving licence only after I had raised the question in Parliament. Even today the vehicle is not based at Changkat but is kept at Val Dor Estate, about 10 miles away, and is not driven by him but by a driver who lives on Val Dor Estate. As such, Enche' Mohammed Ismail has violated three of the conditions stipulated and has made false statements to obtain his licence. How he managed to do so and how he is permitted to do it, even after I had brought up this to the notice of this House, I am unable to understand. But I am told that he is the President of the Malayan Indian Congress, and that might have been one of the reasons why he has been given that licence.

Mr Speaker, Sir, why are not poor people given licences to buy taxis on hire purchase? Why cannot Government give loans to these people to buy taxis? Why are only big industrialists in this country given loans to earn more money? Why should not the poor of this country, who want to earn a decent living, be given a loan by RIDA, by Apex Bank, so that they can buy a taxi on hire purchase and thus earn a decent livelihood? Thank you.

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir: Mr Speaker, Sir, I rise to reply to the Adjournment Speech made by the Honourable Member for Batu on the subject of abuses in granting taxi licences. I strongly deny this allegation, Sir. In this connection, I would like to explain to the House the basis on which application for taxi licences are granted.

Sir, applicants for licences to operate taxi cabs or hire cars to fill any vacancy are interviewed by the Road Transport Licensing Board, comprising of the Commissioner, or his Deputy, as Chairman, and unofficial members appointed by me under Section 105 (1) of the Road Transport Ordinance. In selecting suitable candidates, the following matters are taken into consideration.

Firstly, the applicant must reside at the base where the vacancy exists. In this allegation of his, the man may not be on that particular spot, but he resides nearest to that spot compared with all the other applicants. Secondly, in Penang, the quota for the Malays is full. Therefore, we have not restricted that the driver of a car, as is usually the case when granting licences to the Malays when the quota is not full, should be an applicant who is a Malay himself or any other Malay—the aim of such a restriction is to restrict, or to stop name lending. In this particular case, although the applicant's name looks like a Muslim name, in actual fact he is not a Malay, and also this does not come under the quota system because in Penang the Malay quota is full.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, on a point of clarification. I did not mention anything about the quota system.

Dato' Haji Sardon: Well, I am explaining to you.

Dr Tan Chee Khoon: I did not mention anything about the quota. I did not question this question of quota.

Dato' Haji Sardon: I am explaining to you that the quota in Penang is full, and that although this man's name happens to be a Malay or a Muslim name, he is not subject to condition (d). If the licence were granted to a Malay, then the condition, "You drive yourself or any other Malay", is put on the licence. The idea is to put a check on name lending, which is a great menace in the matter of helping the Malays to improve their economic standard in the Road Transport section.

Now, I come to the second point. In a State where the extent of Malay participation in the operation of taxi cabs or hired cars is not yet satisfactory, applications from Malays only will be considered. In this case we have to endorse in the licence that a Malay himself drives the taxi or another Malay; otherwise, he sells out his licence in the name of Ali, but Baba drives it. Now, that is what has happened. But once the extent of Malay participation is satisfactory all applications, whether from Malays or non-Malays, are considered according to their merits. In this case, although the name is Mohammed Ismail, or whatever it is, he is considered on personal merits and not as a Malay.

Now, as regards applicants who have security service being given due consideration, I would like to say that in this case nobody who had security service applied.

Now, as regards the financial ability of applicants, and this is what the Honourable Member was stressing at length just now, the Board is aware that at present this is not a problem, because motor cars can be bought on hire purchase at a very low initial payment, and loans are obtainable, in the case of Malays, from R.I.D.A. and any other source, and the Board takes a very sensible view of this matter.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, on a point of clarification—is this

an assurance by the Honourable Minister that an applicant for a taxi licence, if he states that he wishes to buy a taxi on hire purchase, will be given a licence—other things being equal?

Dato' Haji Sardon: Sir, I cannot direct the Board. I said that the Board will take a sensible view of things. I think the Honourable Member must understand that those members of the Board are sensible people, people with certain standing. I cannot bind them, as otherwise the Board is not independent, and the Honourable Member will accuse me of being a dictator, dictating to the Board. I am sure the Honourable Member for Batu would not want me to do that. However, I have given him the principle of things and I hope members of the Board who are sensible people, people of position, will practise it, and I know for a fact that they are practising it. With a view to minimising the opportunity for name-lending, the Licensing Board also gives consideration to applications from Malay Co-operative Societies, who have members residing at the base to drive taxi cabs or hired cars. Now, when I say "at the base", I mean that if nobody stays at the base, then at the nearest point. I hope the Honourable Member for Batu is clear on that point; otherwise we cannot issue a taxi permit in that particular area and the people will suffer for which I will be blamed. I think we must be a bit reasonable in defining what is a base, or region, or area.

A taxi cab, or hired car, licence contains a condition that the vehicle shall be commonly kept at and operated from its authorised base. If complaints are received that the vehicle has not been operating from the authorised base, investigations will be carried out

and if evidence is found that the vehicle has not been so operated for a reasonable period of time, then action will be taken to warn the operator that any offence committed in future will result in the suspension or revocation of his licence by the Licensing Board. If there is evidence that the grant of the licence was induced by a false representation of facts by, or on behalf of, the holder, action will be taken by the Licensing Board to cancel the licence. I invite the Honourable Member for Batu, or any other Honourable Member, if he has got any evidence, to please communicate to the Ministry of Transport, so that we will investigate further, and if it is proved, even if a licence has been granted, it can still be cancelled.

There is no condition on hired car or taxi cab licence requiring the licensee to drive the vehicle himself—now, this is a case where the Malay quota system is already full. However, when Mohammed Ismail applied for a licence he was required to make a statutory declaration that the vehicle should be operated from a base at Changkat, Seberang Prai. In view of the information that the vehicle is not based or is not being operated from the authorised base, the Senior Registrar and Inspector of Motor Vehicles, Penang, has been instructed to investigate, with a view to taking the necessary action against him, if the evidence is there to prove that he is committing this offence according to the conditions laid down in the permit.

Question put, and agreed to.

Mr Speaker: The House is now adjourned until 10 a.m. tomorrow.

Adjourned at 8.16 p.m.